




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI MELAKA TAHUN 2005



JABATAN AUDIT NEGAR
MALAYSIA



**LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA**

**AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS
JABATAN/AGENSI NEGERI MELAKA
TAHUN 2005**

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
<u>KATA PENDAHULUAN</u>	iii
<u>INTI SARI LAPORAN</u>	vi
<u>BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI</u>	
<u>Pendahuluan</u>	1
Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan: Pengurusan Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer <u>Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)</u>	
<u>Latar Belakang</u>	1
<u>Objektif Pengauditan</u>	1
<u>Skop Dan Kaedah Pengauditan</u>	2
<u>Penemuan Audit</u>	2
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	36
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah: <u>Program Pengindahan Bandar Melaka</u>	
<u>Latar Belakang</u>	37
<u>Objektif Pengauditan</u>	37
<u>Skop Dan Kaedah Pengauditan</u>	37
<u>Penemuan Audit</u>	38
<u>Rumusan Dan Syor Audit</u>	88

PERKARA	MUKA SURAT
<u>BAHAGIAN II: PERKARA AM</u>	91
<u>Pendahuluan</u>	91
<u>Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun Lepas</u>	91
<u>Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Yang Masih Belum Selesai (Isu Penting Sahaja)</u>	95
<u>Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/Agensi</u>	95
<u>Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri</u>	95
<u>PENUTUP</u>	97

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka mendarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Melaka. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
2. Laporan saya mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi Negeri tahun 2005 ini disediakan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti/kajian khas yang telah dijalankan di satu Jabatan dan satu Pihak Berkuasa Tempatan sepanjang tahun 2005 melalui kaedah pengauditan yang telah dinyatakan.

Laporan ini disediakan dalam 2 Bahagian seperti berikut:

Bahagian I : Aktiviti Dan Kajian Khas Jabatan/ Pihak Berkuasa Tempatan

Bahagian II : Perkara Am

3. Selain daripada menjalankan Pengauditan Prestasi, pihak saya juga menjalankan Pengauditan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pengurusan Kewangan. Laporan saya bagi kedua pengauditan ini dilaporkan secara berasingan mulai Laporan saya bagi tahun 2005. Tujuannya adalah bagi memudahkan dan mengasingkan Laporan berkenaan Pengauditan terhadap aktiviti dan kajian khas dengan tujuan untuk dibentangkan secepat mungkin di Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri tanpa perlu menunggu pengesahan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri selesai. Sememangnya isu yang dilaporkan pada Laporan ini adalah tidak berkaitan dengan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan sudah tiba masanya pembentangan Laporan Ketua Audit Negara berkenaan aktiviti dan kajian khas Jabatan/Agensi Negeri dibentangkan di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri sebaik sahaja ianya selesai diaudit dan pada bila-bila masa.

4. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2004 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan. Pada umumnya, pengurusan program/aktiviti/projek Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri pada tahun 2005 telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya.

5. Pada pendapat saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan Agensinya boleh dipertingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mempunyai 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a) **SKILL** – Setiap pegawai/kakitangan adalah merupakan modal insan, perlulah mempunyai kemahiran profesional berkaitan dengan tugas masing-masing dan mengekalkannya menerusi pembelajaran dan latihan yang berterusan.
- b) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat dan dedikasi supaya kualiti sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.
- c) **KNOWLEDGE** - Setiap pegawai/kakitangan mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen. Tidak ada sikap sambil lewa.
- e) **PROCEDURE** – Setiap pegawai/kakitangan hendaklah mematuhi segala peraturan/undang-undang yang ditetapkan dengan jujur dan amanah.

6. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki segala kelemahan dan meningkatkan lagi tahap pengurusan wang awam, khususnya untuk mengurangkan pembaziran, pemborosan dan projek bermasalah. Ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat di Negeri Melaka. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

7. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

26 Julai 2006

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I - AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

1. Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan : Pengurusan Pelaksanaan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS)

Pengauditan yang dijalankan mendapati Sistem Pengurusan SPEKS oleh Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan secara keseluruhannya adalah memuaskan. Aktiviti yang dilaksanakan mempunyai aspek perancangan yang baik, bagaimanapun permasalahan di peringkat Jabatan perlu diberi perhatian yang sewajarnya. Pematuhan kepada prosedur dan arahan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam pembangunan SPEKS. Selain itu, kakitangan yang terlibat iaitu secara teknikal atau pengguna perlu diberi latihan yang sewajarnya bagi memberi kefahaman jelas semasa pelaksanaan SPEKS. Bagaimanapun usaha tetap dijalankan oleh Jabatan bagi memastikan SPEKS dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang ditetapkan.

2. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah : Program Pengindahan Bandar Melaka

Program pengindahan Bandar Melaka yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah adalah bermatlamat untuk menjadikan Melaka sebagai Bandaraya Berbudaya dan Bersejarah Dalam Taman menjelang tahun 2005. Matlamat ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka Negeri Maju pada tahun 2010 dengan memberi tumpuan kepada industri pelancongan. Secara keseluruhan program yang dilaksanakan adalah berjaya menarik bilangan pelancong berkunjung ke Melaka. Namun Majlis perlu mempertingkatkan pengurusan dan memantau kawasan penyelenggaraan dari kegiatan vandalisme agar program pengindahan tetap terpelihara.

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I **AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI**

1. PENDAHULUAN

Akta Audit 1957 menghendaki Jabatan Audit Negara mengesahkan penyata kewangan dan menjalankan pengauditan pematuhan. Selain itu, Akta juga menghendaki pengauditan dijalankan terhadap program dan aktiviti Jabatan dan Agensi Kerajaan bagi menilai kecekapan dan keberkesanannya. Bagi memenuhi kehendak Akta, satu kajian telah dipilih untuk dinilai prestasinya. Kajian meliputi Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan. Laporan pengauditan aktiviti adalah seperti berikut:

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

PENGURUSAN PELAKSANAAN SISTEM PERAKAUNAN BERKOMPUTER STANDARD KERAJAAN NEGERI (SPEKS)

2. LATAR BELAKANG

Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS) merupakan satu sistem perakaunan berkomputer yang dilaksanakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia hasil dari Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri pada pertengahan November 1996. Sehubungan itu, pelaksanaan SPEKS secara *national roll-out* untuk 9 negeri termasuk Negeri Melaka mula dilaksanakan pada awal tahun 2003 di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka (Perbendaharaan Negeri). Pelaksanaan SPEKS bermula dengan Modul Lejar Am di Perbendaharaan Negeri pada bulan Januari 2003 dan diikuti dengan 10 modul di Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Jabatan. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab terhadap pembangunan sistem aplikasi, membekalkan peralatan SPEKS dan penyenggaraan sistem. Syarikat Konsortium Jaya Sdn. Bhd. (KJSB) telah dilantik pada Ogos 2001 bagi melaksanakan projek ini dengan kos sejumlah RM101 juta. SPEKS dijangka dapat memperbaiki kelemahan dalam pengurusan kewangan dan menjadi sumber rujukan maklumat kewangan negeri bagi persiapan Kerajaan Negeri ke era Kerajaan Elektronik.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

SPEKS dibangunkan bertujuan untuk mempertingkatkan prestasi pengurusan kewangan Kerajaan Negeri supaya penyata kewangan yang standard, berkualiti dan tepat pada masanya dapat disediakan. Objektif Audit adalah untuk menentukan pengurusan

SPEKS dikendalikan dengan cekap dan berkesan di samping memastikan pelaksanaan sistem ini mencapai matlamatnya.

4. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Kajian ini ditumpukan kepada pelaksanaan SPEKS di Melaka dan dijalankan terhadap aktiviti di peringkat Perbendaharaan Negeri sebagai pelaksana. Empat PTJ/Jabatan pengguna telah dipilih untuk diaudit bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005. Pengauditan dijalankan dengan cara menyemak rekod, fail dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pelaksanaan SPEKS. Pemilihan sampel di Jabatan pengguna dibuat mengikut jumlah transaksi dan aktiviti Jabatan iaitu sampel bagi Jabatan yang besar dan kecil. Jabatan yang dipilih adalah Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Lawatan dan perbincangan bersama pegawai dari Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan turut dilakukan. Pemeriksaan Audit terhadap 4 modul SPEKS yang dipilih iaitu Sistem Lejar Am, Sistem PTJ Kewangan, Sistem Lejar Akaun Subsidiari dan Sistem Pengurusan Aset dan Inventori telah dibuat. Soal selidik mengenai pelaksanaan modul SPEKS juga diedarkan kepada 19 PTJ/Jabatan dan analisis terhadap jawapan yang diterima daripada 14 PTJ/Jabatan telah dibuat. Skop dan kaedah yang dipilih ini adalah memadai untuk memberi pendapat sama ada sistem perakaunan dikendalikan dengan cekap dan berkesan atau mencapai objektifnya. Ini adalah kerana skop tersebut meliputi seluruh aktiviti dan melibatkan modul yang terdapat dalam SPEKS.


5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Perancangan merupakan salah satu elemen penting sebelum sesuatu projek atau sistem dilaksanakan oleh sesebuah organisasi dan perlu mengambil kira di setiap peringkat berkaitan. JANM akan menubuhkan Jawatankuasa Pemandu SPEKS dan Jawatankuasa Teknikal SPEKS serta Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan, Pasukan Petugas Peralatan/Rangkaian dan Pasukan Petugas Aplikasi untuk mengenal pasti keperluan dan memantau pelaksanaan SPEKS di setiap negeri. Carta pengurusan projek SPEKS adalah di **Carta 1**.

Carta 1

Carta Pengurusan Projek SPEKS



Nota:



Ditubuhkan di peringkat Jabatan Akauntan Negara Malaysia



Ditubuhkan di peringkat Perbendaharaan Negeri Melaka

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

5.1.1 Polisi Kerajaan Negeri

SPEKS dirancang dan dibangunkan untuk memenuhi keperluan perakaunan Kerajaan Negeri bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Negeri dan pengurusan kewangan. Ia selaras dengan misi Kerajaan Negeri untuk menjadikan ICT sebagai teras dalam pelaksanaan semua aktiviti jentera pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka. Ia dibangunkan untuk menyeragamkan sistem perakaunan yang digunakan oleh semua negeri di Semenanjung Malaysia. Di Melaka, SPEKS menggantikan Sistem Perakaunan Negeri (SPEN) yang digunakan oleh Perbendaharaan Negeri sejak tahun 1995 hingga 2002. Pelaksanaan SPEKS telah dimulakan di Negeri Kedah dan Negeri Perlis pada pertengahan 2000 sebagai perintis. Manakala pelaksanaan *national roll-out* yang mengandungi 11 modul melibatkan 9 buah negeri, iaitu Negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Pulau Pinang dan Perak mula dilaksanakan pada bulan Januari 2003. Pelaksanaan dijangka selesai pada bulan Julai 2005. Perancangan dan penyediaan infrastruktur, perkakasan dan pembangunan sistem aplikasi untuk memenuhi keperluan perakaunan Kerajaan Negeri diuruskan oleh JANM. Perbendaharaan Negeri secara tidak langsung akan terlibat dalam membuat perancangan yang perlu di peringkat Jabatannya dan Jabatan negeri yang lain di mana sistem tersebut akan digunakan.

5.1.2 Arahan dan Peraturan

Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan SPEKS berperanan mengenal pasti dan menyediakan dasar dan piawaian perakaunan serta memperakui pengekodan dan prosedur perakaunan yang standard bagi Kerajaan Negeri yang dikemukakan oleh Pasukan Petugas Aplikasi Sistem.

a) Pematuhan Kepada Arahan Dan Pekeliling Perbendaharaan

Pembangunan sistem aplikasi SPEKS akan mengambil kira peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Akta Acara Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling Perbendaharaan.

b) Kawalan Capaian Sistem

Penggunaan sistem aplikasi dikawal melalui pengenalan pengguna dan kata laluan. Pewujudan pengenalan pengguna (ID) dikawal oleh Pegawai Sistem Maklumat (PSM) serta Penolong Pegawai Sistem Maklumat (PPSM) di Perbendaharaan Negeri mengikut prosedur yang ditetapkan. Permohonan akan dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Perbendaharaan Negeri dengan menggunakan borang Pewujudan ID Pengguna. Pewujudan pengenalan dilakukan dengan menggunakan nama pertama. Sebagai pengesahan kepada identiti pengguna, kata laluan digunakan. Selain itu, Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan arahan supaya kata laluan ditukar setiap 3 bulan bagi mengelakkan kerahsiaan kata laluan didedahkan. ID pengguna yang dibekalkan oleh Perbendaharaan Negeri tidak terhad kepada capaian sesuatu modul/sistem sahaja. Walau bagaimanapun, capaian kepada sesuatu modul/sistem dihadkan kepada fungsi yang tertentu sahaja mengikut kuasa yang diberi kepada seseorang pengguna mengikut jawatan yang dipegang olehnya. Dengan pelaksanaan SPEKS PTJ/Jabatan tidak perlu menghantar baucar dan dokumen sokongan asal ke Perbendaharaan Negeri untuk semakan dan kelulusan. Sehubungan itu, keselamatan baucar serta dokumen asal yang disimpan perlu diberi perhatian. Baucar bayaran serta dokumen sokongan asal dikehendaki difaillkan dengan teratur dan disimpan di tempat yang selamat.

c) Arahan Pengguna

Selain dari latihan yang diadakan untuk pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam pelaksanaan SPEKS, manual rujukan atau panduan pengguna akan disediakan untuk rujukan pengguna SPEKS di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Ini juga dapat membantu pengguna membuat rujukan semasa mengendalikan modul SPEKS. Pihak JANM akan menyedia dan mengeluarkan tiga jenis manual iaitu spesifikasi teknikal, spesifikasi fungsi dan panduan pengguna untuk edaran kepada pengguna SPEKS.

5.1.3 Sasaran Pelaksanaan

Mengikut perancangan, tempoh pelaksanaan Projek SPEKS *national roll-out* adalah selama 24 bulan mulai pada 1 November 2002 hingga 31 Oktober 2004. Tarikh pelaksanaan modul SPEKS yang dirancang adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Pelaksanaan Modul SPEKS

Bil.	Modul SPEKS	Tarikh Pelaksanaan Yang Dirancang
1.	Sistem Kawalan Data	Januari 2003
2.	Sistem Sekuriti Aplikasi	Januari 2003
3.	Sistem Lejar Am	Januari 2003
4.	Sistem Buku Vot/ PTJ Kewangan	Oktober 2003/ Januari 2005
5.	Sistem Bajet	Ogos 2003
6.	Sistem Gaji	Oktober 2003
7.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Disember 2004
8.	Sistem Pengurusan Aset dan Inventori	Mac 2005
9.	Sistem Pinjaman	Disember 2004
10.	Sistem Pelaburan	Januari 2005
11.	Sistem Maklumat Pengurusan	April 2005

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Melaka

Kaedah pemantauan terhadap kemajuan pelaksanaan di PTJ/Jabatan akan diwujudkan bagi menentukan sistem dilaksanakan dengan lancar dan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam panduan seperti berikut:

a) Laporan Kemajuan Prestasi

Sebagai Urus setia SPEKS, PSM serta PPSM dan 6 Pembantu Akauntan adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan SPEKS. Berdasarkan aduan dan masalah yang dilaporkan, laporan kemajuan prestasi akan disediakan untuk memantau prestasi PTJ/Jabatan dan meninjau sama ada modul yang dilaksanakan oleh PTJ/Jabatan dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

b) Pasukan Naziran

Untuk menentukan SPEKS dilaksanakan dengan teratur dan lancar di peringkat PTJ/Jabatan, satu Pasukan Naziran akan ditubuhkan untuk membuat lawatan bagi menentukan prosedur yang ditetapkan oleh panduan serta arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri dipatuhi oleh setiap PTJ/Jabatan.

5.1.4 Komponen SPEKS Yang Dilaksanakan

Komponen SPEKS mengandungi 11 modul akan dibangunkan untuk kegunaan Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Modul yang akan dibangunkan untuk kegunaan PTJ/Jabatan mempunyai antara muka dengan Sistem Lejar Am yang digunakan oleh Perbendaharaan Negeri. Ini membolehkan proses terimaan serta bayaran diurus dan diakaunkan dengan lebih cepat. Rekod kewangan yang sebelum ini diselenggarakan secara manual juga dirancang dapat dijana oleh sistem dalam bentuk laporan. Laporan yang dijanakan dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan dengan lebih cepat. Penyediaan Penyata Akaun Kerajaan Negeri juga akan menjadi lebih mudah dan cepat kerana ia boleh dicetak pada masa ia diperlukan oleh pengurusan. Tujuan dan kegunaan modul SPEKS serta Jabatan yang menggunakan adalah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Modul SPEKS Yang Dibangunkan

Bil.	Modul	Pengguna	Penggunaan
1.	Sistem Kawalan Data	Pegawai Sistem Maklumat/Penolong Pegawai Sistem Maklumat	Membolehkan rekod berkenaan dengan fail selenggaraan dikunci masuk dan melakukan penyelenggaraan terhadap rekod baru dan sedia ada. Jenis kod yang diwujudkan adalah Kod <i>Data Control System</i> , Kod Peralihan, Kod Gaji, Kod Sistem Lejar Akaun Subsidiari dan Kod Pinjaman.
2.	Sistem Sekuriti Aplikasi	Pegawai Sistem Maklumat/ Penolong Pegawai Sistem Maklumat	Menyediakan skrin kemasukan yang membolehkan rekod berkenaan fail selenggaraan dikunci masuk di samping membuat pertanyaan ke atas rekod baru dan sedia ada. Kod skrin input adalah Kod Modul, Kod Jenis Skrin, Kod Program dan Kod Akses Pengguna.
3.	Sistem Lejar Am	Perbendaharaan Negeri	Kemasukan, pertanyaan dan laporan di peringkat Perbendaharaan Negeri bagi baucar bayaran, penyata pemungut, baucar jurnal, waran peruntukan, pemindahan wang antara bank, kuiri, pembatalan/penggantian cek/ <i>Electronic Fund Transfer</i> , pemulangan dana ke akaun asal bagi cek terbatal, penukaran cara pembayaran, penyerahan cek, kelulusan melebihi peruntukan, cek tidak laku, penggantian cek/ <i>Electronic Fund Transfer</i> terbatal bayaran pukal, Penyesuaian Bank dan e-Syariah.
4.	Sistem PTJ Kewangan	PTJ/Jabatan	Kemasukan, proses, pertanyaan rekod bagi pelbagai jenis bayaran dan terimaan yang dilaksanakan di peringkat PTJ/Jabatan.
5.	Sistem Bajet	PTJ/Jabatan dan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	Kemasukan rekod bagi Anggaran Terperinci, semak/perakuan Anggaran Terperinci, kelulusan Anggaran, Waran Peruntukan dan Maklumat Projek. Penyelenggaraan, proses dan pertanyaan rekod bajet serta Laporan Cadangan/Perakuan Peruntukan, Draf /Buku Bajet, pengurusan, carta dan waran.
6.	Sistem Gaji	PTJ/Jabatan dan Perbendaharaan Negeri	Memproses penyediaan gaji pegawai dan kakitangan lantikan Kerajaan Negeri.
7.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari	PTJ/Jabatan	Kemasukan, proses, pertanyaan dan mengeluarkan laporan bagi rekod berkaitan pinjaman perumahan/kenderaan/komputer, pendahuluan diri dan sewa rumah/perabot Kerajaan.
8.	Sistem Pengurusan Aset dan Inventori	PTJ/Jabatan	Kemasukan, proses, pertanyaan dan laporan bagi aset dan inventori di PTJ/Jabatan.
9.	Sistem Pinjaman	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	Kemasukan, proses, pertanyaan bagi rekod dan mengeluarkan laporan bagi pinjaman dan bayaran balik Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan pemberian pinjaman kepada Agensi Kerajaan Negeri.
10.	Sistem Pelaburan	Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri	Selenggaraan, kemasukan, pertanyaan rekod pelaburan dan mengeluarkan laporan bagi 2 jenis pelaburan Kerajaan Negeri iaitu Deposit & Pasaran Wang dan Pelaburan Saham.
11.	Sistem Maklumat Pengurusan	Semua Ketua Jabatan/PTJ, Pegawai Kewangan Negeri/Timbalan dan Bendahari Negeri.	Mengeluarkan pelbagai laporan bagi kegunaan pengurusan seperti Analisis Kewangan SPEKS, Analisis Unjurian SPEKS, Analisis Operasi SPEKS dan Laporan Penyata Kewangan.

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Perancangan pelaksanaan modul SPEKS adalah dijadualkan oleh JANM dan dipantau serta diawasi oleh Jawatankuasa Teknikal SPEKS. Jawatankuasa Teknikal SPEKS dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Pengurusan) serta 5 orang ahli iaitu wakil MAMPU, wakil Jabatan Audit Negara, Bendahari Negeri, wakil Teknikal Negeri, wakil JANM dan Bahagian Teknologi Maklumat JANM sebagai Urus setia.

5.1.5 Keperluan Peralatan Komputer Dan Rangkaian

Persediaan perlu dirancang mengenai keperluan perkakasan komputer dan rangkaian untuk membolehkan SPEKS dilaksanakan di Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Pada keseluruhannya, perancangan dan pembekalan peralatan dan rangkaian untuk SPEKS akan dilakukan oleh Pasukan Petugas Peralatan dan Rangkaian yang ditubuhkan oleh JANM. Perbendaharaan Negeri Melaka akan bertanggungjawab menyelaraskan keperluan peralatan komputer dan rangkaian Jabatan negeri. Butiran perkakasan dan perisian yang diperlukan serta anggaran kosnya adalah seperti ditunjukkan di **Jadual 3**.

Jadual 3
Keperluan Perkakasan Dan Perisian SPEKS Yang Dibekalkan
Kepada Perbendaharaan Negeri

Bil.	Jenis Perkakasan / Perisian	Kuantiti	Kos (RM)
	Perbendaharaan Negeri		
1.	HP Unix Database Server	1	85,428.00
2.	HP Unix App/Failover Server	1	44,847.60
3.	Compaq Proliant M370 (DMS Server)	1	5,870.00
4.	Cisco Catalyst 2950	2	700.00
5.	Liebert UPStation GXT 3.0KVA	2	5,380.00
6.	Watch Guard Firebox 1000		9,996.00
	a. Live Security Subscription	1	
	b. Hardware Maintenance	1	
7.	Sony CD Writer 24x48	1	200.00
8.	MLT370T G2 c/w Monitor	1	6,195.00
9.	HP Laser Jet 1200n	1	452.40
10.	HP Laser Jet 5100tn	1	979.00
11.	Liebert UP Station GXT 2.0KVA	1	1,960.00
12.	Software (PSA)		136,668.00
	a. Document Management System	1	
	b. Oracle		
	i. 9i AS Enterprise Edition – PL	2	
	ii. 9i Enterprise Edition – PL	2	
	iii. 9i Tuning Pack – PL	2	
	iv. 9i Diagnostics Pack – PL	2	
	v. 9i Change Management Pack – PL	2	
13.	Software (OSA)		168,485.00
	a. Operation Support Agreement c/w		
	b. Oracle, DMS and SPEKS services		
14.	Compaq Evo D51C	15	6,750.00
15.	Epson EPL5900L	80	32,000.00
16.	Liebert Power Sure Proactive 650VA	15	2,400.00
17.	MS Windows 2000 Server – 5 client	1	2,838.00
18.	Microsoft Office XP Pro Edition	15	3,000.00
	Pusat Tanggungjawab (PTJ)		
1.	Compaq Evo D51C	82	36,900.00
2.	Liebert Power Sure Proactive 650VA	82	13,120.00
3.	Microsoft Office XP Pro Edition	82	16,400.00
	Jumlah		580,569.00

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

5.1.6 Keperluan Guna Tenaga, Latihan dan Sokongan Teknikal

Perancangan untuk menyediakan kakitangan yang mencukupi merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan SPEKS. Latihan yang mencukupi juga perlu dirancang bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengenai SPEKS.

a) Struktur Guna Tenaga Dan Sokongan Teknikal

Jawatankuasa Pelaksanaan Negeri bertanggungjawab bagi menyediakan keperluan sumber manusia seperti mana yang termaktub pada terma rujukan Jawatankuasa ini. Pihak KJSB akan menempatkan seorang Pegawai Teknikal untuk memberi sokongan teknikal dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Urus setia SPEKS di Perbendaharaan Negeri akan dianggotai oleh seorang Pegawai Sistem Maklumat Gred F41 (PSM) dan seorang Penolong Pegawai Sistem Maklumat Gred F29 (PPSM) untuk memberi sokongan teknikal kepada PTJ/Jabatan. Mereka dibantu oleh 6 orang Pembantu Akauntan Gred W17 yang dilantik oleh JANM. Tugas Urus setia tersebut ialah menyelesaikan masalah di peringkat PTJ/Jabatan, memantau pelaksanaan sistem serta membantu dan melatih pengguna yang kurang mahir. Manakala di PTJ/Jabatan kakitangan yang sedia ada akan menguruskan pelaksanaan modul SPEKS yang berkenaan.

b) Latihan

Sebelum SPEKS dapat dilaksanakan dengan jayanya, antara aspek penting yang perlu diberi perhatian adalah latihan untuk pegawai teknikal serta pegawai dan kakitangan yang mengendalikan sistem di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Dua jenis latihan dirancang akan diberikan di peringkat negeri iaitu latihan teknikal kepada kakitangan teknikal dan pengguna. Pihak JANM dan KJSB diberi tanggungjawab mengaturkan latihan untuk semua pengguna. Perbendaharaan Negeri dikehendaki menyelaraskan latihan yang diadakan dengan memastikan pegawai/kakitangan yang terlibat dalam SPEKS dimaklumkan dan menghadiri latihan yang dijadualkan. Sebanyak 23 buah komputer dan 52 pencetak akan diperuntukkan untuk kegunaan latihan. Perbendaharaan Negeri dan Bahagian Perkhidmatan Teknologi Maklumat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka akan bertanggungjawab menguruskan penyediaan bilik latihan bagi pengguna SPEKS seperti yang telah dipersetujui semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Negeri pada 12 November 2002.

5.1.7 Peruntukan Kewangan Projek SPEKS

Kos keseluruhan projek SPEKS yang berjumlah RM101 juta untuk projek SPEKS Perintis dan Projek SPEKS *national roll-out* adalah ditanggung oleh JANM. Perbelanjaan ini meliputi kos untuk perkakasan, perisian, rangkaian, penyelenggaraan, tandatangan digital dan *Helpdesk* serta perbelanjaan lain yang berkaitan. Mengikut perancangan asal, kos untuk rangkaian dan penyelenggaraan selepas kontrak dengan KJSB tamat pada Julai 2004 akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Anggaran kos penyelenggaraan setahun untuk Negeri Melaka adalah berjumlah RM559,269.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Perbendaharaan Negeri telah menyediakan perancangan yang baik bagi memastikan SPEKS dilaksanakan dengan jayanya di Melaka.

5.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan SPEKS melibatkan beberapa Jawatankuasa dan Pasukan Petugas yang ditubuhkan di peringkat JANM dan Perbendaharaan Negeri bagi memastikan ianya berjalan lancar dan menepati matlamatnya.

5.2.1 Polisi Kerajaan Negeri

Memandangkan SPEKS merupakan sistem perakaunan berkomputer standard yang diperkenalkan oleh JANM bagi kegunaan Kerajaan Negeri seluruh Malaysia (kecuali Sabah dan Sarawak), maka Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah untuk mengguna pakai SPEKS mulai penghujung tahun 2002. Semakan Audit mendapati pelaksanaan SPEKS telah mematuhi polisi Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Kerajaan Elektronik dan selaras dengan kehendak Kerajaan Negeri untuk menjadikan ICT sebagai teras dalam pelaksanaan semua aktiviti jentera pentadbiran negeri. Kerajaan Negeri Melaka telah mengambil langkah proaktif untuk melaksanakan SPEKS di mana Perbendaharaan Negeri selaku pelaksana sistem tersebut telah mengadakan Mesyuarat Pelantikan Keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan SPEKS pada 22 November 2002. Pelantikan keahlian Jawatankuasa Perlaksanaan Negeri melibatkan Pegawai Kewangan Negeri sebagai Pengerusi dan keahliannya terdiri dari 5 Jabatan lain dan KJSB. Bendahari Negeri pula telah dilantik sebagai Urus setia bagi Jawatankuasa ini.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah berjaya melaksanakan polisi mewujudkan Kerajaan Elektronik dalam pengurusan kewangan melalui perancangan pelaksanaan SPEKS dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan.

5.2.2 Arahan Dan Peraturan

Pada keseluruhannya arahan dan peraturan kewangan sedia ada perlu dipatuhi oleh JANM bagi memastikan SPEKS dapat beroperasi selaras dengan kehendak dan peraturan yang diguna pakai.

a) Pematuhan Kepada Arahan Dan Pekeliling Perbendaharaan

Semasa sistem dibangunkan, tatacara pengurusan kewangan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa perlu diguna pakai. Tujuan Daftar Bil diselenggarakan adalah bagi memastikan bil dibayar segera iaitu tidak lewat daripada 30 hari dari tarikh diterima. Bil yang diterima perlu direkodkan dengan segera bagi memastikan tiada kelewatan pembayaran. Semakan Audit terhadap Daftar Bil SPEKS mendapati ianya tidak mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan 103 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1/2002. Daftar Bil perlu merekodkan bil dan tuntutan termasuk invois, borang perakuan bayaran untuk bayaran kontrak dan inden kerja. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- i) Daftar Bil dikemas kini secara automatik dengan maklumat yang dikunci masuk ke dalam sistem semasa bil/invois diproses untuk bayaran sehingga cek dikeluarkan. Ini menyebabkan bil/invois yang belum diproses untuk bayaran tidak ditunjukkan dalam Daftar Bil; dan
- ii) Selain daripada bil/invois, Daftar Bil SPEKS juga merekodkan semua bayaran yang diproses termasuk bayaran tuntutan perjalanan, eluan lebih masa dan bayaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Semakan Audit mendapati Daftar Bil yang dijanakan tidak menepati tujuan yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan kerana tidak dapat mengenal pasti bil yang belum dibayar dan tidak menggambarkan bayaran yang perlu dikawal. Mengikut minit mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bil. 6/2004 bertarikh 19 Mei 2004, perkara ini telah dibawa kepada perhatian KJSB melalui *Helpdesk* SPEKS supaya pindaan yang sesuai dibuat. Sehingga selesai pengauditan pindaan masih belum dibuat. Menurut pihak JANM pindaan ini akan dimasukkan dalam sistem *change request* pada tahun 2006.

Pada pendapat Audit, pembangunan SPEKS perlu mengambil kira keseluruhan peraturan kewangan yang berkuat kuasa untuk memastikan sistem yang dibangunkan menepati dan selaras dengan Arahan Perbendaharaan dan pekeliling yang berkaitan.

b) Kawalan Capaian Sistem Dan Keselamatan Dokumen

- i) Pewujudan dan kawalan pengenalan pengguna dan kata laluan adalah diurus dan dikawal oleh PSM dan PPSM di Perbendaharaan Negeri. Semakan Audit mendapati prosedur permohonan pengenalan pengguna telah dipatuhi. Perbendaharaan Negeri telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 29 Mac 2004 kepada Ketua Jabatan agar pegawai/kakitangan menukar kata laluan mereka setiap 3 bulan. Bagaimana pun, hasil dari semakan Audit terhadap 19 PTJ/Jabatan mendapati arahan ini tidak dipatuhi oleh kebanyakan PTJ/Jabatan. Hanya 2 Jabatan menyatakan kata laluan ditukar 3 bulan sekali. Kebanyakan PTJ/Jabatan hanya menukar kata laluan sekali sahaja atau tidak pernah ditukar. Keadaan ini disebabkan kekurangan pemantauan oleh Ketua Jabatan dan Perbendaharaan Negeri untuk memastikan arahan tersebut dipatuhi. Selain itu didapati sistem tidak dapat menyekat pengguna daripada mengakses jika penukaran kata laluan tidak dibuat. Kegagalan menukar kata laluan boleh mengakibatkan sistem boleh diakses oleh orang yang tidak dibenarkan dan pindaan boleh dibuat tanpa kelulusan.
- ii) Dengan pelaksanaan SPEKS, PTJ/Jabatan tidak perlu menghantar baucar dan dokumen sokongan asal ke Perbendaharaan Negeri untuk semakan dan pengesahan pembayaran. Dokumen asal yang berkenaan perlu difailkan

dengan teratur dan disimpan dengan selamat untuk tujuan pengauditan dan Naziran. Semakan Audit di 4 Jabatan yang dipilih mendapati:

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah memfailkan baucar bayaran mengikut jenis perbelanjaan. Fail berasingan digunakan untuk baucar bayaran elauan lebih masa dan elauan perjalanan, perbelanjaan yang menggunakan inden kerja dan bayaran yang lain;
- Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa memfailkan baucar bayaran dan dokumen asal mengikut bulan/tahun; dan
- Jabatan Kebajikan Masyarakat masih tidak menyusun dan memfailkan baucar bayaran kerana Jabatan sedang dalam proses mengemas kini buku vot secara manual tahun 2004 dan menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tahun 2004.

Amalan yang berbeza bagi mendokumentasikan fail di antara Jabatan adalah disebabkan Perbendaharaan Negeri tidak mengeluarkan arahan berkaitan tatacara memfailkan dokumen. Dengan demikian Jabatan bebas memfailkan dokumen mengikut cara tersendiri. Tanpa kawalan fizikal terhadap dokumen asal akan menjelaskan keselamatan dan menyukarkan capaian dokumen apabila diperlukan. Ianya juga akan menyukarkan semakan semasa pengauditan dan Naziran dijalankan.

Pada pendapat Audit, di peringkat PTJ/Jabatan, arahan terhadap penggunaan kata laluan perlu ditukar setiap 3 bulan perlu dilaksanakan sebagai kawalan terhadap pengguna sistem. Manakala arahan berkaitan tatacara memfailkan dokumen perlu dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri untuk menyeragamkan sistem penyimpanan dokumen.

c) Arah Pengguna

Arahan pengguna disediakan untuk rujukan pengguna di Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri. Setiap Jabatan telah dibekalkan satu cakera padat mengandungi arahan pengguna untuk dicetak sebagai rujukan. Semasa lawatan ke 4 Jabatan yang dipilih mendapati semua Jabatan telah mencetak arahan pengguna dalam bentuk *hard copy*. Bagaimana pun, arahan pengguna untuk PTJ Kewangan yang merupakan sistem utama di PTJ/Jabatan tidak dibekalkan. Senarai arahan pengguna yang dibekalkan kepada PTJ/Jabatan adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Arahan Pengguna Yang Dibekalkan Kepada PTJ/Jabatan

Bil.	Modul	Versi	Tarikh Cetakan
1.	Sistem Pelaburan	2.0	13 April 2005
2.	Sistem Belanjawan	1.1	8 Ogos 2002
3.	Sistem Pengurusan Aset dan Inventori	2.0	14 Mac 2005
4.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari	1.0	28 Mac 2003
5.	Sistem Gaji (untuk PTJ)	2.1	30 April 2003
6.	Sistem Gaji (Bonus)	1.0	20 Jun 2003

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Memandangkan arahan pengguna sistem PTJ Kewangan yang dikeluarkan oleh JANM masih belum dibekalkan kepada Perbendaharaan Negeri untuk rujukan, sebarang masalah atau pertanyaan mengenai SPEKS akan dirujuk kepada Urus setia SPEKS. Keadaan ini menyebabkan sebarang masalah di PTJ/Jabatan lewat diselesaikan. Di Perbendaharaan Negeri, arahan pengguna Lejar Am yang digunakan masih belum dikemas kini di mana versi yang digunakan adalah versi 1.1 yang dicetak pada 15 Jun 2002.

Pada pendapat Audit, pihak Perbendaharaan Negeri perlu membekalkan arahan pengguna yang lengkap untuk rujukan PTJ/Jabatan bagi mengelakkan kekeliruan semasa menggunakan SPEKS.

5.2.3 Pencapaian Sasaran Pelaksanaan

Pelaksanaan SPEKS tidak dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak iaitu selama 24 bulan daripada November 2002 hingga Oktober 2004. Bagaimana pun, permohonan lanjutan tempoh kontrak SPEKS telah dikemukakan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu SPEKS Bil. 1/2004 bertarikh 21 Jun 2004 untuk tempoh lanjutan sehingga 31 Oktober 2005. Semakan Audit telah dilakukan untuk menentukan sama ada semua modul dilaksanakan seperti yang dirancang. Selain itu kertas minit mesyuarat yang berkaitan serta temu bual dengan PSM juga dibuat dan mendapati beberapa modul SPEKS tidak dapat dilaksanakan seperti mana dirancang. Kemajuan pelaksanaan SPEKS adalah seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Pelaksanaan Modul SPEKS

Bil.	Modul SPEKS	Tarikh Pelaksanaan Yang Dirancang	Tarikh Pelaksanaan Sebenar	Tempoh Kelewatan (Bulan)
1.	Sistem Kawalan Data	Januari 2003	Januari 2003	-
2.	Sistem Sekuriti Aplikasi	Januari 2003	Januari 2003	-
3.	Sistem Lejar Am	Januari 2003	Januari 2003	-
4.	Sistem Buku Vot/ PTJ Kewangan	Oktober 2003/ Januari 2005	Mac 2004/ Februari 2005	5 1
5.	Sistem Bajet	Ogos 2003	Ogos 2003	-
6.	Sistem Gaji	Oktober 2003	Oktober 2003	-
7.	Sistem Lejar Akaun Subsidiari	Disember 2004	April 2005	4
8.	Sistem Pengurusan Aset dan Inventori	Mac 2005	Julai 2005	4
9.	Sistem Pinjaman	Disember 2004	Mei 2005	5
10.	Sistem Pelaburan	Januari 2005	Julai 2005	6
11.	Sistem Maklumat Pengurusan	April 2005	Disember 2005	8

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Daripada 11 modul yang dilaksanakan didapati 6 modul tidak menepati tarikh pelaksanaan yang dirancang. Kelewatan berlaku antara 1 hingga 8 bulan.

a) Laporan Kemajuan Prestasi

Semakan Audit yang dijalankan mendapati pihak Perbendaharaan Negeri ada menyediakan beberapa laporan untuk memantau kemajuan pelaksanaan SPEKS. Laporan prestasi baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal serta laporan pelaksanaan modul SPEKS di PTJ/Jabatan disediakan setiap bulan oleh PSM. Laporan tersebut menunjukkan jumlah dokumen yang disediakan dan bilangan serta peratusan dokumen yang dibatalkan di peringkat Sistem Lejar Am.

Mulai bulan Julai 2005, Urus setia SPEKS telah menyediakan 2 jenis laporan bulanan iaitu Laporan Bilangan Masalah Mengikut PTJ Dan Modul serta Laporan Bilangan Masalah Rangkaian Komputer dan Kemasukan Sistem Mengikut PTJ/Jabatan. Analisis mengenai bilangan masalah yang dilaporkan mengikut modul di PTJ/Jabatan untuk tempoh 3 bulan mulai bulan Julai hingga September 2005 adalah seperti ditunjukkan di **Jadual 6**.

Jadual 6
Bilangan Masalah Yang Dilaporkan Mengikut Modul

Modul	Julai 2005	Ogos 2005	September 2005	Jumlah
Sistem PTJ Kewangan	26	31	29	86
Sistem Pengurusan Aset Dan Inventori	6	5	2	13
Sistem Gaji	3	3	-	6
Sistem Lejar Akaun Subsidiari	1	-	1	2
Sistem Bajet	2	-	1	3
Sistem Pinjaman	-	-	-	-
Sistem Pelaburan	-	-	1	1
Jumlah	38	39	34	111

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Melaka

Analisis Audit mendapati 77% daripada jumlah masalah yang dilaporkan oleh PTJ/Jabatan adalah mengenai modul Sistem PTJ Kewangan. Perkara ini disebabkan hampir semua fungsi Sistem PTJ Kewangan telah digunakan oleh PTJ/Jabatan. Selain itu segala urus niaga berkaitan perbelanjaan dan terimaan adalah termasuk dalam sistem ini.

b) Pasukan Naziran

Satu Pasukan Naziran SPEKS telah ditubuhkan dan lawatan ke Jabatan yang terpilih telah diadakan pada bulan Mac 2006. Jabatan yang dipilih terdiri daripada 6 Jabatan yang tidak perlu menghantar baucar bayaran ke Perpendaharaan Negeri. Tujuan penubuhan Pasukan Naziran ialah untuk menjalankan pemeriksaan terhadap dokumen fizikal/asal yang tidak dihantar ke Perpendaharaan Negeri serta laporan yang dicetak oleh PTJ/Jabatan. Pasukan tersebut diketuai oleh Bendahari Negeri dan ahlinya terdiri daripada Penolong Akauntan dan wakil daripada Unit Gaji, Unit Akaun, Unit Semak dan Unit Komputer Jabatan Kewangan dan Perpendaharaan Negeri.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan modul SPEKS adalah kurang memuaskan kerana tidak mengikut tarikh perancangan kecuali beberapa modul yang telah dilaksanakan sebagaimana perancangan awal. Pihak Perpendaharaan Negeri telah menjalankan pemantauan kemajuan prestasi yang memuaskan dan penubuhan Pasukan Naziran diharap dapat membantu pelaksanaan SPEKS agar berjalan dengan lebih lancar.

5.2.4 Komponen SPEKS Yang Dilaksanakan

Semakan Audit terhadap 4 daripada 11 modul SPEKS telah dipilih untuk kajian ini. Ianya adalah Sistem Lejar Am yang dilaksanakan di Perbendaharaan Negeri, Sistem PTJ Kewangan, Sistem Pengurusan Aset dan Inventori dan Sistem Lejar Akaun Subsidiari yang dilaksanakan oleh PTJ/Jabatan. Berikut adalah penemuan Audit:

a) Sistem Lejar Am

Sistem Lejar Am dilaksanakan di Perbendaharaan Negeri untuk menyelenggara transaksi lejar am untuk akaun vot, akaun amanah, akaun hasil serta akaun bank. Sistem ini mempunyai proses antara muka elektronik yang diperuntukkan untuk semakan dokumen seperti baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal daripada Sistem PTJ Kewangan, waran peruntukan daripada Sistem Bajet dan urus niaga penyata bank. Perbendaharaan Negeri menyelenggarakan 2 jenis akaun bank iaitu akaun bank terimaan dan akaun bank bayaran. Sistem tersebut mempunyai 6 fungsi iaitu untuk kemasukan, pertanyaan, laporan, penyata penyesuaian bank, pukal dan e-syariah. Semakan Audit di Perbendaharaan Negeri mendapati status pelaksanaan fungsi dalam sistem tersebut seperti berikut:

- i) Skrin kemasukan mempunyai 14 butang yang membolehkan pengguna melakukan urusan seperti kemasukan, semakan, meluluskan dan fungsi lain. Daripada 14 butang yang terdapat di skrin kemasukan, didapati 10 daripadanya telah digunakan dan 4 lagi masih belum digunakan. Ianya adalah seperti pemulangan dana ke akaun asal bagi cek terbatal, penukaran cara pembayaran, penyerahan cek dan pengantian cek / *Electronic Fund Transfer (EFT)* terbatal. Empat butang masih belum digunakan lagi kerana Perbendaharaan Negeri masih belum bersedia melaksanakan *EFT* yang masih dalam peringkat pengujian. Ini menyebabkan semua pembayaran masih menggunakan cek dan Perbendaharaan Negeri tidak dapat memastikan butang *EFT* berfungsi dengan baik;
- ii) Fungsi pertanyaan mempunyai 18 butang yang antaranya 4 butang masih belum digunakan. Butang ini membolehkan pengguna membuat pertanyaan berkenaan status sesuatu dokumen yang diproses seperti baucar bayaran, penyata pemungut dan baucar jurnal, baki perbelanjaan mengurus, pembangunan dan amanah, akaun hasil, kedudukan tunai di bank, imbangan duga, cek terbatal dan sebagainya. Empat butang yang belum digunakan adalah seperti Pertanyaan Cek/*EFT* terbatal, Pertanyaan Aktiviti Penerimaan dokumen elektronik, pertanyaan *EFT* dan pertanyaan *EFT* ditolak / dipulangkan. Ini berikutan *EFT* masih belum digunakan seperti yang dijelaskan pada perenggan (i) di atas; dan
- iii) Fungsi utama Sistem Lejar Am antaranya ialah menjana laporan yang diperlukan untuk pengurusan. Laporan yang dijanakan oleh sistem adalah

laporan harian, bulanan dan tahunan. Penyata Kewangan adalah dijanakan melalui menu laporan bulanan. Semua penyata dalam Penyata Kewangan Tahunan adalah dijanakan melalui SPEKS kecuali Penyata F1 hingga F6 iaitu Akaun Memorandum Pinjaman, Pelaburan dan hutang Kerajaan Negeri yang disediakan secara manual. Semakan Audit mendapati tarikh penyediaan Penyata Kewangan Tahunan bagi Negeri Melaka adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Perbandingan Tarikh Penyata Kewangan Tahunan Negeri Melaka
Disediakan Sebelum Dan Selepas SPEKS Dilaksanakan

Tahun	Sistem Yang Digunakan	Tarikh Disediakan
2000	SPEN	28 Mei 2001
2001	SPEN	5 Julai 2002
2002	SPEN	30 Jun 2003
2003	SPEKS	30 Jun 2004
2004	SPEKS	28 Mei 2005
2005	SPEKS	15 Mei 2006

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perpendaharaan Negeri Melaka

Analisis Audit menunjukkan Kerajaan Negeri belum berjaya menyediakan Penyata Kewangan dengan lebih cepat selepas penggunaan sistem SPEKS. Malah pada tahun 2003 penyata kewangannya lewat disediakan 1 bulan berbanding tahun 2000.

- iv) Penyata Penyesuaian Bank** melalui SPEKS mulai digunakan pada April 2003. Semakan Audit terhadap Penyata Penyesuaian Bank terkini mendapati ia telah berjaya disediakan dengan kemas kini.

Semakan Audit di Perpendaharaan Negeri mendapati pelaksanaan Sistem Lejar Am dalam memproses pembayaran dan terimaan telah beroperasi dengan lancar seperti proses berikut:

- Sebelum pembayaran dapat dilakukan melalui baucar bayaran yang disediakan oleh PTJ/Jabatan, proses semakan dan kelulusan dilakukan di Perpendaharaan Negeri untuk mengesahkan ketepatan butiran dalam baucar bayaran. Semakan dilakukan melalui skrin kemasukan terhadap 100% baucar bayaran oleh 5 orang Pembantu Tadbir Kewangan berpandukan kepada senarai semak yang terdapat pada skrin tersebut;
- Pembatalan terus baucar bayaran dibuat terhadap baucar yang mengandungi kesalahan mengenai kod PTJ/Jabatan, kod objek sebagai/objek lanjut (OSOL), nombor invois dan tarikh. PTJ/Jabatan dibenarkan membuat pembetulan jika kesalahan adalah mengenai nama penerima dan amaun;

- Selepas baucar bayaran disemak, proses kelulusan perlu dilakukan melalui skrin sebelum cek boleh dicetak. Sebagai langkah kawalan dalaman, di Perbendaharaan Negeri proses ini dilakukan oleh seorang Penolong Akauntan dan Ketua Pembantu Tadbir untuk baucar yang nilainya tidak melebihi RM10,000. Bagi baucar bayaran yang bernilai RM10,000 dan ke atas hanya Bendahari Negeri dan Penolong Akauntan Kanan yang diberi kuasa untuk meluluskan transaksi tersebut; dan
- Proses semakan di Perbendaharaan Negeri dibuat terhadap salinan Penyata Pemungut Bank yang dikemukakan oleh PTJ/Jabatan. Semakan dilakukan dan diluluskan oleh 3 orang Pembantu Tadbir Kewangan. Resit Perbendaharaan hanya dapat dikeluarkan dan dicetak selepas proses kelulusan dilakukan.

Matlamat pelaksanaan SPEKS antaranya adalah supaya PTJ/Jabatan tidak perlu menghantar dokumen fizikal iaitu baucar bayaran berserta dokumen sokongan ke Perbendaharaan Negeri untuk semakan dan pengesahan. Semakan dan pengesahan terhadap dokumen dibuat melalui skrin SPEKS tanpa perlu merujuk kepada dokumen fizikal. Untuk menentukan sama ada sesuatu Jabatan perlu menghantar baucar bayaran berserta dokumen sokongan adalah bergantung kepada prestasi penyediaan baucar bayaran, iaitu bilangan dan peratusan kesilapan yang berlaku yang menyebabkan dokumen tersebut dikuiri atau dibatalkan. Perbendaharaan Negeri menyediakan analisis bulanan mengenai baucar yang dibatalkan untuk memantau prestasi PTJ/Jabatan yang terlibat. Semakan Audit mendapati Jabatan yang masih perlu dan dikecualikan menghantar dokumen fizikal ke Perbendaharaan Negeri adalah seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Kedudukan Penghantaran Dokumen Fizikal ke Perbendaharaan Negeri

Bil. Jabatan	Bil. Jabatan Perlu Menghantar Dokumen Fizikal	Bil. Jabatan Dikecualikan Menghantar Dokumen Fizikal
19	13	<p style="text-align: center;">6</p> <p>(Pejabat Daerah Dan Tanah Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Ketua Menteri dan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri)</p>

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Daripada 19 Jabatan yang terdapat di Negeri Melaka hanya 13 Jabatan perlu menghantar dokumen fizikal manakala 6 Jabatan telah dikecualikan. Ini adalah disebabkan Perbendaharaan Negeri berpendapat 13 Jabatan berkenaan masih belum memenuhi kriteria yang ditetapkan.

b) Sistem PTJ Kewangan

Sistem PTJ Kewangan adalah penambahbaikan Sistem Buku Volt yang dibangunkan pada asalnya. Sistem Buku Volt dibangunkan untuk memproses bayaran termasuk bayaran kontrak, baucar jurnal dan penyata pemungut. Selain daripada fungsi utama dalam Sistem Buku Volt, Sistem PTJ Kewangan membolehkan gabungan lebih daripada satu nota minta untuk satu pesanan tempatan, lebih daripada satu invois untuk satu baucar bayaran, peningkatan bayaran kontrak dengan memasukkan arahan pindaan kerja, penyediaan inden JKR 66 dan waran udara. Selain itu, beberapa penambahan fungsi baru juga dimasukkan bagi melengkapkan proses bayaran dan terimaan di peringkat PTJ/Jabatan iaitu bayaran akaun amanah, terimaan dengan menjanakan Resit Rasmi serta skrin kemasukan Penyata Pemungut untuk mengunci masuk terimaan daripada sistem lain dan panjar wang runcit. Melalui sistem ini Penyata Pemungut serta Buku Tunai Cerakinan dapat dijanakan. Sistem PTJ Kewangan mempunyai 5 fungsi utama iaitu fungsi kemasukan, pertanyaan, proses, laporan dan laporan lejar am. Menu utama Sistem PTJ Kewangan mengandungi 19 butang untuk urusan yang tertentu. Lapan belas daripada 19 butang adalah untuk kegunaan PTJ/Jabatan dan satu lagi untuk kegunaan PSM iaitu Sistem Parameter bagi menetapkan parameter sistem berkenaan. Kajian mengenai pelaksanaan Sistem PTJ Kewangan telah dijalankan di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, JKR, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Hasil pengauditan mendapati perkara berikut:

i) Pelaksanaan Modul

Lawatan ke 4 Jabatan yang dipilih mendapati kebanyakan 18 butang yang terdapat dalam menu utama telah digunakan. Menu untuk daftar kontrak, daftar bayaran kontrak dan bayaran kontrak (variasi) hanya digunakan di JKR yang menguruskan kontrak. Jabatan yang lain tidak terlibat dengan penggunaan menu tersebut. Selain itu, skrin cek ganti, maklumat asas projek dan maklumat sewa beli masih belum digunakan oleh semua Jabatan.

ii) Proses Terimaan

Proses ini melibatkan penyediaan Resit Rasmi dan penyediaan Penyata Pemungut. Proses penyediaan resit melibatkan seorang kakitangan yang diberi pengenalan pengguna mengunci masuk butiran pungutan. Selepas proses kunci masuk butiran dilakukan, Resit Rasmi dicetak oleh sistem tanpa perlu melalui proses semakan dan kelulusan. Resit Rasmi disediakan dalam 3 salinan iaitu untuk pembayar, Perbendaharaan Negeri/Audit dan simpanan pejabat. Semakan mendapati bahawa bilangan cetakan salinan asal Resit Rasmi adalah tidak terhad. Untuk mengelakkan penyalahgunaan resit, cetakan Resit Rasmi asal perlu dihadkan kepada satu salinan sahaja.

Sistem PTJ Kewangan juga membolehkan Penyata Pemungut (*auto*) diproses dan dijanakan untuk tujuan memasukkan wang ke dalam bank serta mengemaskinikan hasil Jabatan kepada Laporan Buku Tunai Cerakinan dalam sistem. Semakan Audit mendapati Jabatan masih perlu mengisi borang Penyata Pemungut yang dibekalkan oleh bank untuk kemasukan wang ke bank kerana penyata pemungut yang dijanakan oleh SPEKS tidak diterima oleh bank. Penyediaan Penyata Pemungut (*auto*) SPEKS hanyalah untuk membolehkan maklumat perbankan wang pungutan dikemaskinikan kepada Laporan Buku Tunai Cerakinan dan Laporan Penyata Pemungut yang dijanakan oleh SPEKS.

Semakan Audit di Jabatan Perkhidmatan Veterinar mendapati 5 Pejabat daerah/cawangannya membuat kutipan hasil menggunakan resit Kew. 38 (manual) kerana ketiadaan talian SPEKS dan kutipan perlu dibuat di luar pejabat. Kutipan tersebut dibankkan di daerah berkenaan dan salinan penyata pemungut (manual) diserahkan ke Ibu Pejabat untuk dimasukkan ke dalam SPEKS. Walau bagaimanapun, semakan Audit mendapati kemasukan maklumat tersebut hanya mengemas kini Laporan Penyata Pemungut tetapi tidak mengemas kini Laporan Buku Tunai Cerakinan yang dijana oleh SPEKS. Oleh itu, Jabatan masih menyelenggara Buku Tunai Cerakinan secara manual di samping mencetak Laporan Buku Tunai Cerakinan dan Laporan Penyata Pemungut yang dijana oleh SPEKS. Amalan ini turut diperaktikkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa manakala Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya menyenggara Buku Tunai Cerakinan secara manual. Semakan Audit di JKR pula mendapati penyediaan Buku Tunai Cerakinan secara manual telah dihentikan sejak Julai 2005. Bagaimanapun memandangkan Laporan Buku Tunai Cerakinan tidak dapat dicetak oleh sistem maka penyediaan Buku Tunai Cerakinan secara manual telah digunakan semula pada Disember 2005.

iii) Laporan Yang Dicetak

Mengikut perenggan (4.4.2) minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPEKS Bil. 4/2005 bertarikh 28 April 2005, Jabatan diarahkan mencetak semua laporan harian dan bulanan di modul PTJ Kewangan untuk rujukan dan simpanan Jabatan. Sejumlah 44 jenis laporan dapat dijanakan melalui Sistem PTJ Kewangan. Daripada jumlah ini 22 jenis laporan adalah berkaitan dengan bayaran/perbelanjaan, 9 berkaitan terimaan, 2 berkaitan panjar wang runcit, 3 berkaitan amanah, 2 berkaitan cek tidak laku dan deposit dan 4 berkaitan sewa beli rumah awam kos rendah.

Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya 7 daripada 22 laporan berkaitan bayaran telah dicetak oleh Jabatan. Laporan yang dicetak oleh Jabatan adalah Laporan Harian Buku Vot, Senarai Urus niaga Harian, Laporan Bulanan Vot Mengurus, Pembangunan dan Amanah, Laporan Penyesuaian Akaun Vot

(Format A1- Laporan baucar yang belum dibayar) dan (Format A2- Urus niaga di Akaun Vot yang tidak terdapat di Laporan Terperinci Perbelanjaan) serta (Format A – Penyata Penyesuaian untuk Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan). Di JKR, laporan tersebut telah dicetak mengikut tempoh masa yang ditetapkan iaitu laporan harian dicetak setiap hari dan laporan bulanan dicetak pada setiap akhir bulan. Selain laporan tersebut di atas, JKR juga mencetak Laporan Baucar Bayaran yang disediakan/dikeluarkan jika terdapat transaksi pada hari tersebut. Di Jabatan Perkhidmatan Veterinar, semua laporan telah dicetak mengikut masa yang ditetapkan kecuali Senarai Urus niaga Harian yang dicetak pada setiap minggu dan bukannya setiap hari.

Semakan Audit di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa mendapati Laporan Harian Buku Vot dan Senarai Urus niaga Harian hanya dicetak sekali dalam sebulan. Di Jabatan Kebajikan Masyarakat pula, Laporan Harian Buku Vot dan Senarai Urus niaga Harian didapati dicetak sebulan sekali atau selepas 2 hingga 4 bulan. Laporan Bulanan Vot Mengurus juga didapati tidak dicetak pada masa yang ditetapkan iaitu sebulan sekali. Bagaimanapun laporan tersebut telah dicetak selepas beberapa bulan.

Mengikut Panduan Pengguna Sistem Buku Vot, Laporan Harian Buku Vot perlu dicetak setiap hari dan disemak kebetulan transaksinya. Laporan tersebut perlu difaillkan mengikut kod Objek Sebagai serta disahkan dan ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab setiap bulan. Selain itu, Laporan bulanan yang perlu dicetak adalah Laporan Ringkasan Bulanan Buku Vot, Laporan Bulanan Vot Mengurus dan Vot Pembangunan, Laporan Perbelanjaan Vot Mengikut kod Objek Sebagai dan Penyata Penyesuaian Vot (Format A, A1 & A2).

iv) Buku Vot Manual

Mengikut minit mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan SPEKS yang bertarikh 4 Februari 2005, pihak Perbendaharaan Negeri menghendaki semua Jabatan mencetak setiap laporan harian dan bulanan mengikut transaksi. Sebelum keputusan ini dibuat, Jabatan dimaklumkan supaya menyelenggarakan buku vot secara manual bagi tahun 2005 sehingga diberitahu. Daripada 4 Jabatan yang dilawati adalah didapati 3 daripadanya masih menyelenggara buku vot secara manual iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan JKR. Semakan Audit mendapati Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah memberhentikan penyelenggaraan buku vot sejak awal tahun 2005. Bagaimana pun, sehingga sekarang tiada arahan dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri untuk Jabatan memberhentikan penyelenggaraan buku vot secara manual.

v) **Penyata Penyesuaian**

Semakan Audit mendapati sistem PTJ Kewangan hanya dapat menjanakan Penyata Penyesuaian untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan sahaja. Manakala Penyata Penyesuaian untuk Amanah dan Hasil tidak dimasukkan dalam menu SPEKS. Pemeriksaan Audit mendapati semua Jabatan yang dipilih untuk kajian ini telah menyediakan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan melalui SPEKS kecuali Jabatan Kebajikan Masyarakat yang masih menyediakannya secara manual. Semua PTJ/Jabatan masih meneruskan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil dan Amanah secara manual untuk dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri. Pihak Audit berpendapat perkara ini perlu diberi perhatian oleh pembangun sistem untuk dimasukkan ke dalam sistem.

vi) **Cop Nombor Baucar Dan Perkataan “Telah Bayar”**

Mengikut panduan pengguna Sistem Buku Vot, semua dokumen sokongan dikehendaki di cop nombor baucar dan perkataan “Telah Bayar” serta tarikh bayaran apabila bayaran dibuat. Bagaimana pun, semakan Audit terhadap sampel Jabatan yang dipilih mendapati dokumen asal tidak di cop nombor baucar serta perkataan “Telah Bayar” dan tarikh bayaran. Perkataan “Telah Bayar” perlu di cop bagi mengelakkan berlakunya bayaran dua kali terhadap dokumen asal yang sama.

c) **Sistem Pengurusan Aset dan Inventori**

Sistem Pengurusan Aset dan Inventori mengandungi 4 fungsi utama iaitu Skrin Kemasukan, Skrin Proses, Skrin Pertanyaan dan Laporan. Sistem tersebut melibatkan penyimpanan dan pemprosesan maklumat aset yang baru dibeli serta aset yang sedia ada dan di integrasi dengan Sistem PTJ Kewangan. Semakan Audit telah dijalankan di Jabatan yang dipilih terhadap Sistem Pengurusan Aset dan Inventori bagi menentukan tahap penggunaan dan kelancaran pelaksanaan sistem ini. Berikut adalah perkara yang diperhatikan:

- i) Hanya 3 daripada 10 *submenu* Skrin Kemasukan diguna pakai iaitu Skrin Pewujudan Kategori Aset, Skrin Pengajuan Lokasi Aset dan Skrin Maklumat Aset; dan
- ii) Maklumat bagi aset yang sedia ada masih belum dapat dimasukkan sepenuhnya oleh Jabatan ke dalam sistem. Bilangan aset yang telah dikunci masuk ke dalam sistem di Jabatan yang dilawat adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Rekod Aset Yang Telah Dikunci Masuk Di Jabatan

Bil.	Jabatan	Jumlah Aset	Bilangan Aset Yang Dikunci Masuk	Peratusan (%)
1.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	869	35	4.0
2.	Jabatan Kerja Raya	2195	49	2.2
3.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	365	2	0.5
4.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	555	4	0.7

Sumber: Rekod Jabatan Berkенаan

Pada pendapat Audit kemasukan data aset dan inventori di Jabatan yang berkenaan adalah tidak memuaskan memandangkan peratusan data yang dikunci masuk adalah terlalu rendah.

d) Sistem Lejar Akaun Subsidiari (SLAS)

Sistem Lejar Akaun Subsidiari mengandungi 4 fungsi utama iaitu skrin kemasukan, menu proses, pertanyaan serta laporan dan mempunyai proses antara muka elektronik dengan Sistem Gaji bagi mengemas kini data dari potongan bulanan. Sistem ini digunakan untuk memproses permohonan pinjaman kenderaan/komputer, pinjaman perumahan, pendahuluan diri dan sewaan rumah/perabot kerajaan.

Proses di peringkat PTJ/Jabatan bermula apabila semua permohonan dimasukkan ke dalam sistem, disemak dan diluluskan oleh Ketua Jabatan. Seterusnya permohonan tersebut diproses oleh Perbendaharaan Negeri untuk kelulusan dan pembayaran. Urusan pencetakan surat perjanjian dan pengeluaran surat arahan potongan gaji dibuat oleh Perbendaharaan Negeri melalui sistem ini.

Lawatan Audit ke Jabatan yang dipilih mendapati Jabatan tersebut masih belum menggunakan modul ini kerana tiada permohonan baru. Jabatan Audit mendapati hanya fungsi untuk permohonan pinjaman kenderaan/komputer sahaja yang telah digunakan oleh PTJ/Jabatan kerana kesemua akaun peminjam kenderaan/komputer yang sedia ada telah dikemaskinikan ke dalam sistem oleh Perbendaharaan Negeri.

Maklumat berkenaan baki setiap pinjaman boleh dijanakan melalui Laporan Kedudukan Akaun Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer melalui sistem di peringkat PTJ/Jabatan. Semakan Audit mendapati senarai potongan bulanan tahun 2005 yang ditunjukkan dalam laporan tersebut tidak dikemaskinikan seperti yang ditunjukkan di **Jadual 10**.

Jadual 10
Bilangan Pinjaman Kenderaan Dan Komputer
Yang Tidak Lengkap Dalam SLAS Pada Tahun 2005

PTJ/Jabatan	Pinjaman Kenderaan			Pinjaman Komputer		
	Jumlah Peminjam	Potongan Bulanan Tidak Lengkap		Jumlah Peminjam	Potongan Bulanan Tidak Lengkap	
		Bilangan Peminjam	Tahun 2005		Bilangan Peminjam	Tahun 2005
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3	1	(Januari-April)	6	1	(Januari-April)
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	6	1	(Januari-April)		1	(Januari-April)
Jabatan Kebajikan Masyarakat	1	-	-	2	1	(Januari-April)
Jabatan Kerja Raya	15	4 2	(Januari-April) (Mei-November)	5	1	(Januari-April)

Sumber: Rekod Jabatan Berkенаan

Semakan yang dilakukan terhadap senarai potongan pinjaman kenderaan/komputer gaji bulan Disember 2005 mendapati potongan gaji bagi pinjaman tersebut telah dilakukan dan masih aktif. Pihak Audit berpendapat baki sebenar pinjaman dalam Laporan Kedudukan Akaun Pinjaman Kenderaan/Komputer yang dijanakan adalah kurang tepat dan tidak memuaskan.

Pada pendapat Audit, pihak Perbendaharaan Negeri telah berusaha untuk melaksanakan semua modul serta fungsi yang terdapat dalam setiap modul SPEKS. Bagaimanapun masih terdapat fungsi yang masih belum digunakan.

5.2.5 Keperluan Peralatan Komputer Dan Rangkaian

Keperluan peralatan komputer dan rangkaian untuk pelaksanaan SPEKS dirancang oleh Pasukan Petugas Peralatan dan Rangkaian yang ditubuhkan oleh JANM. Semakan Audit terhadap rekod di Perbendaharaan Negeri mendapati perkakasan dan perisian SPEKS telah dibekalkan oleh JANM kepada Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun tiada rekod atau kertas kerja dikemukakan oleh pihak Perbendaharaan Negeri untuk menunjukkan bahawa perancangan yang teliti telah dibuat bagi menentukan keperluan peralatan serta talian rangkaian di Jabatan yang akan melaksanakan SPEKS. Menurut penjelasan yang diberikan, pembekalan sambungan rangkaian dan komputer serta pencetak adalah berasaskan saiz atau bilangan transaksi yang diuruskan oleh sesuatu Jabatan serta bilangan PTJ yang berada di bawah Jabatan berkenaan.

Sebanyak 97 komputer dan 80 pencetak untuk diagihkan kepada PTJ/Jabatan telah dibekalkan kepada Perbendaharaan Negeri oleh JANM. Semakan Audit mendapati asas pengagihan peralatan komputer serta rangkaian adalah bergantung kepada jumlah urus niaga Jabatan.

Semakan Audit terhadap keperluan perkakasan dan komputer mendapati 4 Jabatan telah mengambil langkah menambah bilangan komputer bagi kegunaan SPEKS. Masalah kekurangan komputer diatasi dengan memasukkan aplikasi SPEKS dengan bantuan pegawai teknikal SPEKS ke dalam komputer yang dibeli dengan peruntukan Jabatan sendiri seperti yang ditunjukkan di **Jadual 11**.

Jadual 11
Bilangan Komputer Yang Digunakan Untuk SPEKS

Jabatan	Bilangan Komputer Yang Dibekalkan Oleh Perbendaharaan	Bilangan Komputer Jabatan Yang Dimasukkan SPEKS	Bilangan Komputer Yang Digunakan Bagi SPEKS
Jabatan Kebajikan Masyarakat	3	3	6
Jabatan Kerja Raya	3	10	13
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	1	15	16
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	3	2	5
Jumlah	10	30	40

Sumber: Rekod Jabatan Berkenaan

Analisis Audit mendapati bilangan komputer yang dibekalkan oleh Perbendaharaan Negeri adalah tidak mencukupi untuk kegunaan Jabatan iaitu hanya 25% dari keperluan sebenar.

Semakan Audit mendapati sebanyak 141 talian rangkaian telah dipasang pada tahun 2003 di PTJ/Jabatan. Walau bagaimanapun didapati pemasangan talian ini tidak meliputi kesemua Pejabat/Cawangan di peringkat daerah. Selain daripada itu talian rangkaian yang telah dipasang di PTJ/Jabatan juga masih belum mencukupi bagi menampung keperluan semasa. Pada Mei 2005 Bendahari Negeri telah mengemukakan permohonan kepada JANM untuk mendapat tambahan 100 talian rangkaian, 86 komputer dan 76 pencetak. Permohonan ini adalah untuk mengatasi masalah kekurangan komputer serta talian rangkaian yang dihadapi oleh Jabatan negeri.

Kawalan fizikal adalah perlu bagi memastikan aset komputer (perkakasan, perisian dan dokumen) sentiasa terkawal dari pencerobohan fizikal dan selamat dari ancaman persekitaran demi menjaga keutuhan prosesan data. Kawalan fizikal yang perlu ada terdiri daripada kawalan lokasi fizikal bagi bilik server dan kawalan keselamatan keluar

masuk ke bilik server. **Foto 1** menunjukkan keadaan fizikal perkakasan dan perisian yang telah dibekalkan dan dipasang di bilik komputer Perbendaharaan Negeri Melaka.

Foto 1

**Data Management Server (DMS) Di Bilik Komputer,
Perbendaharaan Negeri Melaka
Diletak Di Lantai**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Tarikh: 23 Januari 2006

Lokasi: Bilik Komputer, Perbendaharaan Negeri Melaka.

Lawatan Audit ke bilik server mendapati lokasi fizikal server (DMS) adalah pada kedudukan tidak sesuai kerana setara dengan lantai. Ini akan mendedahkan server kepada habuk dan air yang akan menjaskan keselamatan data.

Pada pendapat Audit, satu perancangan teliti perlu dilakukan dalam mengenal pasti keperluan peralatan dan rangkaian untuk mengelakkan kekurangan peralatan dan komputer terutama di PTJ/Jabatan yang membuat kutipan di daerah. Bagaimanapun PTJ/Jabatan telah mengambil inisiatif untuk menyediakan peralatan komputer sendiri. Pihak Perbendaharaan Negeri juga telah berusaha untuk mendapatkan peralatan tambahan untuk keperluan Jabatan.

5.2.6 Keperluan Guna tenaga, Latihan dan Sokongan Teknikal

Guna tenaga yang mahir dan berpengalaman serta latihan yang mencukupi merupakan antara faktor yang akan menyumbang kecekapan serta keberkesanan pengendalian SPEKS. Di samping itu sokongan teknikal yang cekap dan mencukupi turut menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan SPEKS.

a) Keperluan Tambahan Perjawatan

PTJ/Jabatan menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja yang mahir bagi melaksanakan pengurusan kewangan dan pentadbiran melalui SPEKS. Ini adalah kerana pelaksanaan SPEKS menggunakan perjawatan yang sedia ada. Tiada penambahan bilangan jawatan atau perjawatan baru diberi bagi melaksanakan SPEKS di PTJ/Jabatan. Walaupun Pejabat Perbendaharaan Negeri membenarkan pegawai yang sama melakukan kemasukan data dan penyemakan, namun kekurangan pegawai yang meluluskan tetap wujud terutama di PTJ/Jabatan yang mempunyai bilangan perjawatan yang kecil. Permasalahan ini juga turut melibatkan PTJ/Jabatan yang mempunyai peruntukan yang tinggi. Bagi melancarkan pelaksanaan SPEKS, PTJ/Jabatan telah mengambil tindakan memohon penambahan perjawatan di Unit Kewangan dan Pentadbiran. PTJ/Jabatan juga telah menggunakan perkhidmatan pekerja sambilan dan kontrak bagi mengatasi masalah tersebut. Semakan Audit mendapati kesemua 4 sampel Jabatan yang dilawati telah membuat permohonan penambahan perjawatan sedia ada dan mewujudkan perjawatan baru di Unit Pentadbiran dan Kewangan bagi menangani permasalahan ini seperti yang ditunjukkan di **Jadual 12**.

Jadual 12
Kedudukan Permohonan Penambahan Jawatan di Jabatan

Jabatan	Bilangan Jawatan Sedia Ada	Bilangan Permohonan Jawatan	Tarikh Permohonan Tambahan Jawatan	Bilangan Jawatan Yang Diluluskan
Jabatan Kebajikan Masyarakat	4	7	1 Jun 2005	Belum diluluskan
Jabatan Perkhidmatan Veterinar	7	4	13 Mac 2003	Belum diluluskan
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	5	9	18 Jun 2003	8
Jabatan Kerja Raya	19	9	31 Mac 2005	Belum diluluskan
Jumlah	35	29		

Sumber: Rekod Perjawatan Jabatan Berkennaan

* Perjawatan SPEKS di Unit Pentadbiran Dan Kewangan sahaja diambil kira

Analisis Audit terhadap kedudukan permohonan penambahan jawatan di Jabatan yang dipilih mendapati berlaku kekurangan perjawatan di mana dari 29 perjawatan yang dipohon hanya 8 perjawatan telah diluluskan. Selain itu Perbendaharaan Negeri turut diberi penambahan 6 jawatan Pembantu Akauntan Gred W17 pada Januari dan Mei 2005 daripada JANM bagi melaksanakan tugas Urus setia SPEKS mulai Julai 2005. Seramai 3 orang telah dilantik pada Disember 2004 dan telah ditempatkan di Perbendaharaan Negeri pada Januari 2005 manakala 3 lagi telah dilantik pada April 2005 dan ditempatkan pada Mei 2005.

Pada pendapat Audit tugas Urus setia memerlukan pegawai yang berpengalaman dan berkemahiran di dalam mengendalikan SPEKS kerana mereka yang akan menjadi rujukan apabila PTJ/Jabatan menghadapi masalah. Semakan Audit juga mendapati Urus setia ini adalah terdiri daripada pegawai yang baru dilantik dalam perkhidmatan awam dengan tempoh perkhidmatan antara 8 bulan hingga 1 tahun.

Lawatan ke Perbendaharaan Negeri mendapati kakitangan yang mengendalikan SPEKS telah ditempatkan di ruang kerja yang sempit. **Foto 2** menunjukkan pegawai dan kakitangan di Perbendaharaan Negeri sedang melaksanakan SPEKS.

Foto 2

**Pegawai Dan Kakitangan Di Perbendaharaan Negeri Sedang Melaksanakan
SPEKS Di Ruang Kerja Yang Sempit**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Tarikh: 23 Januari 2006

Lokasi: Perbendaharaan Negeri Melaka

Pihak Audit dimaklumkan keadaan ini berlaku kerana kekurangan ruang pejabat di Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun keadaan ini akan dapat diatasi apabila ruang pejabat di bangunan baru siap pada Jun 2006.

Pada pendapat Audit, penambahan kakitangan perlu dibuat memandangkan kekurangan kakitangan di PTJ/Jabatan. Bagaimanapun Jabatan telah membuat permohonan untuk menampung keperluan kakitangan bagi mengendali SPEKS.

b) Latihan

Latihan untuk pengguna SPEKS bagi setiap modul SPEKS diaturkan oleh JANM. Di peringkat awal wakil KJSB bersama pegawai dari JANM telah memberikan latihan kepada kakitangan dan pegawai Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan yang bertempat di Seri Negeri, Ayer Keroh Melaka. Mulai pertengahan tahun 2005 latihan kepada pengguna telah diberi sendiri oleh PSM/PPSM dan Urus setia SPEKS. Sehingga tahun 2005 sebanyak 21 sesi latihan secara berperingkat telah diberikan kepada pengguna di semua PTJ/Jabatan mengikut modul yang digunakan. Walau bagaimanapun semasa mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Bil 10/2005 yang telah diadakan pada 27 Disember 2005, Perbendaharaan Negeri ada mengemukakan cadangan agar latihan selanjutnya diberikan kepada pengguna SPEKS yang akan dianjurkan dan dikendalikan oleh JANM. Senarai latihan yang telah diberikan adalah seperti yang ditunjukkan di **Jadual 13**.

Jadual 13
Senarai Latihan Yang Telah Diberikan Kepada
Pengguna PTJ/Jabatan

Bil.	Modul	Tarikh Latihan
1.	Lejar Am - Penyesuaian Bank	Januari 2003 Ogos 2003
2.	Buku Vot Latihan Ulangan B. Vot	3 – 5 September 2003 13 – 14 Oktober 2003 11 – 12 Mac 2004
3.	Belanjawan	4 – 6 November 2003 12 – 13 Ogos 2003 21 – 23 September 2003 21 – 23 November 2005
4.	Gaji	16 – 18 Julai 2003 28 – 29 Julai 2004
5.	PTJ Kewangan - Pembayaran - Penerimaan	2 Februari 2005 3 Februari 2005
6.	Lejar Akaun Subsidiari	1 dan 6 Disember 2004 17 – 18 November 2005
7.	Aset dan Inventori	25 – 27 Mei 2005 29 Ogos – 1 September 2005
8.	Pelaburan	1 – 3 Jun 2005
9.	Pinjaman	26 – 28 Disember 2005

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Analisis Audit terhadap jawapan soal selidik kepada PTJ/Jabatan mendapat 6 daripada 11 memberikan maklum balas berpuas hati terhadap semua latihan yang telah dilaksanakan. Manakala 2 PTJ/Jabatan memberikan maklum balas kurang berpuas hati. 3 PTJ/Jabatan lagi memberikan maklum balas berbeza mengikut modul

latihan yang diberikan. Selain daripada latihan kepada pengguna, latihan teknikal juga turut diberi kepada pegawai teknikal di Perbendaharaan Negeri iaitu kepada PSM dan PPSM seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Senarai Latihan Pegawai Teknikal Perbendaharaan Negeri Melaka

Bil.	Jenis Latihan	Tarikh	Tempat	Pegawai Yang Terlibat
1.	Pengurusan Data (DMS)	18 -19/3/2003	Bangi, Selangor.	PSM & PPSM
2.	<i>Training Fundamental of UNIX</i>	9 – 10/2/2004	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya.	PSM & PPSM
3.	<i>Training HP-UX System and Network Administration</i>	11 - 17/2/2004	Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Putrajaya.	PSM & PPSM
4.	Latihan Microsoft Office 2000 Profesional	28/3 - 1 /4/2005	Bangi, Selangor.	PSM
5.	Seminar Perisian Oracle Discoverer 9i	9 - 13 /4/2005	Cameron Highland, Pahang.	PSM
6.	Latihan MS Windows Server 2000 Profesional dan MS Windows 2000 Advanced Server	4 - 5/5/2005	Bangi, Selangor.	PSM

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Enam orang Urus setia SPEKS telah diberi latihan antara 1 hingga 4 hari bagi setiap modul SPEKS di JANM, Putrajaya dan di Perbendaharaan Negeri Melaka. Maklum balas yang diterima daripada pegawai tersebut mengenai latihan yang diikuti, 2 daripada mereka mendapati latihan tersebut adalah tidak mencukupi, seorang tidak menyatakan komennya dan 3 orang menyatakan latihan mencukupi. Pada pendapat Audit, latihan yang diberikan kepada Urus setia ini belum memadai kerana tempoh latihan yang diberikan terlalu singkat.

Semakan Audit juga mendapati bilik yang dikhaskan untuk mengendalikan latihan SPEKS telah digunakan untuk tujuan lain. Peralatan dan komputer latihan telah dipindahkan dan diagihkan kepada kakitangan Perbendaharaan Negeri. Latihan dijalankan di bilik guna sama dengan menggunakan peralatan dan komputer yang dipasang sementara memandangkan kekurangan ruang untuk latihan. Ketiadaan bilik yang dikhaskan untuk latihan akan mengganggu kelancaran latihan yang sepatutnya dilaksanakan. Di samping itu kekerapan pengalihan akan mendedahkan peralatan kepada kerosakan dan kehilangan.

Pihak Audit juga berpendapat adalah wajar jika latihan berterusan dapat diberikan kepada semua pengguna SPEKS di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Penyediaan bilik latihan yang khusus juga diperlukan untuk memastikan latihan berterusan dapat dijalankan dengan teratur.

c) **Sokongan Teknikal**

Pegawai Teknikal KJSB telah ditempatkan di Perbendaharaan Negeri dari tahun 2003 hingga Julai 2005 untuk memberi sokongan teknikal dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Perbendaharaan Negeri dan juga pengguna di PTJ/Jabatan. PSM dan PPSM di Perbendaharaan Negeri juga turut membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh PTJ/Jabatan. Selain daripada pegawai tersebut, seramai 6 Pembantu Akauntan yang ditempatkan di Perbendaharaan Negeri ditugaskan untuk membantu menyelesaikan masalah PTJ/Jabatan. Pegawai tersebut telah diberi latihan dan pendedahan mengenai SPEKS selama 10 hari di JANM dan 8 hari di Perbendaharaan Negeri Melaka.

Pada pendapat Audit, latihan dan sokongan teknikal yang dilaksanakan untuk PTJ/Jabatan adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun Pembantu Akauntan yang ditugaskan untuk menyelesaikan masalah di PTJ/Jabatan perlu diberi latihan dan pendedahan yang lebih memandangkan mereka masih kurang berpengalaman.

5.2.7 Prestasi Pembiayaan Projek SPEKS

Kos keseluruhan projek SPEKS berjumlah RM 101 juta adalah ditanggung oleh JANM. Butiran kos projek tersebut adalah seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Prestasi Pembiayaan Projek SPEKS Sehingga Tahun 2005

Bil.	Perkara	Kos Projek (RM)
1.	Projek SPEKS Perintis	10,571,313
2.	Projek SPEKS <i>Roll-out</i>	48,574,206
3.	Perbelanjaan Lain Berkaitan	10,585,500
4.	Tandatangan Digital & <i>Helpdesk</i>	9,017,380
5.	Geran Untuk Negeri-Negeri	15,000,000
6.	Penyelenggaraan SPEKS	7,146,191
Jumlah		100,894,590

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Sehingga 31 Disember 2005, kos perbelanjaan untuk projek SPEKS adalah berjumlah RM 87.21 juta. Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, JANM telah meluluskan

sejumlah RM261,750 untuk perbelanjaan rangkaian dan latihan di negeri Melaka. Kos ini ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan kerana projek ini belum siap sepenuhnya. Sejumlah RM210,244 daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan dan baki yang berjumlah RM51,506 telah ditarik balik oleh JANM.

Apabila tempoh kontrak projek SPEKS tamat pada Julai 2004, kos penyelenggaraan perkakasan dan rangkaian di negeri akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri. Bagaimana pun, JANM telah menandatangani perjanjian untuk melanjutkan tempoh penyelenggaraan dengan KJSB serta menanggung kos penyelenggaraan bagi tempoh bulan Julai 2004 hingga Oktober 2006.

Pada pendapat Audit, kos penyelenggaraan SPEKS yang tinggi serta perlu ditanggung untuk tempoh masa yang lama akan membebankan Kerajaan Negeri.

Secara keseluruhannya, SPEKS telah dilaksanakan dengan baik di peringkat Perbendaharaan Negeri dan PTJ/Jabatan. Bagaimana pun, fungsi yang terdapat pada setiap modul yang dikaji belum dilaksanakan dengan sepenuhnya. Ini adalah kerana skop SPEKS yang luas dan masih baru dilaksanakan secara berperingkat iaitu dalam tempoh 3 tahun. Walaupun terdapat beberapa masalah dalam proses pelaksanaan yang dihadapi oleh PTJ/Jabatan namun pihak Perbendaharaan Negeri telah berusaha mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

5.3 PEMANTAUAN

Secara keseluruhannya pemantauan pelaksanaan SPEKS dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal yang ditubuhkan oleh JANM. Jawatankuasa ini telah mewujudkan 3 pasukan petugas iaitu Pasukan Petugas Peralatan/Rangkaian, Pasukan Petugas Pembangunan Perakaunan dan Pasukan Petugas Aplikasi SPEKS. Bagaimana pun, di peringkat negeri pemantauan dilakukan secara langsung oleh Perbendaharaan Negeri melalui kaedah seperti berikut:

5.3.1 Urus setia SPEKS

Enam orang Pembantu Akauntan yang dilantik oleh JANM ditempatkan di Perbendaharaan Negeri sebagai Urus setia SPEKS untuk PTJ/Jabatan turut terlibat dalam pemantauan pelaksanaan SPEKS. Setiap pegawai dipertanggungjawabkan untuk mengawasi antara 4 hingga 9 PTJ/Jabatan. Prosedur dan program pemantauan terhadap PTJ/Jabatan ada disediakan bagi memastikan tugas pemantauan terancang.

5.3.2 Helpdesk

Semakan Audit terhadap minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bil. 1/2004 bertarikh 12 Mei 2004 mendapati sistem *Helpdesk* SPEKS telah mula beroperasi mulai 10 Disember 2003 antara Perbendaharaan Negeri dengan JANM. *Helpdesk* tersebut diuruskan oleh PSM serta PPSM. Semakan Audit juga mendapati daripada Januari

2004 hingga Disember 2005, sebanyak 147 masalah telah dilaporkan dalam *Helpdesk*. Daripada jumlah ini, sebanyak 37 masih belum diselesaikan. Tempoh masa yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut adalah antara 1 hari hingga 172 hari. Mengikut prosedur yang ditetapkan semua masalah yang dapat diselesaikan di peringkat negeri juga dikehendaki dilaporkan dalam borang laporan masalah. Tujuannya ialah untuk berkongsi pengetahuan dan ilmu dengan pengguna sistem di negeri lain serta membangunkan *knowledge server*. Bagaimana pun, semakan Audit mendapati masalah yang diselesaikan di peringkat Perbendaharaan Negeri tidak dilaporkan kepada *Helpdesk JANM*. Selain itu, semakan Audit mendapati kemudahan *knowledge server* belum dibangunkan lagi. *Helpdesk* antara PTJ/Jabatan dan Perbendaharaan Negeri dilaksanakan pada Jun 2005. *Helpdesk* tersebut diuruskan oleh 6 orang Urus setia. Semakan yang dibuat mendapati masalah yang dilaporkan oleh PTJ/Jabatan telah diisikan dalam borang laporan masalah. Tindakan penyelesaian masalah dan tempoh penyelesaian juga dicatatkan dalam borang tersebut.

5.3.3 Jawatankuasa Pemantauan

Semakan Audit mendapati penubuhan Jawatankuasa Pemantauan SPEKS adalah bagi menggantikan Jawatankuasa Pelaksanaan Negeri. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Pegawai Kewangan Negeri atau Bendahari Negeri dan keahliannya terdiri daripada wakil JANM, Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri dan Jabatan yang lain. Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan yang pertama telah diadakan pada akhir Mac 2004. Sehingga Disember 2005, sebanyak 27 mesyuarat telah dijalankan di pelbagai Jabatan secara bergilir bagi membincangkan kemajuan dan permasalahan SPEKS. Setiap PTJ/Jabatan dikehendaki menghantar minimum 2 orang pegawai dan kakitangan pada setiap kali mesyuarat diadakan. Kekerapan mesyuarat tersebut telah diubah dari setiap minggu kepada setiap 2 minggu dan seterusnya pada setiap bulan apabila SPEKS semakin berjalan lancar dan masalah yang dibangkitkan semakin berkurangan.

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat mendapati beberapa perkara berhubung keperluan dan konsep perakaunan dan kewangan yang terdapat pada SPEKS masih perlu diperbaiki oleh pihak KJSB. Penambahbaikan sistem ini dimasukkan ke dalam *change request* yang akan berakhir sehingga 31 Disember 2005. Sehingga 31 Disember 2005 terdapat 6 perkara telah dimasukkan ke dalam *change request* untuk tindakan JANM dan KJSB yang masih belum dapat diselesaikan seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Perkara Yang Dimasukkan Dalam Change Request

Bil.	Perkara	Tarikh dan Bilangan Mesyuarat Mula Dibangkitkan	Kedudukan Terkini
1.	Perihal Pesanan Tempatan -tiada ruang perihal untuk Jabatan isi bagi sesuatu projek atau pembelian	Bil. 2/2004 pada 7/4/2004	KJSB telah serahkan kepada JANM untuk ujian
2.	Daftar Bil Yang Belum Dibuat Baucar	Bil. 6/2004 pada 19/5/2004	Akan disiapkan pada tahun 2006
3.	Pengasingan Slip Gaji Mengikut Taraf Jawatan (Tetap, Kontrak, Pencen)	Bil. 4/2005 pada 28/5/2005	KJSB telah serahkan kepada JANM untuk ujian
4.	Cetakan Penyata Pemungut Tiada Senarai Wang Pos	Masalah dimaklumkan ke Perbendaharaan Negeri melalui surat pada Ogos 2005	Masalah masih berlaku
5.	Pengawasan Perbelanjaan Di bawah Amanah	Bil. 4/2005 pada 28/5/2005	KJSB telah serahkan kepada JANM untuk ujian
6.	Resit asal boleh dicetak melebihi satu helai di samping resit salinan	Dibangkitkan oleh Audit semasa pengauditan dilaksanakan pada 2005	Masalah ini akan dibawa ke tahun hadapan kerana mengikut tahap keseriusan masalah.

Sumber: Rekod Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri Melaka

Pemerhatian Audit juga mendapati kehadiran minimum 2 orang wakil Jabatan seperti yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan yang pertama tidak mencukupi. Bagi memastikan keputusan mesyuarat diambil tindakan segera, adalah lebih berkesan jika kehadiran wakil Jabatan ditetapkan kepada pegawai penyelia kewangan bersama kakitangan yang terlibat dalam perlaksanaan SPEKS. Bendahari Negeri juga telah mengambil tindakan proaktif memberi surat makluman ketidakhadiran wakil kepada Ketua Jabatan bagi memastikan setiap Jabatan bertanggungjawab akan peranan mereka sebagai ahli Jawatankuasa Pemantauan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan SPEKS telah dijalankan dengan baik dan memuaskan. Perbendaharaan Negeri telah dan sedang berusaha sedaya upaya memantau permasalahan yang wujud sama ada di peringkatnya sendiri mahupun di peringkat PTJ/Jabatan supaya ianya tidak berterusan di masa akan datang.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya pengurusan pelaksanaan SPEKS masih belum mencapai matlamat sepenuhnya kerana sistem ini masih dalam peringkat pelaksanaan. Kelamahan yang telah dikenal pasti hasil kajian Audit ialah perancangan yang kurang teliti, pembangunan SPEKS kurang mengambil kira peraturan semasa, kakitangan yang tidak mencukupi dan kurang latihan serta masalah yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa pemantauan tidak diberi perhatian yang serius. Adalah disyorkan tindakan diambil untuk mengatasi kelemahan yang berlaku seperti berikut:

- a) Sistem yang dibangunkan perlu mengambil kira peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- b) Arahan pengguna yang lengkap dan kemas kini dibekalkan kepada setiap pengguna sistem supaya sumber rujukan dan garis panduan SPEKS adalah seragam.
- c) Latihan yang berterusan perlu diadakan dan kemudahan bilik latihan disediakan khas untuk latihan SPEKS.
- d) Kakitangan yang mencukupi, mahir dan berpengetahuan ditugaskan untuk mengendalikan SPEKS.
- e) Ketua Jabatan disarankan agar mengambil tindakan sewajarnya untuk mengemas kini data bagi memastikan semua maklumat aset dan inventori adalah kemas kini dalam SPEKS.
- f) Jabatan Audit menyarankan supaya tindakan diambil untuk memastikan semua fungsi yang terdapat dalam modul SPEKS digunakan sepenuhnya.
- g) Adalah disarankan agar kos tersebut ditanggung oleh JANM atau Kerajaan Persekutuan.

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

PROGRAM PENGINDAHAN BANDAR MELAKA

7. LATAR BELAKANG

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (Majlis) adalah bertanggungjawab ke atas pentadbiran seluruh daerah Melaka Tengah. Kawasan pentadbiran Majlis adalah seluas 303 km persegi iaitu 18% dari keluasan Negeri Melaka dan terbahagi kepada 30 buah mukim serta sebuah kawasan bandar yang merupakan pusat pentadbiran Negeri Melaka. Majlis telah mendapat pengiktirafan bandar raya pada tahun 2003. Peranan Majlis secara keseluruhannya adalah untuk merancang dan menggalakkan pembangunan kawasan bandar raya. Program pengindahan bandar yang dilaksanakan oleh Majlis terdiri daripada pembangunan landskap bagi menceria dan mengindahkan kawasan bandaraya serta memastikan kawasan sentiasa bersih dan cantik menerusi program penyenggaraan yang berterusan. Pembangunan landskap ini dikenali sebagai landskap lembut dan kejur. Landskap lembut bermaksud penanaman pokok utama, palma, pokok renek dan penutup bumi yang cantik dan menarik dengan berbagai jenis dedaun, pokok berbunga dan berwarna di tepi jalan utama, pembahagi jalan dan pulau jalan. Manakala landskap kejur pula meliputi unsur pembinaan replika, arca, pintu gerbang, laluan pejalan kaki dan lampu jalan. Matlamat program pengindahan bandar adalah untuk menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah Dalam Taman dan menjadikan Negeri Melaka sebagai sebuah pusat pelancongan utama. Pada tahun 2005, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM17.65 juta bagi program pengindahan bandar yang mana meliputi RM10.56 juta bagi pembangunan projek landskap lembut dan RM7.09 juta bagi landskap kejur. Bilangan pelancong ke Negeri Melaka sehingga akhir tahun 2005 adalah seramai 4.69 juta orang iaitu meningkat sebanyak 17.2% atau seramai 690,724 orang berbanding 4 juta orang dalam tempoh yang sama pada tahun 2004.

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada program pengindahan bandar yang dirancang telah dilaksanakan secara cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

9. SKOP DAN KAEADAH PENGAUDITAN

Skop pengauditan merangkumi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program pengindahan bandar yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005. Tumpuan pengauditan adalah terhadap program pengindahan bandar iaitu pembangunan landskap lembut dan kejur serta pengurusan penyenggaraan kawasan landskap. Pengauditan telah dijalankan di pejabat

Majlis dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan terhadap 8 projek pengindahan bandar yang dipilih sebagai sampel, mengadakan temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat serta lawatan fizikal ke tapak projek yang terpilih. Program pengindahan bandar telah dipilih sebagai satu aktiviti untuk pengauditan kerana Melaka adalah salah sebuah destinasi utama pelancong yang melawat Malaysia termasuklah pelancong dalam negara. Selain itu, didapati Kerajaan Negeri Melaka melalui Agensi pelaksana seperti Majlis dan Agensi Kerajaan lain terlalu komited dalam melaksanakan program pembangunan yang memberi impak terhadap industri pelancongan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti serta penetapan hala tuju yang jelas di peringkat awal dapat memastikan matlamat sesuatu program dicapai dengan jayanya. Aspek perancangan Majlis meliputi perkara berikut :

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Bandaraya Melaka merupakan sebuah bandar raya terkenal di Malaysia yang beridentitikan sejarah. Selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Malaysia Negara Dalam Taman, Kerajaan Negeri Melaka telah menetapkan matlamat untuk menjadikan Melaka sebagai Bandaraya Berbudaya dan Bersejarah Dalam Taman menjelang tahun 2005. Pemeliharaan dan pemuliharaan unsur sejarah akan diintegrasikan dengan elemen landskap.

Kerajaan Negeri mensasarkan tahun 2010 sebagai negeri maju. Industri pelancongan adalah antara industri utama yang diberi tumpuan. Kerajaan Negeri percaya industri pelancongan mampu menjadi pemangkin kepada ekonomi Negeri Melaka melalui pelbagai peluang perniagaan baru bagi penduduk tempatan dan pelabur asing. Hasrat ini diterapkan melalui penggunaan slogan Kerajaan Negeri iaitu ‘Melawat Melaka Bersejarah Bererti Melawat Malaysia’. Majlis akan memainkan peranan utama dengan mempergiatkan usaha memperkenal serta menaikkan imej Melaka sebagai destinasi pelancongan yang amat menarik dan sukar dilupakan bagi merealisasikan hasrat tersebut.

10.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi memastikan program pengindahan bandar dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat untuk mengindah serta menghijaukan kawasan, Majlis akan menerima pakai undang-undang, peraturan, garis panduan serta dasar seperti berikut :

a) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

Akta Kerajaan Tempatan 1976 merupakan undang-undang utama untuk mentadbir dan mengurus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Akta ini antara lain memberi kuasa kepada Majlis untuk melaksanakan penanaman, pemangkasan dan penebangan serta bertanggungjawab membina, menyenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman rekreasi, padang permainan dan taman permainan kanak-kanak.

b) Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)

Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 menetapkan PBT terlibat secara langsung dalam merancang pembangunan dalam kawasannya termasuklah mengatur, mengawal dan merancang pemajuan serta penggunaan semua tanah dan bangunan, menyediakan tanah lapang bagi aktiviti rekreasi penduduk setempat, melindungi persekitaran, memelihara topografi, landskap dan menanam pokok. Akta ini juga menetapkan denda sehingga RM50,000 boleh dikenakan sekiranya peruntukan perintah pemeliharaan pokok tidak dipatuhi. Kebenaran secara bertulis daripada PBT akan diperolehi bagi kerja memotong, mencantas, memangkas, merosakkan atau memusnahkan pokok yang memiliki lilitan 0.8 meter, pokok yang mempunyai nilai tersendiri, nilai sejarah dan pokok di kawasan perlindungan seperti kawasan hutan simpan, tadahan air dan kawasan pemeliharaan bukit. Kebenaran bertulis adalah dikecualikan sekiranya penebangan terpaksa dilakukan bagi mencegah bahaya dan pokok yang hampir atau telah mati.

c) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 telah berkuat kuasa pada tahun 1974 dan mula diguna pakai oleh Majlis pada awal tahun 1977. Akta ini antara lain menetapkan peraturan mengenai keperluan jalan, sungai dan alur serta bangunan yang hendak dibangunkan. Seksyen 46, 47 dan 70 adalah jenis kesalahan yang boleh dikenakan kompaun sekiranya peruntukan undang-undang ini diabaikan.

d) Undang-undang Kecil Majlis

- i) Undang-undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Melaka Tengah) 1983 menetapkan kesalahan kepada seseapa yang memotong, mengalih, merosak atau memusnahkan apa jua bungaan, tanaman atau pokok. Jika didapati bersalah ianya boleh didenda sehingga RM2,000 atau di penjara 6 bulan;
- ii) Undang-undang Kecil Kebersihan Awam (Majlis Perbandaran Melaka Tengah) 1983 pula menghendaki orang ramai menjaga kebersihan dengan membuang sampah ke dalam tong sampah. Orang ramai perlu memastikan kandungannya tidak terjatuh atau bertaburan dari tong sampah. Bangkai, bahan mudah terbakar dan beracun tidak dibenarkan dibuang ke dalam tong sampah. Keingkaran orang ramai boleh menyebabkan didenda RM2,000 atau penjara; dan

- iii) Undang-undang Kecil Vandalisme (MPMBB) 1991 pula membolehkan kompaun dikenakan sehingga RM250 bagi sebatang pokok terhadap individu yang didapati bersalah meracun sehingga mati atau merosakkan pokok bunga milik Majlis.

e) Garis Panduan Landskap Negara

Garis Panduan Landskap Negara telah dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan pada tahun 1995. Ia merupakan satu panduan umum bagi pembangunan landskap khususnya landskap lembut untuk kegunaan Agensi pelaksana iaitu Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk membantu membangunkan, menyenggara kawasan landskap dan mengawal reka bentuk serta pelaksanaan kerja landskap oleh pemaju supaya kerja pembangunan dan penyenggaraan landskap dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan profesional. Panduan dan cadangan yang dikemukakan adalah berkaitan dengan kesesuaian penanaman mengikut kawasan, kaedah penanaman dan penyenggaraan landskap.

10.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan yang terperinci merupakan antara perkara penting dalam aspek perancangan bagi memastikan sesuatu projek berjaya mencapai matlamatnya. Sebelum sesuatu projek pembangunan landskap dilaksanakan kajian kemungkinan akan dilaksanakan bagi menentukan sama ada projek tersebut mampu dilaksanakan. Aspek yang akan dikaji antaranya adalah kesesuaian lokasi yang dipilih bagi projek. Selain itu, kaedah pembangunan sama ada Majlis mempunyai kapasiti melaksana sendiri atau perlu diswastakan, peruntukan kewangan mencukupi bagi pembiayaan projek, mengenal pasti masalah serta cadangan penyelesaian, tentukan daya maju atau kesan dan kebaikan projek tersebut bagi memenuhi objektif yang ditetapkan dalam program pengindahan bandar.

10.1.4 Pelan Induk Landskap

Majlis akan menggunakan Pelan Induk Landskap untuk membuat perancangan mengenai program pembangunan landskap bagi kawasan Melaka Tengah dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dinamakan Pelan Induk Landskap. Pelan Induk Landskap merupakan pelan tindakan jangka panjang yang komprehensif bagi pembangunan landskap di sesuatu kawasan dalam bentuk polisi, strategi dan cadangan projek bagi tempoh 10 tahun akan datang. Pelan tersebut disusun berdasarkan kajian yang dilaksanakan. Matlamat kajian tersebut adalah untuk menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah Dalam Taman dengan suasana persekitaran yang ceria, indah dan berwarna warni menjelang tahun 2005. Selain itu, bagi membentuk satu imej Melaka Bandaraya Bersejarah yang tersendiri dan menjadi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara.

10.1.5 Sasaran Program Pengindahan Bandar

Majlis akan menetapkan sasaran program pengindahan bandar adalah pelaksanaan dasar dan cadangan program pembangunan landskap serta tindakan terhadap teguran yang diterjemahkan dalam Pelan Induk Landskap. Ianya disediakan berikut kajian yang dibuat oleh Jabatan Landskap Negara. Cadangan, teguran, pelan tindakan dan panduan yang dikemukakan dalam Pelan Induk Landskap hasil daripada kajian yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Penanaman pokok hiasan, laluan pejalan kaki dan ruang seperti mini plaza, tempat rehat atau arca serta elemen landskap kejur seperti tong sampah, tempat duduk dan tiang lampu di pusat penempatan perlu dipertingkatkan. Pusat penempatan utama adalah di Ayer Keroh, Bukit Baru dan Peringgit. Ini adalah kerana pembangunan landskap ini masih kurang dan tidak menyeluruh berbanding di pusat bandar;
- b) Kawasan sejarah yang terpinggir dari pusat bandar seperti Perigi Hang Tuah, Makam Hang Tuah, Batu Nisan Acheh perlu di senggara dengan baik dan dilengkapi dengan kemudahan landskap yang menarik;
- c) Kawasan tumpuan aktiviti, stesen bas tempatan, stesen bas ekspres dan gerai perlu dilandskapkan dan dijaga kebersihannya bagi meningkatkan imej persekitaran yang lebih selesa;
- d) Penyediaan ruang pejalan kaki yang berkesinambungan perlu disediakan terutama di Jalan Hang Tuah, Jalan Tun Ali dan Jalan Tun Sri Lanang;
- e) Landskap di kiri dan kanan jalan utama seperti di Jalan Tun Mutahir, Jalan Hang Tuah, Jalan Tun Ali dan Jalan Tun Sri Lanang perlu dipertingkatkan dengan elemen landskap lembut dan kejur;
- f) Kawasan yang boleh dibangunkan bagi meningkatkan imej kawasan sejarah adalah Kampung Morten, rumah kedai di Jalan Bunga Raya dan Sungai Melaka. Sungai Melaka yang berkedudukan di pusat bandar perlu diketengahkan menjadi destinasi pelancongan utama;
- g) Landskap sepanjang jalan dan persimpangan jalan utama dan jalan protokol perlu dipertingkatkan. Ini adalah kerana papan tanda dan penanaman pokok hiasan tidak tersusun, kurang menarik dan tidak seragam menimbulkan pemandangan yang bercelaru dan mencacatkan pemandangan;
- h) Taman yang bersifat awam terutama di kawasan tumpuan utama pelancongan seperti Ayer Keroh, Taman Pahlawan, Dataran Sejarah, Taman Perbandaran dan kawasan pemuliharaan Bandar Hilir perlu diperbanyakkan dan dipertingkatkan supaya menjadi pusat tumpuan ramai dan beriadah;
- i) Meningkatkan kesedaran dan keprihatinan orang ramai termasuk badan korporat, jabatan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan mengenai tahap kebersihan dan keindahan alam sekitar. Usaha yang boleh dilaksanakan antaranya adalah pertandingan landskap dan program gotong-royong;
- j) Memastikan pengurusan dan penyenggaraan landskap yang berjadual, berterusan serta melaksanakan kerja penguatkuasaan landskap;

- k) Menaik taraf tapak semaihan sedia ada dengan tambahan kemudahan bagi melicinkan lagi pelaksanaan tugas;
- l) Menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi dan berterusan;
- m) Memperbanyakkan penanaman pokok bunga di lokasi yang tertentu dan memperbanyakkan program menanam pokok; dan
- n) Projek pembangunan landskap yang disyorkan adalah Projek Pengindahan Sungai Melaka, Projek Taman Seribu Bunga dan Pembangunan Pantai Kundur.

Selain itu, Majlis akan turut mencari serta menyumbang ide bagi cadangan pembangunan landskap lain selaras dengan dasar dan strategi yang digariskan dalam Pelan Induk Landskap sebagai tambahan bagi mencapai matlamat untuk menjadikan Melaka sebagai Bandar raya Berbudaya dan Bersejarah Dalam Taman menjelang tahun 2005. Secara tidak langsung, Majlis turut mensasarkan program pengindahan bandar yang akan meningkatkan lebih ramai kedatangan pelancong ke Negeri Melaka selari dengan harapan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2005, Kerajaan Negeri telah mensasarkan bilangan pelancong melawat Negeri Melaka seramai 4.4 juta orang.

10.1.6 Komponen Program

Program pengindahan bandar yang akan dilaksanakan oleh Majlis antaranya adalah pembangunan landskap lembut dan kejur serta pembangunan taman kemudahan awam di lokasi yang strategik. Tujuan program ialah bagi menceria dan mengindahkan kawasan bandar raya serta memastikan kawasan sentiasa bersih dan cantik menerusi program penyenggaraan yang berterusan.

a) Pembangunan Landskap Lembut Dan Kejur

Landskap secara umum bermaksud suatu pemandangan luaran atau permukaan bumi yang dihasilkan dari segi keadaan semula jadi atau binaan. Ia juga adalah satu bidang seni kreatif untuk mengolah pemandangan di atas muka bumi dengan menggunakan unsur asli atau binaan supaya lebih berfungsi dan menarik. Unsur asli termasuk tumbuhan, air dan rupa bentuk bumi. Unsur binaan pula meliputi struktur dan bangunan yang menjadi keperluan pengguna. Landskap yang dibangunkan dengan penggunaan unsur asli dikenali sebagai landskap lembut manakala yang menggunakan unsur binaan dikenali sebagai landskap keras atau kejur.

b) Pengurusan Penyenggaraan Landskap

Setiap kawasan yang diperindah dengan landskap lembut dan kejur akan disenggarakan secara berkala dan berterusan bagi memastikan matlamat mencantikkan kawasan tercapai. Program penyenggaraan landskap lembut berdasarkan garis panduan Jabatan Landskap Negara adalah seperti berikut:

- i) Penyiraman tanaman dilakukan 2 kali sehari pada waktu pagi dan petang;
- ii) Membuang rumput dan mengembur di sekeliling pangkal pokok dilakukan secara berterusan;
- iii) Menyembur racun serangga dan racun kulat terhadap serangga perosak bagi mengawal penyakit pada pokok dilakukan apabila perlu sahaja;
- iv) Mencantas dahan pokok untuk tujuan membentuk pokok dan membuang dahan yang mati; dan
- v) Pembajaan dilakukan setiap bulan dengan kuantiti mengikut saiz dan umur pokok.

Penyenggaraan terhadap landskap kejur meliputi kerja pemberian terhadap komponen bangunan yang retak, pecah atau peralatan elektrik yang tidak berfungsi dan penggantian lampu yang rosak.

10.1.7 Kaedah Pelaksanaan Program Pengindahan Bandar

Program pengindahan bandar terbahagi kepada 2 komponen iaitu pembangunan landskap lembut dan kejur serta penyenggaraan landskap akan dilaksanakan mengikut kaedah seperti berikut :

a) Pembangunan Landskap Lembut Dan Kejur

Cadangan pembangunan landskap lembut dan kejur yang akan dilaksanakan oleh Majlis dibincangkan di beberapa peringkat iaitu peringkat Jabatan, peringkat Majlis, peringkat Kerajaan Negeri dan peringkat Kementerian yang berkaitan. Ianya bergantung kepada jenis pembangunan dan sumber peruntukan kewangan bagi projek tersebut. Perkara yang akan disediakan dalam kertas kerja cadangan pembangunan projek landskap antaranya spesifikasi, justifikasi dan sumber peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek tersebut. Setelah projek pembangunan landskap diluluskan pelaksanaannya, Majlis akan meneruskan proses seterusnya. Sekiranya melibatkan pembiayaan dari sumber Majlis ia akan dibawa ke Mesyuarat Penuh Majlis untuk kelulusan bajet manakala bagi pembiayaan peruntukan Kementerian surat permohonan yang berkaitan akan dipanjangkan ke Kementerian tersebut.

b) Pengurusan Penyenggaraan Landskap

Jabatan Pengindahan Bandar bertanggungjawab untuk merangka dan menyusun program penyenggaraan landskap selaras dengan garis panduan dan Pelan Induk Landskap. Jabatan ini akan menyediakan jadual berkala dan menempatkan kakitangan mengikut kawasan tertentu dan menswastakan kepada kontraktor bagi kawasan yang lain.

i) Kerja Penyenggaraan Yang Diurus Sendiri

Sebahagian kawasan penyenggaraan landskap diuruskan sendiri oleh kakitangan Majlis. Kawasan yang akan diuruskan sendiri ditentukan oleh Majlis

meliputi jalan protokol dan pusat bandar. Bahagian Landskap bertanggungjawab untuk merancang dan menyusun jadual kerja penyenggaraan, pembahagian kumpulan kerja dan pemantauan kerja penyenggaraan. Kakitangan Bahagian Landskap akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan diketuai oleh seorang mandur dan dipertanggungjawabkan mengawal 4 hingga 5 orang pekerja. Selain kawasan yang ditetapkan kakitangan tersebut juga akan melaksanakan kerja *ad hoc* terutamanya semasa perayaan atau upacara rasmi yang memerlukan ianya disiapkan segera.

Selain itu, Majlis juga mengurus sendiri sebuah tapak semai seluas lebih kurang 2.8 hektar termasuk sebuah tasik kecil yang terletak di Batu Berendam, Melaka. Seramai 20 orang pekerja ditempatkan di tapak tersebut bagi melaksanakan pelbagai kerja. Kerja tersebut adalah seperti menyemai benih, merawat pokok, membaja, membuat campuran tanah, menukar bunga dan tanah pasu serta mengurus penyewaan pasu bunga kepada pihak swasta, Agensi dan Jabatan Kerajaan. Pekerja di tapak ini juga dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan menjalankan tugas mengikut pusingan kerja.

ii) Kerja Penyenggaraan Yang Diswastakan

Memandangkan kawasan penyenggaraan landskap adalah luas, sebahagian kerja turut dikontrakkan kepada pihak swasta. Kawasan penyenggaraan yang akan diswastakan ditentukan oleh Majlis antaranya termasuk pembahagi jalan, taman awam, persekitaran bangunan pejabat dan sepanjang lebuh raya. Kaedah perolehan yang diguna pakai sama ada secara terus, sebut harga dan tender bergantung kepada skop kerja penyenggaraan dan harga. Kos penyenggaraan yang melebihi RM200,000 satu tahun akan ditenderkan manakala kos yang kurang daripada RM200,000 satu tahun akan dipilih melalui sebut harga. Majlis akan mengeluarkan tawaran sebut harga atau tender bagi kawasan yang telah ditentukan dengan mengiklankan di akhbar tempatan. Tawaran yang diterima akan dianalisis oleh Jabatan Pengindahan Bandar dan seterusnya diluluskan oleh Jawatankuasa Tawaran. Pada tahun 2003 hingga 2005 keahlian Jawatankuasa Tawaran terdiri daripada Pengerusi dan 3 Ahli Majlis termasuk Datuk Bandar. Urus setia bagi mesyuarat Jawatankuasa Tawaran adalah pegawai di Jabatan Kewangan Majlis. Sebut harga tawaran akan ditampal di papan kenyataan Majlis untuk maklumat orang ramai yang berminat memasuki sebut harga tersebut.

10.1.8 Keperluan Bahan Dan Peralatan

Setiap tahun Majlis menyediakan peruntukan bagi pembelian bahan dan pembekalan peralatan untuk kegunaan penyenggaraan landskap dan tapak semai. Bahan dan peralatan yang dirancang untuk kegunaan adalah baja, racun, pokok, benih pokok, pasir, tanah campuran, peralatan tanaman serta kenderaan dan jentera. Anggaran

perbelanjaan dan peralatan yang diperuntukkan bagi tahun 2003 hingga 2005 berjumlah RM2.87 juta. Daripada nilai tersebut sejumlah RM2 juta atau 70% adalah bagi pembelian pokok dan benih manakala selebihnya bagi pembelian baja, racun dan perkakasan taman. Maklumat terperinci mengenai peruntukan tersebut adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Anggaran Peruntukan Bagi Bahan Dan Peralatan
Untuk Program Pengindahan Bandar
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Jenis Bahan Dan Peralatan	Tahun			Jumlah (RM)
		2003 (RM)	2004 (RM)	2005 (RM)	
1.	Baja	220,000	150,000	150,000	550,000
2.	Racun Serangga dan Tumbuhan	40,000	30,000	40,000	110,000
3.	Perkakasan Taman	80,000	80,000	80,000	240,000
4.	Pokok Dan Benih	500,000	600,000	900,000	2,000,000
Jumlah		840,000	860,000	1,170,000	2,870,000

Sumber: Bajet Majlis Tahun 2003, 2004 Dan 2005

10.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Perancangan terhadap keperluan guna tenaga dan latihan adalah perlu untuk menentukan kejayaan atau keberkesanan sesuatu program yang akan dilaksanakan tercapai. Guna tenaga dan latihan yang dirancang bagi program pengindahan bandar adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Struktur organisasi terbaru Majlis telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam setelah Majlis di naik taraf ke Bandaraya pada tahun 2003. Mengikut penstruktur semula Bahagian Landskap diletakkan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan yang di ketuai oleh seorang Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J48. Bahagian Landskap diketuai oleh seorang Arkitek Landskap Gred J41. Bilangan perjawatan yang diluluskan berjumlah 164 jawatan. Struktur organisasi yang diluluskan mengikut waran perjawatan adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Struktur Organisasi Bahagian Landskap Mengikut Waran Perjawatan Yang Diluluskan



Sumber : Fail Perjawatan Majlis

Selain Jabatan Perancangan Pembangunan khususnya Bahagian Landskap, sebahagian program pengindahan bandar turut melibatkan Jabatan Kejuruteraan. Tanggungjawab Jabatan Kejuruteraan antaranya menasihati, memantau, menyelia dan mengawal aspek teknikal dalam setiap projek pembangunan landskap khususnya landskap kejur. Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah Kejuruteraan Gred J48 dengan dibantu oleh 2 orang Jurutera Gred J41. Bilangan perjawatan yang diluluskan berjumlah 147 jawatan. Kedua Jabatan ini dipertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan landskap Majlis bagi mewujudkan persekitaran yang indah dan menarik.

b) Latihan

Perancangan latihan bagi pegawai Majlis dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Pengurusan. Perancangan tahunan akan disediakan bagi tajuk khusus dan berkaitan termasuk kursus dalaman. Modul kursus dalaman lebih menjurus kepada tajuk umum seperti Kecintaan Organisasi, Budaya Kerja Cemerlang, Kepimpinan, Dasar Kerajaan dan bengkel kefahaman. Bagi latihan yang berkaitan dengan bidang kerja keperluannya adalah di atas permintaan Jabatan berkenaan.

10.1.10 Keperluan Kewangan

Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM35.81 juta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 bagi program pengindahan bandar untuk projek pembangunan dan penyenggaraan landskap. Peruntukan ini disalurkan menerusi Jabatan Pengindahan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan. Butiran mengenai peruntukan kewangan yang dipohon dan telah pun diluluskan oleh ahli Majlis bagi tempoh tersebut adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Peruntukan Program Pengindahan Bandar
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Bil.	Program Pengindahan Bandar	Tahun		
		2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)
1.	Landskap Dan Pengindahan	1.75	1.00	0.60
2.	Pembinaan Alat Permainan Kanak-kanak	0.30	0.20	0.50
3.	Kemudahan Riadah dan Taman (Penyenggaraan)	4.00	5.00	6.00
4.	Pemasangan dan Ubahsuai Lampu Awam	3.00	2.42	3.54
5.	Persiaran Jalan Kaki/Mall	2.50	4.00	1.00
Jumlah		11.55	12.62	11.64

Sumber : Bajet Majlis Tahun 2003,2004 Dan 2005

Berdasarkan temu bual dengan pegawai di Bahagian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Majlis boleh memohon peruntukan kewangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau kementerian lain antaranya Kementerian Pelancongan bagi program pengindahan bandar yang akan dilaksanakan. Jumlah peruntukan kewangan yang akan dipohon serta program pengindahan bandar yang dirancang pembiayaannya menggunakan peruntukan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mahupun kementerian lain bagi tahun 2003 hingga 2005 tidak dapat dipastikan kerana tiada maklumat disediakan.

10.1.11 Kaedah Pemantauan

Majlis bertanggungjawab terhadap perancangan pembangunan kawasan Bandar raya yang merupakan pusat pentadbiran kerajaan Negeri Melaka. Sehubungan itu, mekanisme pemantauan yang teratur akan diwujudkan supaya program pengindahan bandar yang dirancang dapat dilaksanakan bagi mencapai sasaran mahupun objektif yang ditetapkan.

a) Peringkat Jabatan

Perbincangan Pengarah Jabatan Pengindahan Bandar dan pegawai akan diadakan dari masa ke semasa bagi menjelaskan prestasi projek landskap yang dilaksanakan. Tiada sebarang mesyuarat secara berkala ditetapkan.

b) Peringkat Pengurusan Majlis

Pengarah Jabatan Pengindahan Bandar dan Pengarah lain akan bermesyuarat dengan Datuk Bandar sebulan sekali bagi membincangkan perkara berbangkit mengenai kerja yang akan dan sedang dilaksanakan oleh bahagian tersebut. Minit mesyuarat pengurusan akan dicatat dan diedarkan kepada semua Pengarah.

c) Peringkat Ahli Majlis

Satu Jawatankuasa khusus bagi memantau keindahan dan kebersihan bandar akan diwujudkan. Jawatankuasa ini akan membincangkan serta mengutarakan isu atau masalah yang timbul mengenai keindahan dan kebersihan bandar supaya Majlis dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Jawatankuasa ini akan bertindak sebagai pengantara untuk menyampaikan ketidakpuasan hati pihak awam berkaitan perkhidmatan yang seharusnya menjadi tanggungjawab Majlis. Keahlian Jawatankuasa ini terdiri daripada ahli Majlis, wakil Jabatan Teknikal, pihak pengurusan Majlis yang berkaitan iaitu Jabatan Pengindahan Bandar dan Jabatan Kejuruteraan. Kekerapan mesyuarat ditetapkan sebulan sekali.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya Majlis telah membuat perancangan yang baik terhadap program pengindahan bandar yang akan dilaksanakan.

10.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan program pengindahan bandar mencapai objektif yang ditetapkan ia perlu dilaksanakan mengikut perancangan dan garis panduan serta peraturan yang telah disediakan. Perkara yang diperhatikan di peringkat pelaksanaan adalah seperti berikut:

10.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Pengauditan yang dijalankan terhadap program pengindahan Bandar Melaka seperti pembangunan dan penyenggaraan landskap mendapati ia telah dilaksanakan selari dengan Dasar Kerajaan Negeri untuk menjadikan Melaka sebagai Bandar raya Berbudaya dan Bandar raya Bersejarah Dalam Taman menjelang tahun 2005. Semakan Audit juga mendapati program pengindahan yang telah dilaksanakan oleh Majlis telah memberi impak yang positif dalam industri pelancongan Negeri Melaka. Kerajaan Negeri telah memberi tumpuan kepada sektor pelancongan sebagai usaha memajukan ekonomi negeri. Langkah ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Negeri Melaka sebagai negeri maju menjelang tahun 2010.

10.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi menjamin program pengindahan yang dilaksanakan terpelihara, Majlis telah menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada dengan mengeluarkan notis kompaun terhadap sesiapa yang melakukan kesalahan. Undang-undang yang berkaitan dengan pengindahan dan kebersihan awam yang mana notis kompaun

dikeluarkan adalah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133), Undang-undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Melaka Tengah) 1983, Undang-undang Kecil Kebersihan Awam (Majlis Perbandaran Melaka Tengah) 1983 dan Undang-undang Kecil Vandalisme (MPMBB) 1991. Kesalahan di bawah akta ini antara lain adalah membuang sampah di taman, pandu kenderaan di taman, merentasi tapak taman bunga, mencuri bunga, merosak taman, mengorek tanah taman, jual barang di taman, jaga atau cuci kereta di taman, membawa binatang dan kenderaan lebih 2,000 kg masuk taman, mengganggu atau merosak harta benda Majlis, memotong, menggali serta memetik pokok tumbuhan dan bunga, meluncur dengan *skate* di tempat awam, pembinaan yang menghalang tempat awam, menghalang parit terbuka tanpa mendapat kebenaran Majlis, meletakkan bahan buangan di tempat awam, meninggalkan bekas makanan dan minuman di tempat awam dan menjatuhkan simen, tanah, pasir di tempat awam yang menyebabkan kekotoran dan halangan. Pada tahun 2003 hingga 2005 Majlis telah mengeluarkan sebanyak 51,608 notis kompaun bagi kesalahan berkaitan dengan undang-undang yang dinyatakan. Analisis Audit mendapati terdapat penurunan sebanyak 46.9% terhadap bilangan kompaun yang dikenakan bagi tahun 2005 berbanding tahun 2003. Adalah didapati trend menurun bagi kesalahan di bawah Akta 133 dan Undang-undang Kecil Taman manakala bagi kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Vandalisme pula meningkat. Butiran lengkap adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Bilangan Notis Kesalahan Yang Dikeluarkan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Akta dan Undang-undang Kecil	Jenis Kesalahan	Bilangan Notis Kompaun Yang Dikeluarkan			Jumlah
		2003	2004	2005	
Akta 133 Dan Undang-undang Kecil Taman	Halangan	15,046	12,738	11,754	39,538
	Individu	8,320	3,093	638	12,051
Undang-undang Kecil Vandalisme	Vandalisme	4	6	9	19
Jumlah		23,370	15,837	12,401	51,608

Sumber : Rekod Bahagian Penguat kuasa Majlis

Pada pendapat Audit, tindakan penguatkuasaan oleh Majlis terhadap undang-undang dan peraturan bagi memastikan program pengindahan bandar berjalan dengan lancar adalah memuaskan.

10.2.3 Kajian Kemungkinan

Sebahagian besar projek pembangunan landskap lembut dan kejur yang telah dilaksanakan oleh Majlis adalah berdasarkan cadangan yang dinyatakan dalam Pelan Induk Landskap. Cadangan ini merupakan kajian yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara. Majlis tidak membuat kajian kemungkinan mengenai kesesuaian

lokasi sebelum meluluskan sesuatu projek. Setelah projek diluluskan dalam mesyuarat penuh Majlis, perbincangan mengenai peruntukan dan sumber kewangan yang sesuai dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan Sosio Ekonomi. Setelah peruntukan kewangan diperolehi, Majlis meneruskan proses seterusnya iaitu melantik perunding projek yang akan bertanggungjawab menyediakan pelan atau reka bentuk sebagaimana yang dikehendaki, pengeluaran tender atau sebut harga dan seterusnya pelantikan kontraktor.

Pada pendapat Audit, Majlis gagal menyediakan kajian kemungkinan mengenai kesesuaian lokasi, jenis tanah, jenis pokok dan kos pembangunan khususnya bagi pembangunan landskap lembut dan kejur.

10.2.4 Pencapaian Sasaran Program

Majlis telah melaksanakan pelbagai projek dan aktiviti dalam program pengindahan bandar sepanjang tempoh tahun 2003 hingga 2005. Ini termasuk projek melibatkan pembangunan landskap baru dan juga mengubahsuai serta menambah baik pembangunan landskap lembut dan kejur sedia ada. Majlis telah mengambil kira sebahagian besar cadangan, saranan mahupun teguran yang terdapat dalam Pelan Induk Landskap Negara. Semakan Audit terhadap dokumen, temu bual, lawatan fizikal dan sumber laporan dalam akhbar tempatan Suara Melaka mendapati aktiviti atau projek yang telah dilaksanakan bagi program pengindahan bandar adalah seperti berikut:

- a) Majlis telah menambah elemen landskap kejur seperti tiang lampu antik dan berukiran di jalan utama seperti Lebuh raya Ayer Keroh dan Jalan Batu Berendam. Selain itu, penggunaan pasu bunga besar berukiran telah diletakkan di beberapa jalan utama iaitu di Jalan Abdul Aziz, Jalan Bendahara, Jalan Hang Tuah dan persimpangan jalan Hospital Pantai menuju ke Istana Tuan Yang Terutama seperti di **Foto 3** dan **Foto 4**.

Foto 3

**Pasu Bunga Berukiran Disusun
Sepanjang Pembahagi Jambatan**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Jambatan Sultan Abdul Aziz, Banda Hilir

Tarikh : 23.12.2005

Foto 4

Pasu Hiasan Berkaki Di Tanam Bunga Annuals Pelbagai Warna



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Persimpangan Jalan Hospital Pantai

Tarikh : 22.02.2006

- b) Majlis juga turut terlibat sebagai Agensi pelaksana dalam projek pembinaan Melaka Sentral iaitu projek memindah dan menaik taraf terminal bas tempatan dan bas ekspres, teksi serta gerai daripada lokasi asal di Jalan Hang Tuah ke kawasan baru di Peringgit yang bernilai RM45.38 juta. Kawasan sekitar terminal bas tersebut turut dipertingkatkan sebagai kawasan tumpuan aktiviti dengan pembinaan pasar besar, gerai, bazar dan rumah kedai yang teratur kedudukannya seperti di **Foto 5**.

Foto 5

Pembinaan Terminal Bas Dan Teksi Serba Moden Bernilai RM45.38 Juta



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Melaka Sentral, Peringgit

Tarikh : 22.02.2006

- c) Ruang pejalan kaki dan tempat rehat juga telah diwujudkan di Jalan Hang Tuah yang dikenali sebagai Hang Tuah Mall. Projek ini bernilai RM8.5 juta dengan laluan pejalan kaki sepanjang 760 meter daripada Hotel Golden Legacy hingga ke Jambatan Hang Tuah selebar 17 meter yang berkonsepkan 'kain pelikat' dan pasu hiasan berkaki ditanam dengan bunga *annuals* seperti di **Foto 6**.

Foto 6

**Pasu Bunga Gergasi Menghiasi Sepanjang Laluan Pejalan Kaki
Di Hang Tuah Mall Bernilai RM8.5 Juta**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Jalan Hang Tuah, Melaka

Tarikh : 23.12.2005

- d) Landskap pada kiri dan kanan jalan utama di Bandar Melaka telah dipertingkatkan. Antaranya di sepanjang jalan dan pembahagi Lebuh Ayer Keroh hingga ke pusat bandar, pembahagi jalan Persisiran Pantai Melaka Raya, Jalan Taming Sari ke Jalan Tun Sri Lanang dan jalan masuk serta bulatan MITC. Lebih banyak tanaman renek berbunga dan berwarna seperti *rubia sp*, *bauhinia kockiana*, *loropetalum sp*. bunga kertas, bunga raya, kemboja, *brunfelsia* dan *lantana* telah ditanam. Selain itu, beberapa kawasan landskap baru telah diwujudkan antaranya di bawah jambatan hadapan Masjid Al-Azim yang telah ditanam rumput karpet.
- e) Majlis juga telah memperindah tebing Sungai Melaka dan sekitar Kampung Morten melalui projek pengindahan dan pembersihan meliputi 3 Fasa bernilai RM317 juta. Projek ini turut melibatkan pewujudan landskap yang menarik dilengkapi dengan laluan siar kaki, tempat rehat dan riadah serta lampu hiasan. Sehingga hujung tahun 2005, Fasa 1 dan 2 telah disiapkan dan telah mula digunakan oleh orang awam khususnya pelancong. Projek ini telah menjadi produk pelancongan yang sedang giat dipromosikan oleh Kerajaan Negeri iaitu menyusuri Sungai Melaka dengan menaiki bot. Kedudukan Sungai Melaka yang berwajah baru adalah seperti di **Foto 7**.

Foto 7

Projek Pengindahan Dan Pembersihan Sungai Melaka Bernilai RM317 Juta



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Persisiran Sungai Melaka

Tarikh : 23.12.2005

- f) Taman bersifat awam yang sedia ada telah dinaik taraf antaranya Taman Perbandaran Bukit Serindit di mana trek jogging ditambah, pemasangan lampu hiasan, pembinaan stadium dan padang bola, alatan permainan dan penanaman lebih banyak pokok teduhan dan bungaan. Majlis juga telah melantik kontraktor bagi memastikan keindahan dan kebersihan Dataran Sejarah sentiasa terjaga dan di senggara. Taman awam baru yang telah dibina adalah Taman Bunga Merdeka di Banda Hilir terletak berdekatan dengan kawasan tumpuan pelancong, Taman Seribu Bunga dan Bandaraya Mall. Bandaraya Mall terletak di perkarangan Graha Makmur berhadapan dengan pejabat Majlis. Ia telah dibina berkonsepkan Taj Mahal dengan kos sejumlah RM4.5 juta dan telah disiapkan pada akhir tahun 2005. Ianya telah diperindah dengan penanaman 50,000 pokok pelbagai jenis bunga, ditanam dengan hamparan rumput karpet, limpahan air pancut, kerusi rehat dan lampu hiasan seperti di **Foto 8** dan **Foto 9**.

Foto 8

Bunga Annuals Pelbagai Warna Menghiasi Taman Awam Baru




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Taman Bunga Merdeka, Banda Hilir

Tarikh : 23.12.2005

Foto 9

Bandaraya Mall Berkonsepkan Taj Mahal Bernilai RM4.5 Juta



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Hadapan Graha Makmur (MBMB)

Tarikh : 21.11.2005

- g) Pembinaan Air Terjun Bukit Sebukur di persimpangan Lebuh Ayer Keroh dan Bukit Baru setinggi 30 meter merupakan mercu tanda bagi Negeri Melaka. Air terjun bernilai RM1.77 juta tersebut diperindah dengan landskap yang menarik dengan hiasan lampu limpah sebagai tarikan pelancong seperti di **Foto 10**.

Foto 10
Pembinaan Air Terjun Setinggi 30 Meter Bernilai RM1.77 Juta



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Bukit Sebukur, Lebuh Ayer Keroh

Tarikh : 21.11.2005

Bagaimanapun, program pengindahan bagi beberapa kawasan yang disasarkan antaranya seperti di Jalan Tun Fatimah ke Melaka Sentral termasuk 2 pulau jalan masih belum dapat dilaksanakan kerana peruntukan tidak mencukupi.

Pihak Audit telah menemu bual dan mendapatkan statistik bilangan pelancong daripada Unit Promosi Pelancongan, Jabatan Ketua Menteri. Berdasarkan data yang telah dikumpulkan oleh unit berkenaan, didapati bilangan pelancong yang telah melawat Negeri Melaka pada tahun 2005 adalah seramai 4.69 juta orang terdiri daripada 3.69 juta (80%) pelancong domestik dan 1 juta (20%) pelancong asing. Bilangan pelancong ini bukan sahaja telah melebihi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2005 seramai 4.4 juta orang malah telah menunjukkan peningkatan sebanyak 17.2% berbanding tahun 2004 yang telah mencatat bilangan pelancong seramai 4 juta orang. Lawatan Audit pada 17 Januari 2006 ke sebuah Pusat Penerangan Pelancong juga mendapati pada bulan Disember 2005, seramai 504 orang pelancong telah mengunjungi pusat tersebut. Komen dan maklum balas yang tercatat dalam daftar pelawat adalah positif di mana pujian menyatakan Negeri Melaka adalah sebuah negeri yang indah, cantik, bersih, menarik dan sesuai sebagai tempat beristirehat.

Pada pendapat Audit, pencapaian program pengindahan bandar adalah memuaskan kerana Majlis telah berjaya memenuhi sasaran yang ditetapkan iaitu pelaksanaan Pelan Induk Lanskap dan peningkatan pelancong mengunjungi Negeri Melaka.

10.2.5 Pelaksanaan Pembangunan Lanskap Lembut Dan Kejur

Sehingga akhir tahun 2005, Majlis telah melaksanakan pelbagai pembangunan lanskap lembut dan kejur. Sebahagian projek pembangunan yang dilaksanakan adalah berdasarkan cadangan dalam Kajian Pelan Induk Lanskap seperti Projek Taman Seribu Bunga, Bandaraya Mall, pembinaan ruang pejalan kaki seperti Hang Tuah Mall dan Pengindahan Sungai Melaka. Terdapat juga projek pembangunan yang telah dilaksanakan secara *ad hoc* seperti Pembinaan Air Terjun Di Lereng Bukit Sebukur. Semakan secara terperinci terhadap pengurusan projek telah dibuat terhadap 3 projek pembangunan lanskap lembut dan kejur yang telah dilaksanakan di antara tahun 2003 hingga 2005. Projek pembangunan lanskap yang diaudit adalah projek pembangunan yang telah dibiayai oleh Majlis secara keseluruhan dan terdapat juga yang dibiayai secara sebahagian.

a) Pembinaan Air Terjun Di Lereng Bukit Sebukur

Projek pembangunan lanskap di kawasan lereng Bukit Sebukur telah diuruskan oleh Jabatan Pengindahan Bandar dan ditawarkan secara tender terbuka. Lembaga Tender Majlis telah bersetuju menyerahkannya kepada Syarikat Imbuhan Gigih Sdn. Bhd. dengan harga kontrak sejumlah RM1.77 juta dengan tempoh siap kerja selama 20 minggu. Projek ini telah dibahagikan kepada 2 Fasa. Fasa 1 merupakan pembangunan lanskap kejur dengan kos RM1.2 juta dan Fasa 2 merupakan kerja lanskap lembut dengan kos RM567,389. Kerja bagi Fasa 1 telah bermula pada 2 Julai 2003. Sehingga 2 September 2003, Majlis telah membuat bayaran sejumlah RM1.67 juta dengan wang tahanan projek sejumlah RM88,369. Pemeriksaan Audit ke atas fail projek mendapati perkara berikut:

i) Surat Setuju Terima Tender

Surat Setuju Terima Tender bagi projek Fasa 1 telah dihantar kepada syarikat pada 25 April 2003. Surat tersebut menghendaki syarikat mengembalikan Surat Setuju Terima Tender setelah ditandatangani. Semakan Audit terhadap fail projek dan dokumen kontrak mendapati tiada salinan Surat Setuju Terima Tender yang ditandatangani oleh syarikat disimpan di Jabatan Pengindahan Bandar.

Pihak Audit juga mendapati tiada Surat Setuju Terima Tender bagi Fasa 2 dikeluarkan kepada syarikat. Surat Setuju Terima Tender perlu dikeluarkan bagi memastikan penerima tender mematuhi syarat kontrak antaranya penyediaan Jaminan Bank untuk Bon Pelaksanaan, tarikh milik tapak, tarikh siap projek dan syarat lain sebelum memulakan kerja.

ii) Perakuan Untuk Lanjutan Masa

Syarikat tersebut telah menyediakan jadual pelaksanaan kerja bagi tempoh 20 minggu bermula 2 Julai 2003 dan diserahkan kepada Majlis pada 1 Oktober 2003. Syarikat telah memohon lanjutan masa selama 54 hari pada 25 September 2003 atas alasan kelewatan pihak JKR memberi ulasan pelan tataatur, permit mengeluarkan tanah dan hujan bagi tempoh 2 Julai 2003 hingga 25 September 2003. Semakan Audit mendapati tiada Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa dikeluarkan oleh Jabatan Pengindahan Bandar. Bagaimanapun, semakan terhadap minit Mesyuarat Tapak Bina Bilangan 2 mendapati kelulusan untuk lanjutan masa sehingga 7 Disember 2003.

iii) Perakuan Siap Kerja

Semakan Audit mendapati sehingga bulan September 2005, Perakuan Siap Kerja bagi projek ini belum dikeluarkan. Pihak Majlis masih memegang wang tahanan projek sejumlah RM88,369. Pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh sebenar sepatutnya projek ini disiapkan dan diserahkan kepada Majlis. Ini kerana ketiadaan maklumat seperti Surat Setuju Terima Tender, Perakuan Kelambatan Dan Lanjutan Masa dan Tempoh Tanggungan Kecacatan/Penyenggaraan oleh kontraktor. Semakan Audit seterusnya mendapati pihak Majlis telah menjalankan kerja penyenggaraan iaitu pembersihan air terjun dan penanaman pokok bunga mulai bulan Julai 2005 sungguhpun perakuan siap kerja masih belum dikeluarkan kepada kontraktor.

iv) Semakan Terhadap Pokok Palma

Mengikut dokumen kontrak, terdapat 3 jenis pokok palma yang perlu ditanam oleh kontraktor iaitu *livistonia chinensis*, *livistonia rotundifolia* dan *Bismarikia Nobilis*. Bilangan pokok yang perlu ditanam adalah 75 batang pokok palma dengan kos berjumlah RM174,900. Lawatan Audit pada 17 Oktober 2005 mendapati hanya terdapat 22 batang pokok palma jenis *Livistonia* dan 3 batang pokok palma jenis *bismarkia* yang masih hidup. Ini menunjukkan Majlis telah kehilangan sejumlah RM116,800 iaitu harga kos bagi 41 pokok palma jenis *Livistonia* dan 9 pokok palma jenis *bismarkia*. Maklumat terperinci mengenai kehilangan pokok palma adalah seperti di **Jadual 20**.

Foto 12

Pasu Hiasan Dipecahkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Tarikh : 17 Oktober 2005

Lokasi : Air Terjun Bukit Sebukur

Foto 13

Lampu Sisi/Tepi Dinding yang Dipecahkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Air Terjun Bukit Sebukur

Tarikh : 17.10.2005

vi) Penanaman Di Cerun Bukit

Lawatan Audit juga mendapati terdapat kawasan lereng bukit yang tidak sesuai ditanam dengan pokok bunga disebabkan lerengnya terlalu curam dan berlakunya hakisan tanah. Kawasan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 14**.

Foto 14

**Kawasan Lereng Bukit Yang Tidak Sesuai Ditanam
Dengan Pokok Bunga/ Hakisan Tanah**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Air Terjun Bukit Sebukur

Tarikh : 17.10.2005

Pada pendapat Audit, pengurusan projek ini tidak dibuat secara teratur khususnya dari segi penyenggaraan dokumen kontrak, surat setuju terima, perakuan lanjut masa dan rekod. Banyak pokok palma mati mengakibatkan majlis kerugian RM116,800. Selain itu, masalah penyenggaraan landskap khususnya di cerun bukit dan kerosakan akibat daripada vandalisme telah menjaskankan kejayaan projek ini.

b) Pemasangan Lampu Jalan Di Jalan Batu Berendam

Majlis telah memohon peruntukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk pemasangan lampu jalan jenis tiang *galvanise* dengan anggaran kos RM837,000 dan KPkt telah meluluskan peruntukan sejumlah RM850,000. Majlis telah mengeluarkan tawaran tender pada 16 Februari 2004. Tawaran tender ini mengandungi 2 alternatif iaitu alternatif A bagi jenis *galvanise pole* dan alternatif B bagi jenis *decorative pole*. Majlis telah memutuskan untuk

menggunakan alternatif B dengan anggaran kos RM1.91 juta. Kos melebihi RM850,000 ditanggung menerusi sumber kewangan Majlis.

Bahagian Kejuruteraan telah membuat laporan tender dan mengesyorkan sebuah syarikat dengan harga RM1.63 juta. Tempoh pelaksanaan projek ialah 16 minggu. Mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan telah bersetuju menerima tawaran daripada syarikat tersebut.

Surat setuju terima telah dikeluarkan kepada syarikat dengan tarikh milik tapak pada 10 Jun 2004 dan tarikh siap pada 29 September 2004. Semakan Audit ke atas fail projek mendapati projek ini berjalan lancar dan telah berjaya disiapkan pada 28 Februari 2005 dengan 2 lanjutan masa selama 152 hari. Perakuan siap kerja telah dikeluarkan pada 28 Februari 2005 dan tempoh tanggungan kecacatan bermula pada 2 Mac 2005 sehingga 1 Mac 2006. Semakan selanjutnya mendapati kos sebenar projek telah meningkat dari RM1.63 juta kepada RM2.39 juta iaitu meningkat sebanyak 47%. Syarikat telah memberi diskau kepada Majlis sejumlah RM296,820 dan menjadikan kos projek sejumlah RM2.1 juta. Kos ini ditanggung oleh KPKT sejumlah RM850,000 dan Majlis sejumlah RM1.25 juta. Peningkatan kos projek sejumlah RM766,089 adalah disebabkan perubahan kerja yang diarahkan oleh Majlis. Perubahan kerja yang dilakukan adalah pertukaran tiang lampu daripada jenis *decorative pole* kepada tiang jenis *antique pole*.

Pada pendapat Audit, Majlis telah melaksana dan menguruskan projek ini dengan baik. Bagaimanapun, Majlis perlu merancang lebih teliti berkaitan kos pelaksanaan projek supaya tidak berlaku peningkatan kos yang tinggi dan membebankan kewangan Majlis pada masa akan datang.

c) Penanaman Bunga *Annuals*

Program ini melibatkan pembangunan landskap lembut iaitu penanaman pokok renek berbunga berwarna-warni seperti *marigold* kuning dan jingga, *celosia* merah dan kuning, *petunia* biru dan merah, *cosmos* putih dan *pink* serta berbagai lagi yang mempunyai jangka hayat yang pendek dan perlu diganti setiap bulan. Majlis menjalankan program ini bertujuan untuk memastikan Bandar raya sentiasa indah, berwarna dan berbunga sepanjang masa. Majlis telah melaksanakan program penanaman bunga *annuals* sejak tahun 1993. Lantikan sebuah syarikat swasta untuk menguruskan pembekalan, penanaman dan penyenggaraan bunga tersebut dibuat menerusi panggilan tender. Sehingga akhir tahun 2005, Majlis masih mengekalkan syarikat yang sama dengan menawarkan sejumlah RM140,000 sebulan atau RM1.68 juta setahun bagi tujuan tersebut. Pemilihan ini adalah berdasarkan syarikat berpengalaman, menunjukkan prestasi dan komitmen kerja yang baik. Lokasi penanaman bunga *annuals* adalah di kawasan Batu Hampar, Kincir Angin, Menara Jam dan Air Pancut, Kediaman Rasmi Yang Dipertua Negeri, Dataran Sejarah, hadapan Hospital Besar dan beberapa lokasi lagi yang melibatkan penanaman melebihi 40,000 pokok bunga.

Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan penanaman dan penyenggaraan pokok bunga *annuals* antaranya seperti berikut:

i) Penggantian Pokok

Mengikut syarat kontrak, pembekal perlu mengganti bunga pada minggu akhir setiap bulan dan mereka memaklumkan kepada pihak Majlis satu minggu lebih awal sebelum pertukaran bunga *annuals* dilakukan. Semakan Audit mendapati Majlis telah membuat aduan mengenai kelewatan penghantaran bunga melebihi 7 hari di bulan berikutnya. Bagaimanapun, maklumat lanjut mengenai kelewatan tersebut tidak dapat dikemukakan kerana tiada rekod di selenggara berkaitan tarikh penggantian di pihak Majlis mahupun pembekal. Pembekal juga gagal memaklumkan lebih awal mengenai tarikh penghantaran sebagaimana yang ditetapkan. Ini telah menyukarkan pemantauan oleh pihak Majlis bagi memastikan syarat kontrak berkaitan penggantian pokok dipatuhi sepenuhnya seperti jenis bunga, warna dan kemekaran bunga.

ii) Kualiti Bunga *Annuals*

Mengikut syarat kontrak, bunga yang dibekalkan hendaklah mekar 20% dan kemekarannya hendaklah bertahan sehingga tempoh pertukaran dilakukan. Lawatan fizikal mendapati pulau jalan di persimpangan Peringgit, persimpangan Hospital Pantai, persimpangan Jalan Muzaffar Syah dan persimpangan GAPAM Ayer Keroh, pokok bunga *marigold* baru diganti masih belum berkembang dan tidak mengeluarkan bunga seperti di **Foto 15**. Kualiti pokok bunga yang dihantar juga tidak menentu. Ada kalanya pokok yang dihantar telah tua di mana bunganya kembang melebihi 50% dan ada yang terlalu muda dan belum kembang sepenuhnya. Ini memberi kesan terhadap jangka hayat pokok bunga kerana terdapat pokok bunga yang mati ataupun tidak kelihatan menarik walaupun baru seminggu ditanam di tapak.

Foto 15
Pokok Yang Baru Diganti Masih Belum Mengeluarkan Bunga



13/01/2006

Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Pulau Jalan Persimpangan Hospital Pantai

Tarikh 13.01.2006

iii) Kombinasi Jenis dan Warna Bunga

Mengikut syarat kontrak pihak pembekal hendaklah membekal paling minimum 4 jenis bunga terdiri daripada 35% *marigold*, 35% *celosia*, 20% *petunia* dan lain-lain 10%. Warna bunga yang dibekalkan pada setiap penghantaran juga hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya 4 warna. Lawatan fizikal mendapati terdapat kawasan yang hanya ditanam dengan sejenis bunga dan tiada kombinasi warna bagi mewujudkan reka bentuk yang menarik dan ceria seperti di **Foto 16**. Bagaimanapun, kawasan tumpuan pelancong seperti di kawasan Kincir Angin, Menara Jam dan Air Pancut di Banda Hilir serta pulau jalan yang lebih besar seperti di Peringgit dan Jalan Tun Sri Lanang kombinasi dan warna pokok yang ditanam adalah menarik. Semakan Audit juga tidak dapat menentukan kombinasi pokok yang dibekalkan sama ada menepati syarat kontrak kerana maklumat mengenai jenis bunga yang dihantar tidak dinyatakan pada dokumen.

Foto 16

Pulau Jalan Ditanam Sejenis Bunga Dan Tiada Kombinasi Warna



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Persimpangan Muzaffar Syah

Tarikh : 13.01.2006

iv) Penggantian Pokok Bunga

Mengikut syarat kontrak pihak pembekal hendaklah memindahkan pokok yang mati, kurang subur atau terbantut pembesarannya. Pokok yang diganti mestilah sama jenis dan saiznya. Sekiranya ada kerosakan atau kematian pokok disebabkan oleh kecuaian kerja, kos penggantian hendaklah ditanggung oleh kontraktor. Lawatan fizikal semasa penggantian bulanan pokok bunga *annuals* di 2 lokasi bagi 2 bulan berlainan mendapati keadaan bunga *annuals* yang ditanam adalah berbeza. Pada bulan Januari 2006, pokok bunga *annuals* yang ditanam masih belum mengeluarkan bunga seperti di **Foto 17** dan **Foto 19**. Penggantian pokok pada bulan Februari 2006 menunjukkan pokok bunga *annuals* yang telah mengeluarkan bunga seperti di **Foto 18** dan **Foto 20**. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kriteria sebenar keadaan pokok bunga yang mesti ditanam oleh pihak kontraktor.

Foto 17

**Pokok Bunga Annuals Yang Baru Ditanam
Pada Bulan Januari 2006**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka
Lokasi : Pulau Jalan Persimpangan Hospital Pantai
Tarikh : 13.01.2006

Foto 18

**Pokok Bunga Annuals Yang Baru Ditanam
Pada Bulan Februari 2006**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka
Lokasi : Pulau Jalan Persimpangan Hospital Pantai
Tarikh : 08.02.2006

Foto 19

**Pokok Bunga Annuals Yang Baru Ditanam
Pada Bulan Januari 2006**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka
Lokasi : Pulau Jalan Persimpangan GAPAM
Tarikh : 13.01.2006

Foto 20

**Pokok Bunga Annuals Yang Baru Ditanam
Pada Bulan Februari 2006**



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka
Lokasi : Pulau Jalan Persimpangan GAPAM
Tarikh : 08.02.2006

v) **Pemantauan Penggantian Serta Penyenggaraan Pokok**

Majlis ada menyediakan senarai semak penyeliaan kerja penyenggaraan landskap dan pegawai yang bertanggungjawab menjalankan seliaan. Semakan Audit mendapati senarai semak tersebut tidak diisi secara bulanan sebaliknya ia hanya diisi sekiranya terdapat aduan yang hendak disampaikan kepada pembekal. Majlis juga tidak menyelenggara rekod atau maklumat berkaitan tarikh penghantaran, jadual kerja bulanan, lokasi penghantaran, jenis bunga yang dihantar ke setiap lokasi dan warna, tarikh penggantian akibat kerosakan atau kematian pokok, rekod penyiraman atau penyenggaraan yang telah dilaksanakan. Maklumat ini adalah penting bagi tujuan pemantauan dan penilaian prestasi pembekal serta mengesahkan kerja sebelum pembayaran dibuat. Selain itu, terdapat arahan atau makluman sama ada daripada pembekal mahupun Majlis dibuat secara lisan dan tidak secara bertulis.

Pada pendapat Audit, pengurusan penanaman dan penyenggaraan pokok bunga annuals adalah kurang memuaskan kerana syarat kontrak tidak dipatuhi dengan sepenuhnya. Pemantauan yang dilaksanakan terhadap projek ini juga tidak memuaskan.

10.2.6 Pengurusan Penyenggaraan Landskap

Bagi menentukan pengurusan penyenggaraan landskap telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, semakan telah dibuat terhadap kerja yang diurus sendiri, dikontrakkan kepada syarikat swasta dan pengurusan tapak semaihan.

a) **Kerja Penyenggaraan Yang Diurus Sendiri**

Penyenggaraan landskap yang diurus sendiri oleh Majlis melibatkan 16 kawasan termasuk tapak semaihan dan dilakukan oleh 95 orang kakitangan. Pengagihan tugas telah dibuat kepada 13 kumpulan. Setiap kumpulan dianggotai oleh 4 atau 5 orang dan diketuai oleh seorang mandur. Kumpulan tersebut akan menyenggara kawasan yang telah ditetapkan mengikut aspek dalam garis panduan seperti merumput, mengembur, membaja sebulan sekali, mencantas, meracun dan membersihkan kawasan. Bagaimanapun, kerja penyiraman hanya dilaksanakan setiap hari oleh 4 orang kakitangan dengan menaiki 2 buah lori siraman ke setiap kawasan yang telah ditetapkan.

Menurut Garis Panduan Landskap Negara, program penyenggaraan perlu disediakan dalam bentuk jadual penyenggaraan yang menyenaraikan semua jenis kerja penyenggaraan dan kekerapan pelaksanaannya dalam tempoh tertentu kebiasaannya satu tahun. Fungsi program penyenggaraan adalah untuk penjadualan kerja penyenggaraan secara teratur dan berterusan. Di samping itu, pemeriksaan berjadual perlu dijalankan dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan program penyenggaraan diikuti, keselamatan tanaman dan orang awam serta mengesan kesuburan tanaman atau serangan penyakit. Bagi

membolehkan program dan pemeriksaan ini dilaksanakan dengan berkesan sistem pendaftaran pokok perlu diwujudkan bagi merekodkan maklumat seperti tempat, jenis, bilangan dan jenis penyenggaraan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyediakan program penyenggaraan, pemeriksaan berjadual dan sistem pendaftaran pokok sebagaimana cadangan di Garis Panduan Landskap Negara. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan melalui semakan dokumen. Bagaimanapun, semakan fizikal dan temu bual mendapati kerja penyenggaraan ada dilaksanakan.

Semakan Audit selanjutnya mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan penyenggaraan landskap oleh Jabatan Pengindahan Bandar antaranya seperti berikut :

i) **Kawasan Luas Berbanding Keupayaan Kakitangan**

Program penyenggaraan landskap bagi mengindahkan kawasan Majlis tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan baik terutamanya di pinggir bandar. Ini adalah kerana bilangan juruteknik dan buruh yang tidak mencukupi berbanding jenis kerja di kawasan yang luas. Sehingga akhir tahun 2005, Jabatan Pengindahan Bandar mempunyai seramai 5 orang Juruteknik yang ditugaskan untuk memantau tugas yang dilaksanakan oleh 95 orang buruh di kawasan Majlis seluas 303 km persegi termasuk memantau kerja 29 kontraktor yang telah dilantik. Selain itu, program yang dilaksanakan sering terganggu kerana arahan yang diterima daripada pihak atasan bagi sesuatu acara rasmi oleh Kerajaan Negeri seperti menghiasi pentas bagi *festival* atau pesta, mesyuarat dan mencantikkan jalan protokol.

ii) **Pokok Bunga Dirosakkan Dan Dicuri**

Pokok bunga yang ditanam terletak dalam kawasan awam seperti di tepi jalan raya, taman awam dan juga hadapan premis kedai mahupun kawasan penempatan. Pokok bunga yang ditanam terdedah kepada risiko dirosakkan, dicuri ataupun diracun oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Lawatan fizikal mendapati kes kecurian pokok telah mencacatkan pemandangan kawasan landskap seperti di **Foto 21** dan **Foto 22**. Majlis terpaksa mengeluarkan belanja yang besar untuk menyenggara dan mengganti semula pokok yang hilang, rosak dan diracun. Matlamat untuk mengindah dan menceriakan Bandar raya juga sukar dicapai kerana masalah pembuangan sampah dan puntung rokok di kawasan larangan yang boleh mencacatkan pemandangan. Sungguhpun terdapat undang-undang dan peraturan bagi membendung kesalahan ini masalah yang dihadapi adalah kesukaran mengesan pihak yang terbabit. Antara usaha yang telah disarankan oleh Majlis untuk meningkatkan kesedaran orang ramai adalah dengan melantik pemilik premis di mana pokok milik Majlis ditanam sebagai penjaga kepada pokok tersebut supaya pokok dapat hidup subur serta melaporkan sekiranya ada pihak yang merosakkannya.

Foto 21

Bekas Kesan Lubang Pokok Bunga Dicabut/Dicuri




Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Simpang Pengkalan Rama

Tarikh : 17.01.2006

Foto 22

Bekas Kesan Pokok Bunga Dirosakkan



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Menara Jam Bandar Hilir

Tarikh 16.01.2006

iii) Landskap Bahu Jalan Dan Pembahagi Jalan

Pembangunan pesat di Negeri Melaka mewujudkan berbagai projek perumahan, naik taraf jalan raya, pemasangan paip air dan gas serta pemasangan kabel elektrik dan telefon. Projek pembangunan tersebut sering kali bertindih di kawasan yang sama dengan pembangunan landskap Majlis. Ini menyebabkan landskap yang telah dibuat cantik dengan berbagai jenis tumbuhan dirosakkan oleh Jabatan, Agensi Kerajaan dan pihak swasta yang bertanggungjawab menjalankan projek tersebut. Justeru itu, pihak Majlis terpaksa menanggung kerugian terhadap landskap yang dimusnahkan dan belanja bagi membangunkan semula landskap, memperindah dan mencantikkan kawasan.

Kawasan yang terlibat dengan projek pembangunan tersebut ialah pembahagi jalan depan Hospital Melaka hingga RTM bagi projek naik taraf jalan oleh JKR, depan JKR bagi pemasangan paip air, jalan Batu Berendam dan Ayer Keroh bagi pemasangan paip gas. Pihak Audit mendapati, sekiranya Majlis tidak dimaklumkan terlebih dahulu mengenai projek yang akan dilaksanakan tuntutan ganti rugi akan dibuat terhadap agensi yang terlibat. Selain itu, sekiranya terdapat pokok yang mati atau rosak mereka perlu mengganti pokok tersebut pada kadar nisbah 1:1+3. Bagi setiap sebatang pokok yang dirosakkan maka perlu diganti dengan sebatang pokok baru untuk ditanam semula dan 3 batang pokok lagi ditempatkan di tapak semaian atau anggaran oleh Majlis. Bagaimanapun, jumlah tuntutan ganti rugi atau penggantian yang telah dibuat bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 tidak dapat ditentukan kerana tiada rekod.

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan landskap yang diurus sendiri oleh Majlis adalah kurang memuaskan.

b) Pengurusan Tapak Semaian

Tapak semaian milik Majlis terletak di Batu Berendam Melaka bersebelahan dengan pasar borong di atas tanah milik Majlis lebih kurang seluas 7 ekar termasuk sebuah tasik kecil. Tasik tersebut merupakan sumber bekalan air yang disedut dengan menggunakan pam khas dan disalurkan untuk siraman pokok di tapak semaian berkenaan. Tapak semaian tersebut mengandungi lebih kurang 200,000 pokok berbagai jenis termasuklah pokok utama, renek dan penutup bumi seperti bunga raya, palma, kesidang, melati, bunga kertas, *heliconia*, ati-ati, keladi dan berbagai jenis lagi. Di dalam kawasan tersebut terdapat sebuah bangunan lama sebagai pejabat dan stor penyimpanan baja, racun, benih bunga dan sebagai tempat rehat pekerja.

Lawatan Audit ke tapak semaian pada 3 Oktober 2005 serta temu bual dengan penyelia tapak semaian mendapati beberapa kelemahan serta masalah yang perlu diberi perhatian sewajarnya antaranya seperti berikut;

i) Tapak Semaian Pokok *annuals*

Antara perancangan jangka panjang Majlis adalah untuk menyediakan sendiri bekalan pokok *annuals* bagi kegunaannya. Majlis telah mendapat tunjuk ajar dan nasihat daripada pembekal utama pokok *annuals* mengenai cara penyemaian benih *annuals*. Di peringkat awal Majlis merancang mengeluarkan bunga *annuals* sebanyak 30,000 pokok sebulan. Bagaimanapun, sehingga akhir tahun 2005 Majlis hanya berjaya mengeluarkan sebanyak 10,000 pokok bunga *annuals* sebulan dan menanamnya di kawasan Taman Bunga Merdeka, berdekatan Mahkamah Melaka dan dalam pasu besar di Jambatan Sultan Abdul Aziz, Bandar Hilir. Biji benih *annuals* dibeli daripada luar Negara antaranya Jepun, Belanda dan Australia melalui pembekal pokok *annuals* dengan harga antara RM180 hingga RM350 bagi 5 atau 10 gram bergantung kepada jenis dan spesis. Punca pengeluaran kurang daripada sasaran adalah kemudahan di tapak semaian tidak dapat digunakan sepenuhnya. Sebahagian kawasan laluan antara rak yang digunakan untuk menyemai pokok *annuals* dalam polibag sukar dilalui kerana berlumpur dan berselut seperti di **Foto 23**. Punca takungan air adalah kerana tiada sistem perparitan yang sempurna bagi mengalirkan air siraman pokok di kawasan tersebut. Adalah didapati rak yang digunakan juga sudah uzur, reput dan tidak sesuai digunakan bagi menampung jumlah polibag yang banyak seperti di **Foto 24**.

Foto 23

Sebahagian Kawasan Laluan Antara Rak Sukar Dilalui Kerana Berlumpur Dan Berselut



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Tapak Semaian Batu Berendam

Tarikh : 03.10.2005

Foto 24

Rak Tempat Meletak Polibag Anak Benih Sudah Uzur Dan Reput



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Tapak Semaian Batu Berendam

Tarikh : 03.10.2005

ii) Rumah Teduhan Anak Pokok

Beberapa jenis pokok bunga amat sensitif kepada cuaca yang terlampau panas seperti pokok renek jenis berdaun dan anak benih yang baru bercambah. Bagi mengelakkan daun menjadi kekuningan, melecur, gugur dan kurang cantik pokok tersebut perlu diletakkan di bawah teduhan jaring hitam. Di tapak semaian Majlis terdapat satu bahagian di mana bumbung teduhan telah didirikan khusus bagi pokok yang sesuai ditempatkan di bawah lindungan cahaya matahari. Semakan Audit mendapati sebahagian struktur bumbung teduhan tidak selamat digunakan kerana besi penyokongnya telah berkarat dan patah. Selain itu didapati juga jaring hitam yang sepatutnya berfungsi menahan cahaya matahari memancar secara terus ke pokok sudah lama tidak berganti, uzur dan bocor. Ini boleh merosakkan pokok dan sekiranya tidak terkawal boleh menyebabkan pembaziran. Bumbung teduhan dan besi sokongan yang patah dan berkarat seperti di **Foto 25** dan **26**.

Foto 25

Jejaring Sebagai Bumbung Sudah Reput Dan Rosak



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Tapak Semaian Batu Berendam

Tarikh : 03.10.2005

Foto 26

Besi Penyokong Berkarat Dan Ada Yang Sudah Patah



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Tapak Semaian Batu Berendam

Tarikh : 03.10.2005

iii) Bangunan Pejabat Dan Stor Penyimpanan

Di kawasan tapak semaihan terdapat sebuah bangunan lama sebagai pejabat dan stor bagi penyimpanan baja, racun, benih bunga dan juga tempat pekerja rehat serta berteduh ketika hujan. Selain itu, bangunan tersebut juga digunakan sebagai tempat memberi penerangan dan ceramah kepada pelawat atau pelajar yang berkursus landskap. Pihak Audit mendapati bangunan tersebut terlalu kecil untuk menampung pekerja berteduh atau tempat penerangan pelawat. Ianya perlu diperluaskan, diperbaiki dan dilengkapi dengan kemudahan seperti kerusi meja, kipas, komputer dan sebagainya. Bagaimanapun, bagi ruangan terbuka/bangsal tempat proses tanah campuran dan pengisian tanah ke dalam polibag, cadangan bagi membaik pulih bangsal tersebut telah dihantar untuk kelulusan pihak pengurusan Majlis.

iv) Kenderaan Dan Lori

Majlis mempunyai 4 buah lori tertutup dan 2 buah lori terbuka yang digunakan untuk tujuan penghantaran pekerja ke kawasan penanaman dan penyenggaraan, mengangkat dahan pangkas dan rumput dari kawasan selenggara ke tempat buangan serta urusan sewaan pasu hiasan. Lori yang sedia ada tidak mencukupi untuk melaksanakan pelbagai tugas tersebut, sebuah lori terpaksa menghantar 3 kumpulan dan berulang alik mengambil dan menghantar sampah dari 3 kawasan berbeza. Ini menyebabkan kerja pungutan sampah daripada kerja penyenggaraan yang dilaksanakan sering kali lewat sedangkan sampah tidak boleh dibiarkan di kawasan penyenggaraan.

Pihak Audit berpendapat, pengurusan tapak semaihan Majlis kurang memuaskan kerana masalah kekurangan kakitangan, peralatan dan kenderaan. Selain itu, bangunan yang sedia ada tidak dilengkapi dengan perabot pejabat.

c) Kerja Penyenggaraan Yang Dikontrakkan Kepada Pihak Swasta

Sehingga akhir tahun 2005, Majlis telah melantik sebanyak 29 kontraktor untuk menyenggara 37 kawasan landskap yang melibatkan sejumlah RM2.81 juta setahun. Skop kerja penyenggaraan yang dikontrakkan berbeza mengikut kawasan, tempat dan keadaan landskap. Terdapat kontrak penyenggaraan meliputi penyenggaraan landskap lembut sahaja seperti kerja penyiraman pokok, membaja, membersihkan kawasan pangkal pokok dan mencantas. Ada kontrak yang turut merangkumi kerja penyenggaraan landskap kejur dan ada juga hanya kerja penyiraman sahaja dikontrakkan tetapi kerja penyenggaraan lain diurus sendiri. Prestasi penyenggaraan mengikut kawasan penyenggaraan adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Prestasi Penyenggaraan Mengikut Kawasan Lanskap
Oleh Kontraktor Bagi Tahun 2005

Bil.	Kawasan Penyenggaraan	Perbelanjaan Setahun (RM)	Kerja-kerja
1.	Pulau Jalan	376,440	Kerja-kerja pembersihan, penyiraman dan penyenggaraan pokok-pokok bunga di kawasan terlibat
2.	Jalan/Pembahagi Jalan	1,627,716	
3.	Taman	810,372	
Jumlah		2,814,528	

Sumber : Senarai Maklumat Kontraktor Bahagian Pengindahan Bandar

Pihak Audit telah memilih 6 kontrak kerja penyenggaraan untuk disemak. Enam kontraktor tersebut adalah Rimbun Tuah Enterprise, Rimbunan Mekar Enterprise, MELZA Enterprise, Molek A.A.G Enterprise, Syarikat Ibrahim Suria dan Sutera Indah Bina. Semakan Audit mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan penyenggaraan landskap yang dilaksanakan oleh kontraktor antaranya termasuklah :

i) Dokumen Tender/Sebut Harga

Dokumen tender atau sebut harga merupakan satu perjanjian yang telah dipersetujui oleh pihak Majlis dan kontraktor bagi mematuhi terma/syarat yang telah ditetapkan. Justeru itu, dokumen tersebut perlu disediakan dan dibukukan dengan lengkap dan sempurna serta disimpan dengan selamat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati dokumen tender/sebut harga bagi 6 projek penyenggaraan tidak dibukukan dengan lengkap dan sempurna tetapi berbentuk helaian berasingan. Dokumen tersebut termasuklah borang tender, pecahan harga, butiran penender, surat tawaran surat setuju terima, butiran spesifikasi dan syarat kerja. Selain itu, dokumen sebut harga dan polisi insurans yang perlu disediakan oleh kontraktor tidak dikemukakan untuk semakan. Pihak Audit tidak dapat membuat analisis dan mengesahkan sama ada syarat dan spesifikasi yang ditetapkan telah dipatuhi. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan cara harga kontrak ditetapkan kerana jadual kadar harga dan anggaran kos Majlis bagi kerja yang dikontrakkan tidak dikemukakan untuk semakan.

ii) Pemilihan Kontraktor

Majlis telah mengurus pemilihan kontraktor bagi melaksanakan kerja penyenggaraan dengan memuaskan sama ada melalui panggilan tender atau sebut harga. Kontraktor yang dilantik biasanya memenuhi kriteria pemilihan seperti pengalaman kerja, peralatan dan kakitangan mencukupi serta harga tawaran yang berpatutan. Tempoh kontrak yang dipersetujui adalah selama 2 tahun. Majlis akan menamatkan kontrak sekiranya kontraktor gagal

melaksanakan kontrak dengan baik manakala kontrak akan disambung bulan ke bulan sehingga kontraktor baru dilantik. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2003 hingga 2005 enam kontraktor yang dilantik telah disambung kontrak pada tahun 2004 dan ditamatkan kontrak pada awal dan pertengahan tahun 2005. Bagaimanapun pemilihan kontraktor baru tidak dapat dimuktamadkan sebaik sahaja kontrak tamat. Oleh itu, Majlis telah menawarkan kerja secara bulanan kepada kontraktor yang sama sebelum keputusan tawaran sebut harga dan tender yang baru dikeluarkan.

iii) Penyenggaraan Pokok Casuarina

Kontrak penyenggaraan landskap bagi sebanyak 1,800 pokok Casuarina di Pantai Puteri dan Pantai Kundur telah ditamatkan pada Mac 2005 dan tiada pelantikan baru dibuat kerana pokok tersebut telah besar dan tidak memerlukan jagaan rapi. Bagaimanapun, kontraktor yang dilantik iaitu Rimbun Tuah Enterprise hanya melaksanakan kerja pembersihan kawasan untuk sampah sarap dan daun kering. Lawatan Audit mendapati pokok tersebut hidup subur dan dapat mengindahkan persisiran pantai tersebut. Namun demikian, pokok tersebut telah berkurangan kerana tumbang dan mati oleh hakisan pantai yang teruk dan dianggarkan sebanyak 200 batang pokok lagi akan turut tumbang akibat hakisan seperti di **Foto 27**. Selain itu, diperhatikan terdapat serangan ulat pada setiap pucuk muda pokok Casuarina dan sebanyak 5 batang pokok telah mati akibat serangan penyakit tersebut seperti di **Foto 28**. Majlis disyorkan supaya mengemukakan masalah hakisan pantai tersebut dalam mesyuarat pengurusan dan seterusnya ke mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan bagi mengelakkan pokok tersebut musnah oleh hakisan pantai. Jabatan Pengindahan Bandar juga perlu peka terhadap landskap di bawah jagaannya dan aspek penyenggaraan dilaksanakan berterusan terutama bagi memastikan pokok sihat, subur dan bebas dari serangan penyakit.

Foto 27
Pokok Casuarina Yang Tumbang Akibat Hakisan Pantai



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Pantai Kundur, Melaka

Tarikh 07.12.2005

Foto 28
Pokok Casuarina Yang Mati



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Pantai Kundur, Melaka

Tarikh : 07.12.2005

iv) Kerja Penyiraman Pokok

Majlis telah menswastakan kerja penyiraman di sepanjang Lebuh Ayer Keroh kepada 4 kontraktor iaitu Rimbunan Mekar Enterprise, MELZA Enterprise, Langkah Berkat Enterprise dan Tapak Semaian Seri Keridang Enterprise dengan bayaran RM240,000 setahun. Kontraktor tersebut hanya menjalankan kerja penyiraman 2 kali sehari manakala penyenggaraan kawasan dilaksanakan oleh pihak Majlis. Air siraman diambil oleh kontraktor daripada tapak semaian dengan bayaran RM50 sebulan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak memantau kerja penyiraman tersebut dan tiada laporan penyiraman disediakan tetapi hanya berdasarkan jadual kerja penyiraman yang dikemukakan oleh kontraktor bagi tujuan tuntutan bayaran. Pemeriksaan Audit ke tapak semaian juga mendapati tiada daftar pengambilan air oleh lori kontraktor diselenggarakan. Jadual dan daftar pengambilan air perlu disediakan bagi menentukan kekerapan kontraktor mengambil air bagi tujuan siraman. Majlis juga perlu mempertimbangkan keperluan menambah lori siraman agar kos bagi kerja penyiraman dapat dikurangkan. Ini bagi membolehkan kerja penyiraman diurus sendiri oleh Majlis kerana bagi tempoh jangka panjang kaedah ini adalah lebih kos efektif.

v) Pengindahan Tidak Menyeluruh

Lawatan Audit pada 7 Disember 2005 ke beberapa kawasan landskap Majlis seperti Pulau Jalan dan Lebuh Ayer Keroh mendapati penyenggaraan dan pengindahan tidak menyeluruh. Penyenggaraan juga tidak menyeluruh terutama di pinggir bandar. Landskap di beberapa kawasan seperti Pulau Jalan Pokok Mangga dan Taman Asean kurang menarik. Kombinasi warna pokok bunga yang ditanam tidak menarik iaitu hanya satu atau dua jenis sahaja (putih dan hijau), terdapat kawasan yang kosong dan tidak ditanam pokok hiasan, pokok tidak subur, semak di pangkal pokok tidak dibersihkan dan tiada pengemburan tanah dibuat. Keadaan landskap tersebut dipaparkan di **Foto 29**.

Foto 29

Kombinasi Bunga Tidak Menarik Dan Terdapat Kawasan Kosong



Sumber : Fail Foto Jabatan Audit Negeri Melaka

Lokasi : Pulau Jalan Pokok Mangga

Tarikh : 07.12.2005

Pada pendapat Audit, pengurusan penyenggaraan landskap yang diswastakan kurang memuaskan dan tidak dipantau sewajarnya khususnya dari segi penyelenggaraan dokumen, rekod, pengesahan fizikal kerja yang telah dilaksanakan dan kawalan terhadap kos.

10.2.7 Keperluan Bahan Dan Peralatan

Pada tahun 2003 hingga 2005 Majlis telah membelanjakan sejumlah RM3.6 juta untuk pembelian baja, racun, perkakasan taman, pokok dan benih. Pembelian bahan ini adalah digunakan bagi kerja landskap, penyenggaraan dan kegunaan di tapak semaihan. Prestasi perbelanjaan pembelian bahan dan peralatan adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Prestasi Perbelanjaan Pembelian Bahan Dan Peralatan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun		Baja (RM)	Racun Serangga Dan Tumbuhan (RM)	Perkakasan Taman (RM)	Pokok Dan Benih (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
2003	Anggaran	220,000	40,000	80,000	500,000	840,000
	Sebenar	89,998	10,278	41,587	625,728	767,591
	Lebihan/ (Kurangan)	(130,002)	(29,722)	(38,413)	125,728	(72,409)
	Peratus Belanja (%)	40.91	25.70	51.98	125.15	91.38
2004	Anggaran	150,000	30,000	80,000	600,000	860,000
	Sebenar	120,815	23,067	49,365	1,245,293	1,438,560
	Lebihan/ (Kurangan)	(29,185)	(6,933)	(30,635)	645,293	578,540
	Peratus Belanja (%)	80.54	76.89	61.71	207.55	167.27
2005	Anggaran	150,000	40,000	80,000	900,000	1,170,000
	Sebenar	212,152	19,290	84,699	1,078,912	1,395,053
	Lebihan/ (Kurangan)	62,152	(20,710)	4,699	178,912	225,053
	Peratus Belanja (%)	141.43	48.23	105.87	119.88	119.24

Sumber : Laporan Perbelanjaan Bahagian Kewangan Majlis

Perbelanjaan bagi tahun 2003 secara keseluruhan adalah berjumlah RM767,591 atau 91.38% daripada peruntukannya. Bagi tahun 2004, perbelanjaan telah meningkat kepada RM1.44 juta melebihi peruntukan sebanyak 167.27%. Manakala tahun 2005 perbelanjaan sejumlah RM1.39 juta melebihi peruntukan sebanyak 119.24%. Semakan Audit mendapati peningkatan perbelanjaan adalah bagi pembelian pokok dan benih berikutan bertambahnya kawasan landskap baru seperti sekitar MITC, Lebuh Ayer Keroh dan sambutan Majlis Raja-raja.

a) Pembelian Baja, Racun dan Perkakasan Taman

Pembelian bagi baja, racun dan perkakas taman telah dibuat melalui sebut harga. Pemilihan pembekal adalah ditentukan oleh Jawatankuasa Sebut harga yang dilantik. Semakan terhadap dokumen sebut harga mendapati peraturan yang ditetapkan mengenai tatacara pembelian melalui sebut harga telah diikuti dan dilaksanakan dengan sempurna. Dokumen pembelian yang disemak mendapati antara bahan yang dibeli adalah seperti baja, tanah *top soil*, pasir sungai, sabut kelapa, sekam padi dan *cocopeat*. Manakala pembelian racun termasuklah racun serangga, racun tumbuhan dan tanaman serta bahan kimia untuk cucian

bangunan. Sementara itu, perbelanjaan untuk perkakas taman adalah seperti pasu bunga, *pruning*, kayu, konkrit *table set*, *marble top chairs*, polibag serta peralatan taman yang lain seperti gergaji, cangkul, parang dan troli untuk mengangkat pasu. Bahan dan peralatan ini akan disimpan sementara di stor tapak semaihan. Lawatan Audit ke tapak semaihan pada 20 Januari 2006 mendapati daftar terimaan baja, racun, pokok dan benih ada di selenggara tetapi tidak teratur dan kemas kini. Manakala daftar keluar masuk tanah *top soil*, pokopit, racun, pasu, bahan dan peralatan masih belum di selenggara. Pihak pengurusan Majlis telah mengambil maklum perkara ini dan arahan telah dikeluarkan bagi mengemas kini daftar supaya kawalan dan pengesanan bahan dan peralatan dapat dibuat dengan mudah untuk semakan dan rujukan.

b) Pokok Dan Benih

Pada tahun 2003 hingga 2005, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.95 juta atau 81.9% untuk pembelian pokok dan benih bagi tujuan penanaman di jalan utama, bahu jalan, pulau jalan, bangunan Kerajaan, taman awam, taman permainan termasuk penggantian pokok mati, rosak dan pemberian anak pokok di tapak semaihan. Bekalan pokok dan benih diperolehi secara tender dari pembekal yang dipilih oleh Jawatankuasa Tender.

Majlis telah melantik 4 kontraktor bagi membekal pokok dan benih bagi tempoh tahun 2004 hingga 2005. Semakan Audit mendapati daripada 4 kontraktor yang dilantik tiada pembelian dibuat daripada seorang kontraktor pada tahun 2004 dan 2005. Pihak Audit difahamkan ini adalah kerana kontraktor berkenaan gagal memenuhi permintaan Majlis bagi membekalkan pokok yang dikehendaki. Selain itu, didapati juga bekalan pokok dan benih telah diperoleh secara pembelian terus berjumlah RM989,811 (42.3%) dari pelbagai pembekal lain. Pembelian terus dibuat apabila kontraktor yang dilantik tidak dapat membekalkan pokok yang dikehendaki dan keperluan segera untuk kegunaan sesuatu acara.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan keseluruhan bagi pembelian bahan dan peralatan adalah melebihi jumlah peruntukan yang diluluskan. Ini adalah menyalahi peraturan kewangan. Namun perbelanjaan ini adalah diperlukan bagi menjayakan program pengindahan.

10.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan


Majlis telah menyediakan satu struktur pengurusan dan latihan bagi menjayakan dan memastikan program pengindahan bandar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Guna tenaga dan latihan yang disediakan adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Pengurusan berkaitan pengindahan bandar menjadi tanggungjawab Jabatan Pengindahan Bandar dan tidak diletakkan di bawah Jabatan Perancangan

Pembangunan. Jabatan Pengindahan Bandar diketuai oleh Pengarah yang berjawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar dan tidak bertanggungjawab kepada Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan mengikut struktur perjawatan yang telah diluluskan. Pengurusan berkaitan pengindahan bandar menjadi tanggungjawab Jabatan Pengindahan Bandar dan tidak diletakkan di bawah Jabatan Perancangan Pembangunan. Jabatan Pengindahan Bandar diketuai oleh Pengarah yang berjawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang bertanggungjawab terus kepada Datuk Bandar dan tidak bertanggungjawab kepada Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan mengikut struktur perjawatan yang telah diluluskan. Semakan Audit mendapati terdapat perbezaan antara struktur organisasi sedia ada dengan struktur organisasi mengikut waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada penghujung tahun 2003. Jabatan Pengindahan Bandar dibahagikan kepada 4 bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kawal Selia, Bahagian Landskap (Projek) dan Bahagian Pengurusan Taman. Fungsi Jabatan ini adalah untuk menjalankan projek pengindahan, memantau dan mengawal selia kerja pembersihan termasuk pelupusan sisa pejal, penyenggaraan landskap termasuk tebang mahupun cantas pokok. Selain itu, ia juga menerima dan meluluskan permohonan pelan landskap, memantau projek pembangunan landskap bagi aspek landskap lembut, menyediakan khidmat nasihat tentang perlandskapan, menguruskan tapak semaian dan membaiki serta menyenggara alat permainan kanak-kanak. Struktur organisasi Jabatan Pengindahan Bandar sedia ada adalah seperti di **Carta 3**.

Carta 3
Struktur Organisasi Melibatkan Jabatan Pengindahan Bandar Sedia Ada



Sumber :Fail Perjawatan Majlis

b) Guna Tenaga

Mengikut waran perjawatan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan, Bahagian Pengindahan Bandar hendaklah diketuai seorang Arkitek Landskap. Kajian yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara turut menyarankan

Bahagian Pengindahan Bandar diisi dengan 3 jawatan Arkitek Lanskap. Semakan Audit mendapati Jabatan Pengindahan Bandar diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N41 yang dipinjamkan daripada Majlis Perbandaran Alor Gajah sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Selain itu, didapati juga jawatan yang telah diisi di Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Pengindahan Bandar sebanyak 116 jawatan sahaja berbanding 164 jawatan yang telah diluluskan. Jawatan yang masih kosong adalah Pembantu Pertanian Gred G27, Juruteknik Gred J17 dan 50 jawatan Pekerja Rendah Awam manakala jawatan yang terlebih diisi adalah Pembantu Tadbir Gred N17 dan Pekerja Rendah Awam Gred R4. Maklumat terperinci mengenai pengisian jawatan adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Pengisian Jawatan Berdasarkan Waran Perjawatan Yang Diluluskan

Nama Jawatan	Bilangan Yang Diluluskan	Bilangan Yang Diisi	Kosong/ (Terlebih Diisi)
Arkitek Lanskap J41	1	1*	
Pembantu Teknik J29	1	1	-
Pen. Pegawai Pertanian G32	1	1	-
Pen. Pegawai Pertanian G27	2	1	1
Juruteknik J17	1	-	1
Pembantu Pertanian G17	2	2	-
Pembantu Tadbir N22	1	1	-
Pembantu Tadbir N17	2	3	(1)
Pembantu Tadbir Rendah N11	1	1	
Pembantu Am Rendah N1	1	1	
Pemandu Kenderaan Bermotor R6	2		
Pemandu Kenderaan Bermotor R3	11	22	(3)
Pekerja Rendah Awam R4	6		
Pekerja Rendah Awam R1	132	82	50
Jumlah	164	116	52**

Sumber : Rekod Bahagian Pengurusan

*Diisi secara pinjaman oleh pegawai Gred N41

** Jawatan yang masih kosong tidak termasuk jawatan yang terlebih diisi

c) Latihan

Pada tahun 2003 hingga 2005, Majlis telah menyediakan pelbagai program kursus. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2005 Majlis telah menganjurkan sebanyak 102 kursus yang meliputi kursus dalaman, tempatan dan luaran. Kakitangan Jabatan Pengindahan Bandar turut mendapat latihan daripada kursus yang telah diadakan. Antara kursus yang dihadiri adalah seperti Kecemerlangan Diri, Kecintaan Organisasi, Induksi, Kefahaman Prosedur Kewangan dan Perintah Am dan Kursus Kenegaraan. Bagi kursus yang berkaitan dengan tugas pengindahan pada tahun 2003 sebanyak 3 kursus yang berkaitan telah diadakan iaitu Kursus Lanskap dan *Horticulture*, Kursus Penyenggaraan dan Daya Ketahanan Lanskap serta Seminar Lanskap. Manakala bagi tahun 2004 dan 2005 kursus seumpama ini tidak diadakan.

Pada pendapat Audit, keperluan guna tenaga dan latihan Majlis adalah kurang memuaskan kerana pengisian tidak dibuat mengikut kelulusan dan latihan berkaitan lanskap kurang diberikan.

10.2.9 Prestasi Perbelanjaan Projek Lanskap

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 Majlis telah membelanjakan sejumlah RM37.96 juta bagi pembangunan projek lanskap. Daripada jumlah ini RM34.55 juta adalah dari sumber peruntukan Majlis dan RM3.41 juta merupakan peruntukan Kerajaan Persekutuan (KPKT). Di bawah peruntukan Majlis sejumlah RM17.87 juta telah dibelanjakan menggunakan peruntukan pembangunan dan sejumlah RM16.68 juta pula menggunakan belanja mengurus. Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan dari peruntukan pembangunan berjumlah RM17.87 juta telah digunakan untuk pembangunan lanskap kejur seperti pemasangan dan ubah suai lampu awam berjumlah RM8.98 juta, persiaran jalan kaki berjumlah RM5.9 juta manakala sejumlah RM2.99 juta adalah untuk lanskap dan pembinaan alat permainan bagi Taman permainan. Perbelanjaan di bawah belanja mengurus pula digunakan untuk membiayai kos kerja penyenggaraan 37 kawasan lanskap, pembelian alat perkakasan taman serta pembelian pokok dan benih. Butiran terperinci mengenai perbelanjaan daripada peruntukan pembangunan Majlis adalah seperti di **Jadual 24** manakala perbelanjaan daripada peruntukan KPCT adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 24
Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Bagi Projek Pengindahan
Bagi Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun		Landskap Dan Pengindahan (RM)	Pembinaan Alat Permainan Kanak-kanak (RM)	Kemudahan Riadah Dan Taman (RM)	Pemasangan Dan Ubahsuai Lampu Awam (RM)	Persiaran Jalan Kaki/Mall (RM)	Jumlah Keseluruhan (RM)
2003	Anggaran	1,750,000	300,000	4,000,000	3,000,000	2,500,000	11,550,000
	Sebenar	1,554,271	299,069	5,646,575	2,470,983	95,365	10,066,263
	Lebihan/ (Kurangan)	(195,729)	(931)	1,646,575	(529,017)	(2,404,635)	(1,483,737)
	Peratus Belanja (%)	88.82	99.69	141.16	82.37	3.81	87.15
2004	Anggaran	1,000,000	200,000	5,000,000	2,420,000	4,000,000	12,620,000
	Sebenar	395,548	60,810	5,718,401	2,324,087	268,754	8,767,600
	Lebihan/ (Kurangan)	(604,452)	(139,190)	718,401	(95,913)	(3,731,246)	(3,852,400)
	Peratus Belanja (%)	39.55	30.41	114.37	96.04	6.72	69.47
2005	Anggaran	600,000	500,000	6,000,000	3,540,000	1,000,000	11,640,000
	Sebenar	397,547	283,564	5,310,276	4,185,483	5,536,118	15,712,988
	Lebihan/ (Kurangan)	(202,453)	(216,436)	(689,724)	645,483	4,536,118	4,072,988
	Peratus Belanja (%)	66.26	56.71	88.50	118.23	553.61	134.99

Sumber : Laporan Perbelanjaan Bahagian Kewangan Majlis

Pada tahun 2005 perbelanjaan pembangunan secara keseluruhannya bagi projek pengindahan berjumlah RM15.71 juta melebihi peruntukan sebanyak 134.99%. Jumlah ini didapati meningkat sejumlah RM6.95 juta atau 79.2% daripada tahun 2004 di mana perbelanjaan adalah berjumlah RM8.77 juta. Analisis Audit mendapati peningkatan ini adalah kerana kerja pemasangan dan ubahsuai lampu awam yang dilaksanakan di sepanjang Lebuh Ayer Keroh berjumlah RM3.6 juta. Selain itu, pembinaan Bandaraya Mall dengan kos berjumlah RM4.72 juta juga telah menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan pembangunan ini.

Jadual 25
Projek Pembangunan Lanskap Menggunakan Peruntukan
Jabatan Lanskap Negara Dan Jabatan Kerajaan Tempatan

Nama Projek	Tahun Peruntukan Diterima	Jumlah Peruntukan (RM)	Sumber Peruntukan
Kempen Tanam Pokok	2003	40,000	Jabatan Lanskap Negara
Penyenggaraan Lanskap Lebuh Ayer Keroh	2003	30,000	Jabatan Lanskap Negara
	2004	30,000	
Bina dan siapkan siar kaki dan naik taraf sistem perparitan dan lampu di sepanjang Jalan Merdeka	2003	1,500,000	Jabatan Kerajaan Tempatan
	2004	500,000	
	2005	159,079	
Pemasangan lampu awam di Jalan Batu Berendam	2004	850,000	Jabatan Kerajaan Tempatan
Bina siar kaki di Pantai Puteri Melaka	2005	300,000	Jabatan Kerajaan Tempatan
Jumlah Peruntukan Diterima		3,409,079	

Sumber : Rekod Bahagian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (SUK)

Pada pendapat Audit, keseluruhan perbelanjaan pembangunan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 tidak melebihi jumlah peruntukan. Sungguhpun perbelanjaan tahun 2005 melebihi peruntukan asal namun lebihan ini ditampung melalui pindah peruntukan bagi melaksanakan program pengindahan yang dirancang.

Pada keseluruhannya, pihak Audit berpendapat program pengindahan bandar adalah kurang memuaskan. Ini adalah disebabkan banyak kelemahan seperti pematuhan syarat, penyelenggaraan dokumen kontrak, tiada sistem pendaftaran pokok, pengurusan tapak semaihan, kerja penyenggaraan pokok lanskap, kekosongan jawatan dan pengurusan kewangan.

10.3 PEMANTAUAN

Majlis adalah bertanggungjawab terhadap perancangan pembangunan kawasan Bandar raya yang merupakan pusat pentadbiran Negeri Melaka. Sehubungan itu, Majlis telah mewujudkan beberapa kaedah pemantauan supaya program pengindahan bandar yang

dirancang dapat dilaksanakan bagi mencapai sasaran mahupun objektif yang ditetapkan seperti berikut:

10.3.1 Jawatankuasa Kecantikan Dan Kebersihan

Seksyen 28 dan 16(4) Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) memberi kuasa kepada Majlis menubuhkan jawatankuasa tetap bagi melicinkan pentadbiran Majlis. Jawatankuasa tetap yang ditubuhkan berkaitan dengan pengurusan serta pemantauan projek pengindahan bandar adalah Jawatankuasa Kecantikan dan Kebersihan. Keahlian jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Datuk Bandar terdiri daripada ahli Majlis yang dilantik dan wakil dari Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Perbadanan Air Melaka, Tenaga Nasional Berhad, Pegawai Kanan Majlis, Majlis Tindakan Pelancongan Negeri dan wakil Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) iaitu adalah konsortium yang dilantik oleh Majlis bagi menjalankan kerja pembersihan dan pelupusan sampah. Fungsi Jawatankuasa ini adalah

- a) Merangka dasar, program bersama masyarakat dan strategi bagi melaksanakan pelbagai langkah tertentu ke arah meningkatkan lagi tanggungjawab sivik terutama dari segi pembersihan sampah seperti gotong royong membersihkan kawasan;
- b) Mengawasi, memantau dan menentukan kerja Southern Waste Management Sdn. Bhd. (SWM) dan semua kontraktor pembersihan kawasan dapat dilaksanakan dengan berkesan dan berkualiti supaya aduan dapat ditangani dan tahap kepuasan orang awam dapat dipertingkatkan;
- c) Merangka dasar program dan menggalakkan penglibatan Majlis dalam pertandingan Kecantikan dan Kebersihan yang dianjurkan oleh semua pihak serta mengawasi kemajuan Jawatankuasa Induk dan Jawatan Kuasa Kecil Bersih dan Indah; dan
- d) Merangka dasar, program dan strategi bagi menjadikan Negeri Melaka Bandar raya Bersejarah Terbersih Dan Terindah.

Semakan Audit mendapati pada tempoh tahun 2003 hingga 2005 sebanyak 25 kali mesyuarat diadakan. Bagaimanapun, mesyuarat lebih memberi tumpuan kepada menyelesaikan aduan yang diterima seperti dahan pokok menghalang pandangan, jalan berlubang, lampu awam tidak berfungsi dan sampah tidak dikutip. Jawatankuasa ini sepatutnya mengawasi dan memantau kerja SWM dan semua kontraktor pembersihan kawasan.

10.3.2 Mesyuarat Pengurusan Majlis

Mesyuarat Pengurusan Majlis dipengerusikan oleh Datuk Bandar dan dihadiri oleh Pengarah setiap Jabatan termasuk Pengarah Jabatan Kejuruteraan dan Pengindahan Bandar. Semua Pengarah akan mengemukakan laporan prestasi

program/projek yang sedang dilaksanakan seperti peratusan siap, aduan yang diterima, masalah dalam pelaksanaan serta tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Pengurusan Majlis mendapat sepanjang tahun 2003 hingga 2005, Majlis telah mengadakan mesyuarat sebanyak 28 kali. Pengarah Jabatan Kejuruteraan dan Pengindahan Bandar telah melaksanakan pemantauan terhadap kemajuan projek dan program pengindahan melalui mesyuarat bulanan yang diadakan. Bagaimanapun, pihak Audit tidak memperoleh maklumat mengenai laporan prestasi dan kemajuan kerja harian dan bulanan kerana minit mesyuarat yang disediakan terlalu ringkas serta tiada lampiran dikepalkan.

10.3.3 Jabatan Pengindahan Bandar

Fungsi utama Jabatan Pengindahan Bandar adalah memantau dan mengawal selia kerja penyenggaraan landskap dan projek pembangunan landskap. Semakan Audit mendapat Jabatan ini tidak mewujudkan unit khusus yang bertanggungjawab memantau dan menyelia pembangunan dan penyenggaraan landskap lembut dan kejur. Majlis juga tidak menyediakan jadual pemantauan berkala khususnya terhadap kerja penyenggaraan landskap yang dikontrakkan kepada pihak swasta. Sungguhpun Majlis ada melantik pegawai penyelia bagi memantau kerja yang dikontrakkan kepada pihak swasta dan menyediakan senarai semak bagi menilai prestasi kerja kontraktor, ia tidak disempurnakan dengan sewajarnya. Kerja penyenggaraan mahupun pemantauan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana kekurangan kakitangan dan kurangnya pemantauan kemajuan kerja oleh pihak atasaran antaranya penyediaan laporan di bahagian tersebut. Bagi kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan Majlis, tiada laporan kemajuan harian atau bulanan disediakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh Jawatankuasa dan Jabatan Pengindahan Bandar terhadap program pengindahan bandar yang dilaksanakan oleh syarikat swasta adalah kurang memuaskan.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya program pengindahan bandar yang dilaksanakan oleh Majlis telah berjaya mencapai matlamat untuk menjadikan Melaka Bandaraya Bersejarah Dalam Taman. Majlis telah mengindahkan Bandar raya Melaka dengan mewujudkan taman baru dan menanam pelbagai pokok yang berwarna warni bagi menceriakan persekitaran bandar raya khususnya. Kejayaan Negeri Melaka dalam bidang pelancongan bukan hanya bergantung kepada tempat bersejarah tetapi turut dipengaruhi juga oleh persekitaran yang indah dengan landskap yang menarik. Faktor ini bukan saja menjadi daya penarik kepada kegiatan sosial dan ekonomi tetapi juga memberi keselesaan hidup khususnya kepada penduduk tempatan dan para pelancong. Kajian Audit terhadap program pengindahan

bandar ini mendapat terdapat kelemahan seperti penyenggaraan dokumen kontrak, surat setuju terima, perakuan lanjut masa, vandalisme, pokok mati, pematuhan syarat kontrak, tiada sistem pendaftaran pokok, pengurusan tapak semaihan, kerja penyenggaraan pokok landskap, kekosongan jawatan, latihan, pengurusan kewangan iaitu belanja melebihi peruntukan dan pemantauan oleh syarikat yang dilantik tidak memuaskan. Bagi memperbaiki kelemahan dan meningkatkan pencapaian matlamat program ini, Jabatan Audit mengesyorkan beberapa perkara berikut:

- a) Proses kerja bagi pengurusan sebut harga atau tender, penyenggaraan landskap yang diurus oleh Majlis dan pemantauan kerja penyenggaraan oleh kontraktor diperkemas dan dibuat dengan lebih jelas bagi kegunaan Majlis. Ini termasuk menyediakan senarai semak yang sewajarnya untuk memastikan setiap kerja telah dilaksanakan dengan sempurna, direkodkan serta difailkan sewajarnya;
- b) Mewujudkan pembahagian kerja yang lebih teratur di Jabatan Pengindahan Bandar dengan menekankan aspek penyeliaan dan pemantauan kerana sebahagian kerja dilaksanakan oleh pihak swasta. Majlis perlu mempertingkatkan kawalan dari segi perincian terhadap syarat kontrak, memperkemaskan dokumen, rekod dan arahan secara bertulis bagi memastikan setiap kerja dilaksanakan mengikut syarat kontrak dan mengelak penipuan ataupun kos yang terbabit tidak berpadanan dengan kerja yang dilaksanakan;
- c) Majlis perlu memastikan daftar, rekod dan dokumen yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini untuk memudahkan semakan, rujukan dan penilaian;
- d) Pengisian jawatan utama perlu mengambil kira kelayakan dan kepakaran yang selari dengan bidang kerja iaitu Arkitek Landskap. Selain itu, keperluan guna tenaga yang mencukupi juga perlu selari dengan bebanan kerja bagi memperindah keseluruhan kawasan pentadbiran Melaka Tengah dan tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja;
- e) Latihan berkaitan landskap hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dengan program ini supaya pegawai berkenaan dapat meningkatkan kepakaran bagi membentuk seni landskap yang menarik dan kreatif;
- f) Keperluan bahan dan peralatan yang mencukupi perlu dipertimbangkan untuk kegunaan keperluan jangka panjang. Majlis perlu sentiasa menilai prestasi pembekal dari segi masa penghantaran dan stok pokok yang terdapat di tapak semaihan pembekal. Kontraktor yang gagal membekal pokok dan benih dalam masa yang ditetapkan hendaklah ditamatkan kontrak mereka;
- g) Majlis perlu bekerjasama menerusi perbincangan dan mesyuarat dengan Jabatan Teknikal dan Agensi yang berkaitan bagi mengelak projek bertindih dengan kawasan

yang telah dilandskapkan oleh Majlis. Ini dapat mengelakkan pembaziran dari segi kos dan masa;

- h) Majlis perlu menaik taraf tapak semaihan yang sedia ada dengan membina rak semaihan yang lebih kukuh, mengganti besi dan jaring teduhan dan kemudahan di pejabat dipertingkatkan khususnya bagi penyimpanan rekod dan tugas perkeranian;
- i) Pewujudan unit pemantauan khusus perlu dipertimbangkan supaya Majlis dapat menilai prestasi kerja pihak swasta. Penilaian ini adalah penting bagi menentukan keberkesanan dan kecekapan program dari segi kos; dan
- j) Majlis hendaklah melakukan pemantauan yang lebih kerap ke kawasan tumpuan orang ramai dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, peranan Jawatankuasa Kecantikan dan Kebersihan boleh dipertingkatkan dengan membincangkan kemajuan program secara menyeluruh dan menyediakan laporan kemajuan yang lengkap serta lawatan fizikal dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN II

PERKARA AM

BAHAGIAN II
PERKARA AM

12. PENDAHULUAN

Semakan semula telah dibuat terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun lepas dan yang masih belum selesai untuk menentukan sama ada tindakan susulan yang sewajarnya telah diambil oleh pihak yang berkenaan untuk mengatasi kelemahan yang dilaporkan. Selain itu, bahagian ini juga turut melaporkan mengenai pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kunci Kira-kira Wang Negeri.

13. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN LEPAS

13.1 PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI

Pada tahun 2004, pengauditan pengurusan kewangan telah dijalankan di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka, Jabatan Kerja Raya Daerah Jasin dan Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka. Antara perkara yang dilaporkan adalah seperti berikut:

- a) Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja belum disediakan dan tidak kemas kini;
- b) Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun tidak bermesyuarat dalam tempoh masa yang ditetapkan;
- c) Semakan harian terhadap Buku Tunai Cerakinan dan resit tidak dibuat;
- d) Pemeriksaan mengejut terhadap wang dan barang berharga tidak dilakukan;
- e) Akaun Tunai dan Penyata Penyesuaian Hasil lewat dikemukakan ke Perbendaharaan Negeri;
- f) Buku Vot tidak disemak oleh Pegawai Penyelia;
- g) Penyata Penyesuaian Perbelanjaan tidak disediakan dengan lengkap dan kemas kini;
- h) Daftar Bil tidak diselenggara dengan kemas kini serta tidak disemak oleh Ketua Jabatan atau wakilnya;
- i) Pengurusan harta modal dan inventori tidak memuaskan. Harta modal dan inventori tidak daftarkan dalam kad harta modal dan inventori. Daftar harta modal dan inventori tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Nombor siri pendaftaran tidak dilekatkan pada aset dan pemeriksaan fizikal terhadap harta modal dan inventori juga tidak dijalankan;
- j) Buku Log kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini;
- k) Daftar Borang Hasil belum disediakan bagi merekod stok buku resit;
- l) Catatan di Buku Tunai tidak direkod mengikut susunan urusan;

- m) Baucar Bayaran lewat disediakan melebihi tempoh 30 hari dari tarikh bil diterima;
dan
- n) Bayaran balik pinjaman bagi kakitangan kontrak yang telah menamatkan perkhidmatan tidak dituntut.

Kedudukan Masa kini

Tindakan telah diambil untuk mengatasi sebahagian daripada kelemahan yang dibangkitkan. Tindakan telah dan sedang diambil untuk menyelenggara, mengemas kini dan memperbaiki semua rekod kewangan dengan lebih berkesan. Aspek kelemahan berhubung pengurusan kewangan serta langkah pembetulan telah dibincangkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun di peringkat Jabatan dan Agensi. Bagaimanapun, terdapat kelemahan yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan antaranya penggunaan Daftar Borang Hasil, penyediaan Daftar Kawalan Harta Modal dan pemeriksaan fizikal harta modal tidak dilakukan.

13.2 PEJABAT DAERAH DAN TANAH JASIN: PENGURUSAN PENGAMBILAN TANAH

Akta Pengambilan Tanah 1960 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri membuat pengambilan tanah bagi tujuan awam, kemajuan ekonomi dan perlombongan, kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian serta rekreasi bagi permohonan daripada Kerajaan, perbadanan, syarikat dan orang perseorangan. Dalam memproses permohonan, wang proses dan deposit pampasan tanah perlu dijelaskan manakala dokumen sokongan dilengkapkan bagi memudahkan pemprosesan. Tindakan memproses permohonan yang tidak lengkap telah menjasikan kelancaran pemprosesan permohonan pengambilan tanah kerana faktor masa yang lama perlu diperuntukkan bagi mendapatkan dokumen yang lengkap daripada pemohon. Pejabat Tanah juga masih belum memungut sejumlah RM353,000 daripada 5 pemohon walaupun permohonan telah diproses sejak tahun 1999. Tempoh memproses permohonan sehingga selesai juga masih belum ditetapkan dengan jelas. Sebanyak 9 permohonan pengambilan tanah yang diterima sejak tahun 1999 masih diproses dan berlarutan antara 22 hingga 64 bulan berikutnya kegagalan pemohon menjelaskan deposit pampasan, bayaran proses permohonan dan kegagalan mengemukakan dokumen permohonan dengan lengkap. Selain itu, sejumlah 2 permohonan pengambilan tanah telah dikenakan deposit pampasan tidak mengikut kadar yang ditetapkan manakala sejumlah 6 permohonan masih belum menjelaskan deposit pampasan berjumlah RM7.12 juta. Di samping itu juga, Perbadanan Tanah Adat Melaka (Perbadanan) yang melaksanakan Projek Perumahan Awam Kos Rendah Merlimau IV dan Air Merbau masih belum menjelaskan sejumlah RM513,890 yang meliputi bayaran pampasan tambahan serta faedah akibat kelewatan menjelaskan pampasan kepada pihak yang berkepentingan. Faedah 8% setahun bagi pampasan tanah yang perintah mahkamah telah dikeluarkan oleh mahkamah pada bulan Mac 2000 akan terus meningkat sehingga agensi berkenaan berupaya menjelaskannya.

Kedudukan Masa Kini

Pejabat Tanah dan Daerah Jasin telah mengambil beberapa langkah untuk mempertingkatkan lagi pengurusan pengambilan tanah dengan cara berikut:

- a) Pejabat Tanah telah mengambil tindakan dengan membatalkan permohonan pengambilan tanah bagi 5 pemohon yang mengemukakan permohonan pada tahun 1999.
- b) Tempoh memproses pengambilan tanah bermula dari permohonan diterima sehingga kelulusan MMKN telah ditetapkan iaitu selama 12 bulan. Pejabat Tanah juga telah mengambil tindakan membatalkan kesemua 9 permohonan pengambilan yang gagal menjelaskan deposit pampasan tanah serta wang proses dan dokumen sokongan yang tidak lengkap sewaktu mengemukakan permohonan.
- c) Pejabat Tanah telah menuntut sejumlah RM1,100 yang merupakan baki bayaran deposit pampasan bagi pembinaan tapak pasar baru Umbai lanjutan kesilapan pengiraan oleh kakitangan Pejabat Tanah. Bagaimanapun bagi satu lagi permohonan bercampur daripada Majlis Daerah Jasin bagi tujuan tapak pembinaan pasar dan pembangunan bercampur juga telah dibatalkan oleh Pejabat Tanah.
- d) Bagi Projek Perumahan Awam Kos Rendah Merlimau IV dan Air Merbau, bayaran pampasan tambahan serta faedah berjumlah RM513,890 kepada 2 pemilik tanah masih belum dijelaskan sehingga tarikh laporan ini disediakan.

13.3 YAYASAN MELAKA: PENGURUSAN PELABURAN YAYASAN MELAKA

Yayasan telah mula membuat pelaburan sebagai usaha mencari sumber kewangan bagi membiayai aktivitinya. Antara aktiviti pelaburan yang dilaksanakan oleh Yayasan adalah pelaburan dalam simpanan tetap, pelaburan dalam saham tersiar harga, pelaburan harta tanah dan pelaburan modal dalam syarikat yang menjalankan pelbagai aktiviti antaranya perladangan, pendidikan, mata wang dinar, pembangunan harta tanah, percetakan dan perindustrian kuari.

Dalam menjalankan aktiviti pelaburan Yayasan tidak menyediakan pelan strategik secara khusus bagi kesemua aktiviti pelaburan. Bagaimanapun Yayasan ada membuat peruntukan pelaburan bagi pembangunan tanah dan pelaburan saham menerusi bajet tahunan. Yayasan ada menyediakan Manual Prosedur Kerja mengikut keperluan Sijil ISO bagi pelaburan harta tanah manakala bagi pengurusan pelaburan saham tersiar harga Yayasan telah mengikut Garis Panduan Pelaburan Saham Negeri Melaka. Walau bagaimanapun Yayasan tidak mengeluarkan peraturan atau garis panduan khusus mengenai pelaburan saham tidak tersiar harga. Yayasan telah menceburi pelaburan

hartanah dengan melaksanakan pembangunan tanah secara penswastaan dan usaha sendiri. Semakan terhadap 5 projek pembangunan tanah yang dibangunkan secara penswastaan mendapati beberapa perkara penting seperti kos pengambilan tanah, harga penilaian semasa, pulangan balik dan lain-lain kos yang berkaitan tidak diambil kira secara jelas dalam rundingan harga penswastaan. Yayasan juga telah menerima pulangan dalam bentuk tunai dan pemberian unit bangunan yang dibangunkan. Pulangan dalam bentuk aset yang diterima bagi 4 projek yang disemak melebihi 60% dan sehingga akhir tahun 2004 bilangan unit bangunan yang telah dijual hanya 71 daripada keseluruhan 421 unit bangunan yang diterima. Yayasan juga memperolehi pendapatan dengan penyewaan hartaanah yang terdiri dari sewa bangunan, rumah kediaman, rumah kedai dan tapak perusahaan kuari. Yayasan masih belum menyediakan perjanjian penyewaan bagi 3 bangunan yang telah pun disewakan. Tuggakan hasil penyewaan sehingga akhir tahun 2004 berjumlah RM4.00 juta. Bagi pelaburan saham tersiar harga, Yayasan ada mendapatkan nasihat daripada penasihat profesional daripada syarikat broker tetapi minit mesyuarat mengenai rundingan tidak disediakan. Yayasan juga ada membuat pelaburan dalam saham papan kedua yang bertentangan dengan Garis Panduan Pelaburan Saham Negeri Melaka. Prestasi pelaburan dalam saham tidak tersiar harga meliputi pelaburan dalam syarikat subsidiari dan syarikat tidak bersekutu adalah kurang memuaskan. Bagaimanapun mulai tahun 2002 Yayasan telah mengambil langkah untuk menilai semula kedudukan syarikat subsidiari dan bersekutu dan tindakan sedang diambil bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan aktiviti yang dijalankan termasuk mengenakan syarat dan terma sebelum pemberian pendahuluan diluluskan.

Kedudukan Masa Kini

Yayasan telah mengambil beberapa tindakan bagi mempertingkatkan pengurusan pelaburan. Yayasan masih belum menyediakan pelan strategik secara khusus bagi semua aktiviti pelaburan. Bagaimanapun Yayasan telah menyediakan pelan strategik jangka pendek bagi pelaburan saham untuk tahun 2006 di mana pelaburan di dalam saham tersiar harga yang tidak berdaya maju akan dilupuskan. Yayasan juga telah menyediakan Garis Panduan Pelaburan dan prosedur saham yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada awal tahun 2006. Bagi pembangunan tanah secara penswastaan Yayasan tidak mempunyai garis panduan khusus, bagaimanapun Yayasan menerima pakai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan Negeri, Garis Panduan Permohonan Memajukan Tanah Di Negeri Melaka yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri dan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi menjaga kepentingan Yayasan, penambahbaikan telah dibuat dalam perjanjian dengan pemaju dengan memasukkan terma yang melindungi kepentingan Yayasan antaranya kos berkaitan pampasan tanah, bayaran premium tanah dan cukai tanah semasa perlu ditanggung oleh pemaju dan Yayasan selaku tuan tanah berhak membuat pilihan bagi pulangan dalam bentuk aset. Sehingga akhir tahun 2005 status jualan bangunan yang diterima sebagai pulangan daripada 5 projek pembangunan tanah yang disemak telah menunjukkan peningkatan. Bangunan yang masih belum dijual telah berkurang daripada 34 unit kepada

16 unit manakala 316 unit rumah pangsa tidak dijual tetapi disewakan. Perjanjian penyewaan bagi 2 daripada 3 bangunan yang disewakan iaitu Pusat IT Ayer Keroh dan Rumah Pangsa Taman Bertam Perdana telah pun ditandatangani. Bagaimanapun bagi bangunan Wisma Negeri ia tidak akan disewakan sebaliknya sedang dalam pertimbangan dan rundingan untuk dijual secara sewa beli. Yayasan tidak lagi membuat pembelian saham daripada papan kedua mulai bulan September 2005. Perbincangan dengan penasihat profesional daripada syarikat broker juga telah disediakan minit mesyuarat. Yayasan juga akan membincangkan laporan bulanan saham tersiar harga termasuk analisis terhadap pembelian, penjualan dan keuntungan saham dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Bagi meningkatkan kawalan dan pemantauan aktiviti yang dijalankan oleh syarikat subsidiari dan bersekutu tindakan yang telah diambil adalah melantik Pengurus Besar sebagai wakil, melaporkan prestasi kewangan serta mengenakan syarat mengenai pemberian dan bayaran balik bagi setiap pendahuluan yang dipohon oleh syarikat subsidiari dan bersekutu.

14. PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA YANG MASIH BELUM SELESAI

Semakan semula terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lepas menunjukkan tiada perkara berbangkit yang masih belum diambil tindakan oleh Jabatan/Agensi yang diaudit.

15. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS JABATAN/AGENSI

Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diaudit dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti dan Kajian Khas Jabatan/Agensi pada tahun 2004 telah dibentangkan pada bulan September 2005.

16. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Pada tahun 2005, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam telah bersidang 3 kali untuk membincangkan isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003 dan 2004. Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri mengenai Laporan Audit Negara tahun 2003 dan 2004 telah dibentangkan seperti dikehendaki dalam dewan Undangan Negeri yang diadakan pada bulan Oktober 2005. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti Awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama Laporan Audit yang belum selesai dan memastikan syor-syor jawatankuasa diambil tindakan oleh ketua-ketua Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Perkara yang

dibincangkan oleh Jawatankuasa sebelum laporan Jawatankuasa mengenainya dibentangkan adalah seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Mesyuarat Dan Perbincangan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri
Pada Tahun 2005

Tarikh	Jabatan/Agensi	Perkara
15 Julai 2005	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah	1. Kurang kakitangan melakukan tugas mengurus pengeluaran bahan batuan (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003) 2. Kelewatan proses kelulusan bahan batuan. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah	1. Peningkatan tunggakan kutipan cukai taksiran. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM)	1. Pinjaman PERTAM yang perlu dibayar balik. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
	Majlis Daerah Jasin	1. Projek Penswastaan Bandar Baru Jasin III. (Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2003)
26 September 2005	Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Daerah Jasin, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Perbadanan Tanah Adat Melaka (PERTAM)	1. Membincangkan syor PAC untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.
27 Disember 2005		1. Membincangkan pemilihan perenggan Laporan Ketua Audit Negara 2004 untuk meminta penjelasan Ketua Jabatan.

Sumber : Rekod Jabatan Audit

PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya tidak banyak kemajuan yang dapat dilaporkan berhubung dengan pelaksanaan program/aktiviti. Seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi beberapa tahun yang lalu, sungguhpun program/aktiviti telah dirancang dengan baik, namun dari aspek pelaksanaan dan pemantauannya, masih ada beberapa kelemahan yang jika tidak diperbetulkan boleh menjelaskan pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan pelaksanaan program/aktiviti ialah kekurangan kakitangan dan ketiadaan penyeliaan yang rapi.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

26 Julai 2006